

## BAB 2

### MAKANAN MENURUT HUKUM ISLAM DAN KESIHATAN

#### 2.1. PENDAHULUAN

Dalam membicarakan tentang makanan, Islam sangatlah menitikberatkan isu-isu yang berkaitan dengan halal dan haram. Di dalam al-Quran, Allah SWT telah mengecam sikap orang-orang Yahudi<sup>1</sup>, Nasrani<sup>2</sup> dan Musyrik<sup>3</sup> yang telah menentukan kriteria halal dan haram terhadap makanan berdasarkan hawa nafsu semata-mata. Sebaliknya Allah SWT sentiasa menyarankan manusia agar mengambil makanan yang halal lagi baik dan melarang mengikut jejak langkah syaitan dalam menetapkan kehalalan sesuatu makanan. Allah SWT dengan sifatNya al-Rahman tidak membiarkan hambaNya berada di dalam kegelapan dalam menghadapi isu yang berkaitan dengan halal dan haram. Kesemuanya telah dijelaskan oleh Allah SWT secara terperinci melalui al-Quran dan al-Sunnah.

---

<sup>1</sup>Orang Yahudi dicela oleh Allah kerana suka memakan riba dan memakan harta orang lain secara batil, lihat al-Nisa'(4): 160-161.

<sup>2</sup>Orang Nasrani dicela oleh Allah kerana mengikut pendapat rahib (pendeta) dalam menetapkan makanan yang halal dan haram, mereka menjadikan pendeta sebagai tuhan, lihat al-Taubah (9): 31.

<sup>3</sup>Orang Musyrik dicela oleh Allah kerana mereka menetapkan haramnya sesuatu makanan berdasarkan pertimbangan bahawa makanan tersebut dipersembahkan untuk berhala. Mereka mengharamkan unta betina yang telah beranak sebanyak lima kali (*bairah*), unta betina yang dinazarkan untuk berhala (*sab'ah*), kambing yang telah beranak sebanyak tujuh kali (*wasilah*) dan unta jantan yang telah sepuluh kali membuntingi unta betina (*ham*). Mereka mengharamkannya berdasarkan pendusataan atas nama Allah dan mengikut pendapat nenek moyang mereka. Lihat al-Ma'idah (5): 103-104 tentang penghalalan keempat-empat binatang yang disebutkan.

Terdapat banyak ayat al-Quran dan al-Sunnah yang membicarakan tentang makanan seperti peraturan atau adab-adab makan dan minum,<sup>4</sup> tujuan makan dan minum termasuk *tayyib* dan zat-zat makanan,<sup>5</sup> makanan baik dan berkhasiat<sup>6</sup> ciri-ciri atau konsep makanan halal dan haram,<sup>7</sup> hubungan makanan dan kesihatan<sup>8</sup> menghindarkan diri dari mengambil makanan yang memudaratkan diri<sup>9</sup> dan memakan benda-benda yang diharamkan kerana darurat.<sup>10</sup> Nabi SAW melarang seseorang daripada berpuasa secara terus-menerus yang bertujuan untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT ini adalah kerana sebagai agama yang lengkap. Islam telah menetapkan hak-hak dan kewajipan yang perlu ditunaikan oleh penganutNya.<sup>11</sup> Seterusnya baginda turut menekankan bahawa keseimbangan dalam mengambil makanan itu adalah penting untuk kesihatan jasmani dan rohani. Untuk mencapai matlamat yang disarankan, baginda telah memberikan panduan dalam mengambil makanan dan minuman iaitu satu pertiga untuk makanan, satu pertiga untuk minuman dan satu pertiga untuk pernafasan.

---

<sup>4</sup>Rugayah Sahran (1990), “Tinjauan Mengenai Kesihatan di Dalam al-Quran dan al-Sunnah (Tumpuan Kepada Peraturan Makan Dan Minum), (Kertas Projek, Fakulti Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya), h. 33. Siti Rudainah Salleh (1998), “Konsep Pemakanan Menurut al-Quran” (Kertas Projek, Fakulti Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya), h. 20-30. Khairunisa Ismail (1995/1996), “Makanan dan Pemakanan Menurut al-Quran: Kajian Surah al-Baqarah ayat 172 dan 173” (Kertas Projek, Fakulti Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya), h. 78-91.

<sup>5</sup>Rugayah Sahran (1990), *op.cit.*, h. 30-33. Lihat Ramly Hj.Said (1991), “Kepenggunaan Makanan: Konsep dan Pemahamannya Di Kalangan Masyarakat Islam, Satu Kajian Di Lembah Kelang” (Kertas Projek, Fakulti Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya), h. 28-38, Siti Rudainah Salleh (1998), *op.cit.*, h. 17-20. Khairunisa Ismail (1995/1996), *op.cit.*, h. 73, Wan Musa Wan Ibrahim (2003/2004), “Sikap Masyarakat Terhadap Halal Haram: Satu Kajian di Kampung Paya Rambai, Kota Bharu Kelantan” (Kertas Projek, Jabatan Fiqh dan Usul, Bahagian Pengajian Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya), h. 13.

<sup>6</sup>Siti Rudainah Salleh (1998), *op.cit.*, h. 49-70. Lihat Khairunisa Ismail (1995/1996), *op.cit.*, h. 104-110,

<sup>7</sup>Rugayah Sahran (1990), *op.cit.*, h. 53-64. Lihat Ramly Hj.Said (1991) *op.cit.*, h. 53-55. Siti Rudainah Salleh (1998), *op.cit.*, h. 38. Khairunisa Ismail (1995/1996), *op.cit.*, h. 99-110, Wan Musa Wan Ibrahim (2003/2004), *op.cit.*, h. 20-23.

<sup>8</sup>Rugayah Sahran (1990), *op.cit.*, h. 65-77. Lihat Ramly Hj.Said (1991), *op.cit.*, h. 56-58, Siti Rudainah Salleh (1998), *op.cit.*, h. 74-76.

<sup>9</sup>Siti Rudainah Salleh (1998), *op.cit.*, h. 76-83.

<sup>10</sup>Khairunisa Ismail (1995/1996), *op.cit.*, h. 118.

<sup>11</sup>Antara hak tersebut ialah hak tubuh badan sebagaimana yang telah dijelaskan oleh Rasulullah SAW melalui hadisnya yang bermaksud: “*Sesungguhnya bagi badan kamu keatas kamu ada hak*” lihat hadis bab *Haq al-jismi fi al-salmi*, h. 245., dan di antara hak tubuh badan itu termasuklah juga menjaga makan dan minum.

Dua faktor utama yang selalu digandingkan oleh al-Quran dalam pembicaraan tentang perintah makan ialah halal dan baik (*tayyib*). Terdapat empat ayat yang menggabungkan dua sifat tersebut, iaitu dalam surah al-Baqarah (2) ayat 168, al-Maidah (5) ayat 88, al-Anfal (8) ayat 69 dan an-Nahl (16) ayat 114. Kesemua ayat-ayat ini menyatakan bahawa makanan tidak hanya berfungsi untuk menjaga kesihatan dan kesinambungan hidup, tetapi juga berpengaruh dalam membentuk keperibadian dan karakter seseorang. Ibrahim bin Umar yang mengambil pendapat al-Hirrali<sup>12</sup> (w.629H/1232) mengatakan bahawa orang yang suka memakan makanan yang kotor biasanya bertabiat kasar, keras dan sukar menerima kebenaran.<sup>13</sup> Seterusnya Islam telah memperkenalkan prinsip makan dan minum secara sederhana kerana Allah SWT tidak menyukai orang yang melampaui batas, firman Allah SWT:

كُلُوا وَاشْرِبُوا مِنْ رِزْقِ اللَّهِ وَلَا تَعْשُوا فِي الْأَرْضِ مُفْسِدِينَ

*“Makan dan minumlah kamu dari rezeki Allah itu, dan janganlah kamu merebakkan bencana kerosakan di muka bumi”*

Surah al-Baqarah (2): 60

## 2.2. DEFINISI MAKANAN

Makanan adalah sesuatu yang secara fizikalnya boleh dikenali samada dari segi warna, bentuk, bau dan rasa. Dalam bahasa Arab, makanan adalah *at'imah* iaitu kata jamak kepada *ta'am* yang bermaksud segala apa yang dimakan untuk mendapatkan kekuatan badan. Perkataan *ta'm* pula bermaksud merasai sesuatu samada manis, pahit, masam,

---

<sup>12</sup>Beliau merupakan seorang ahli tafsir (w.629H/1232M).

<sup>13</sup>Abdul Azis Dahlan, *et. al.* (1999), *Ensiklopedi Hukum Islam*, cet. ke-3, Jakarta: Ichtiar Baru van Hoeve, h. 1071.

masin dan sebagainya.<sup>14</sup> Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat makanan adalah bermaksud apa sahaja yang boleh dimakan seperti roti, nasi dan lain-lain.<sup>15</sup> Menurut Mohamed b. Jusoh makanan boleh dertiikan sebagai memamah atau menguyah sesuatu benda yang bukan berbentuk cecair.<sup>16</sup> Ertinya, makanan pada kebiasaannya merupakan kepada perbuatan memakan benda yang berketul, berbiji, berbuku yang boleh dikunyah seperti nasi, roti, buah-buahan dan sebagainya. Manakala minum pula ialah perbuatan meneguk atau menghirup sesuatu yang cair seperti susu, air atau madu yang tidak perlu dikunyah atau dimamah.

Phuah Kooi Ean<sup>17</sup> mendefinisikan makanan sebagai bahan yang boleh dimakan dan digunakan oleh badan untuk melaksanakan fungsinya. Makanan mengandungi zat dan apabila dimakan ia digunakan oleh badan untuk mengeluarkan tenaga bagi mengekalkan suhu badan, membina dan menjaga kesempurnaan tisu badan dan untuk pembiakan dan membekal bahan-bahan bagi melaksanakan pelbagai proses dalam badan.

Manakala “*Dorland’s Illustrated Medical Dictionary*” mentakrifkan makanan sebagai apa sahaja yang diambil oleh badan yang membina tisu atau membekalkan badan dengan kehangatan, pencernaan dan zat makanan.<sup>18</sup> Menurut “*Bender’s*

<sup>14</sup>Majma’ al-Lughah al-‘Arabiyyah (1992), *al-Mu’jam al-Wajiz*, Jumhuriyyah Misr al-‘Arabiyyah: Wizarah al-Tarbiyyah wa al-Ta’lim, h. 391.

<sup>15</sup>Noresah Bt. Baharom *et.al* (2007), *Kamus Dewan*, Edisi Keempat, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 981.

<sup>16</sup>Mohamed bin Jusuh (1986), *Prinsip Utama Makanan Dan Minuman Dalam Islam*. Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri, h. 2. Lihat Che Wan Jasimah Wan Mohamed Radzi (2000), *Konsep Kesihatan Melalui Pemakanan Pendekatan Islam dan Sains*, Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd., h. 14.

<sup>17</sup>Phuah Kooi Ean (2006), *Pemakanan*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka, h. 1.

<sup>18</sup>Drain A Fox & Allan G Cameron (1995), *Food Science, Nutrition & Health*, c,6, London: Edward Arnold, h. 2.

*Dictionary of Nutrition and Food Technology*", makanan adalah suatu bahan yang dimakan oleh mulut untuk memantapkan kehidupan dan pertumbuhan, membekalkan tenaga serta memperbaiki tisu.<sup>19</sup> Sementara bagi Nancy J. Peckepaugh dan Charlotte M. Poleman<sup>20</sup> pula, mereka mengatakan bahawa makanan adalah apa-apa bahan, sama ada pejal atau cecair yang apabila diambil dicerna dan diserap akan digunakan untuk membina dan mengekalkan tisu badan, mengawal atur proses badan serta membekalkan tenaga.

Dalam istilah sains, tiada perbezaan antara makanan dan minuman kerana kedua-duanya dimasukkan di bawah proses pemakanan. Menurut Turner R.N<sup>21</sup>. pemakanan ialah kombinasi dari proses bagaimana organism mengambil, menghadap, menyerap, mengangkat, menggunakan serta mengkumuh bahan makanan tersebut untuk tujuan pembesaran dan membaik pulih komponen di dalam badan.

Berdasarkan kepada definisi-definisi di atas, definisi yang menjadi pilihan penulis yang akan digunakan sebagai dasar huraian ialah definisi yang dikemukakan oleh Nancy J. Peckepaugh dan Charlotte M. Poleman. Ini adalah kerana definisi yang diberikan adalah merangkumi kesemua definisi-definisi yang lain. Sejajar dengan itu, penulis berpendapat bahawa makanan adalah bermaksud setiap yang dimakan atau diminum samada pepejal atau cecair yang bertujuan untuk mendapatkan kekuatan dan kesihatan fizikal dan mental.

---

<sup>19</sup>Ibid.

<sup>20</sup>Nancy J. Peckepaugh & Charlotte M.Poleman (1995), *Nutrition: Essential & Diet Therapy*, C. 7, USA:W.B.Saunders Company, h. 3.

<sup>21</sup>Turner, R.Newman, (1984), *Naturopathic Medicene*, England: Thorsons, Publ. Ltd, h. 18.

## 2.3. GARIS PANDUAN DALAM SOAL-SOAL MAKANAN MENURUT ISLAM.

Islam sebagai agama yang diturunkan oleh Allah SWT sesuai dengan fitrah manusia yang mengimbangkan tuntutan jasmani dan rohani telah memberikan berbagai-bagai panduan dalam setiap aspek kehidupan termasuk dalam hal-hal yang berkaitan dengan makanan dan pemakanan,<sup>22</sup> antaranya seperti berikut:

- a) Mengambil makanan yang memberikan kesihatan iaitu dengan memilih makanan yang halal<sup>23</sup> ini dapat dilihat melalui firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah (2):172.

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا كُلُّوا مِنْ طَيِّبَاتٍ مَّا رَزَقْنَاكُمْ وَأْشْكُرُوا اللَّهَ إِنْ كُنْتُمْ إِيمَانًا تَعْبُدُونَ

*“Wahai orang-orang yang beriman! Makanlah dari benda-benda yang baik (yang halal) yang telah Kami berikan kepada kamu, dan bersyukurlah kepada Allah, jika betul kamu hanya beribadat kepadaNya”.*

- b) Menjauhi makanan yang diragui sepetimana yang diriwayatkan oleh Abu Abdullah bin Nu'man b.Basyir ra.: Katanya beliau telah mendengar bahawa Rasulullah SAW bersabda:....“*dan barang siapa yang terjatuh ke dalam perkara-perkara kesamaran jatuhlah ia ke dalam yang haram*”<sup>24</sup>

<sup>22</sup>Ramly Hj.Said (1991), *op.cit.*, h. 56-67.

<sup>23</sup>Menurut Ramly Hj. Said, halal adalah merujuk kepada *tayyib*. Lihat Ramly Hj.Said (1991), *ibid.*, h. 20-24.

<sup>24</sup>Abdul Latiff Mohamad dan Suriah Abdul Rahman(1985) “*Makanan dan Sistem Penghadaman*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 2021.

- c) Memilih makanan yang baik dan segar. Pengertian makanan yang baik di sini ialah asal zatnya, susunan komposisinya, baik cara memasak dan menghidangkannya serta halal cara mendapatnya.<sup>25</sup>
- d) Menjauhi makanan yang mengandungi bahan kimia, makanan yang diawetkan serta mengandungi pewarna yang tinggi. Dalam kontek semasa termasuk dalam kategori ini ialah makanan terproses, makanan dalam tin, botol, berbungkus, makanan segera dan ringan.
- e) Memilih makanan yang bergizi tinggi iaitu makanan pembina badan dan makanan pemberi tenaga serta makanan untuk menjauhi penyakit dan mengambil makanan yang seimbang<sup>26</sup>

#### **2.4. ISTILAH-ISTILAH YANG BERKAITAN DENGAN MAKANAN<sup>27</sup> MENURUT ISLAM**

Islam telah memberikan panduan dan peraturan dalam setiap aspek kehidupan penganutnya termasuk dalam hal-hal yang berkaitan dengan makan dan minum. Kesemuanya telah diperjelaskan oleh Allah SWT secara terperinci melalui al-Quran dan

---

<sup>25</sup>Danial Zainal Abidin (2003), *Perubatan Islam dan Bukti Sains Moden*, Kuala Lumpur: PTS Publications & Distributer Sdn Bhd, h. 22. Ed. ke. 2, lihat juga Mohd. Hamim Rajikin *et.al.* (1997), *Pemakanan dan kesihatan*, cet. 4, Kuala Lumpur:Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 111.

<sup>26</sup>Makanan seharusnya memenuhi kriteria berikut iaitu seimbang dan sederhana, pelbagai, mencukupi dan mempunyai kalori yang terkawal, lihat Mohd. Hamim Rajikin *et.al.* (1997), *op.cit.* h. 93.

<sup>27</sup>Menurut Che Wan Jasimah Wan Mohamed Radzi, beliau telah membahagikan klasifikasi makanan kepada tiga bahagian. Pertama, menurut perspektif Islam ialah hal-hal yang berasaskan kepada hukum fiqh seperti halal, haram, makruh, sunat dan harus, kedua, di kalangan ahli-ahli sains moden yang melihatnya dari sudut biologi iaitu soal-soal yang berkaitan dengan pertumbuhan dan perkembangan fizikal yang baik dan yang ketiga dikalangan ahli-ahli sains Islam yang mengambil kira kesan pengambilan makanan terhadap perkembangan dan pertumbuhan jasmani, rohani dan spiritual. Lihat Che Wan Jasimah Wan Mohamed Radzi (2000), *op.cit.*, h. 19-20.

al-Sunnah yang merupakan sumber utama dalam menentukan kehalalan atau keharaman sesuatu makanan, sebagaimana firman Allah SWT:

فُلْ مَنْ حَرَمَ زِينَةَ اللَّهِ الَّتِي أَخْرَجَ لِعِبَادِهِ وَالطَّيِّبَاتِ مِنَ الرِّزْقِ

*Katakanlah: “Siapakah yang mengharamkan perhiasan dari Allah yang telah dikeluarkan-Nya untuk hamba-hamba-Nya dan (siapa pulalah yang mengharamkan) rezeki yang baik?”*

Surah al-‘Araf (7): 32

Ayat di atas menjelaskan bahawa hanya Allah SWT sahaja yang berhak menentukan hukum halal haram dalam semua perkara, sama ada melalui al-Quran atau al-Sunnah. Ketentuan hukum halal haram yang diwujudkan adalah bertujuan untuk menjaga kepentingan dan kebaikan umat manusia agar terhindar daripada kemudaratian di samping memberi kemudahan kepada umat Islam dalam urusan ibadah dan kehidupan. Setiap ketentuan yang di syariatkan oleh Allah SWT kesemuanya bertujuan “*mafsadah* dan *maslahah*”, begitu juga dalam menentukan halal haram dalam sesuatu perkara. Prinsip asas yang di tetapkan oleh Islam ialah hukum asal sesuatu yang diciptakan oleh Allah SWT adalah harus. Tidak ada sesuatu yang diharamkan, kecuali terdapat dalil tentang pengharamannya. Prinsip ini, sejajar dengan hadis Nabi SAW yang diriwayatkan daripada Abu ‘Abd Allah al-Nu’man bin Basyir ra. katanya:

الْحَلَالُ بَيْنَ وَالْحَرَامِ بَيْنَ وَبِينَهُمَا مُشَبَّهَاتٌ لَا يَعْلَمُهَا كَثِيرُ مِنَ النَّاسِ فَمَنْ اتَّقَى  
الْمُشَبَّهَاتِ اسْتَبَرَأَ لِدِينِهِ وَعَرَضَهِ وَمَنْ وَقَعَ فِي الشُّبَهَاتِ كَرِاعٍ يَرْعَى حَوْلَ الْحَمَى  
بُوشُكُ أَنْ يُوَاقِعُهُ أَلَا وَإِنَّ لِكُلِّ مَلِكٍ حِمَى أَلَا إِنَّ حِمَى اللَّهِ فِي أَرْضِهِ مَحَارِمٌ

*“Yang halal sudah jelas dan yang haram pun sudah jelas, di antara keduanya itu ada beberapa perkara yang belum jelas (syubhah), banyak orang yang tidak tahu: apakah dia itu masuk bahagian halal atau bahagian haram? Maka barangsiapa yang menjauhinya kerana hendak membersihkan agama dan kehormatannya, maka dia akan selamat, dan barangsiapa yang mengerjakan walau sedikit daripadanya hamper-hampir ia akan jatuh ke dalam haram, sebagaimana orang yang mengembala kambing di sekitar daerah larangan, dia hampir-hampir akan jatuh kedalamnya. Ingatlah! Bahawa tiap-tiap raja mempunyai daerah larangan. Ingatlah, bahawa daerah larangan Allah itu ialah semua yang haram.”*

(al-Bukhari, Muslim dan al-Tirmidhi)<sup>28</sup>

Hadis di atas menyatakan dengan jelas hukum halal dan haram menurut Islam iaitu apa sahaja yang boleh mendatangkan kemudarat adalah diharamkan. Sesuatu yang mesti dilakukan, adalah wajib, sesuatu yang dianggap tidak sesuai atau tidak layak, adalah makruh, dan sesuatu yang membawa *maslahah*, adalah sunat manakala sesuatu yang tidak dinyatakan dengan jelas status halal haram maka dikategorikan sebagai syubhah dan hendaklah dihindarkan demi untuk mengelakkan diri daripada terjerumus kepada haram.

Seperti yang diriwayatkan oleh Ibn Majah,<sup>29</sup> di antara perkara halal dan haram disisi Allah SWT terdapat perkara syubhah. Allah SWT mengetahui halal haram setiap sesuatu tetapi bukan semuanya diterangkan secara jelas di dalam al-Quran, perkara yang tidak jelas itulah yang dikategorikan sebagai syubhah. Perkara yang syubhah ini

<sup>28</sup>Ibn Hajar al-‘Asqalani (2000), *Fath al-Bari Syarah Sahih Bukhari*, Kitab Iman, “bab fadhu man istabraq li dinihi,” no. hadis: 52, Riyadh: Dar al-Salam, jil. 1, h. 167. Lihat juga Kitab Buyu’, “bab al-halal bayyinun wa al-haram bayyinun wa bainahuma umur mushtabihat”, no. hadis: 2051, jil. 4, h. 369. Imam Nawawi (2000), *Al-Minhaj Sahih Muslim Bi Syarh Imam Nawawi* (2000), Kitab Musaqat, bab akhdhu al- halal wa tarku al-syubhah, no. hadis: 4070, Mesir: Dar al-Ma’rifah, jil. 9, h. 41. al-Tirmidhi (t.t.) *Sunan al-Tirmidhi*, kitab al-buyu’, bab ma ja’ fi tarki al-syubhah, no. hadis: 1205, Riyad: Maktabah al-Ma’rif li al-Nasyq wa al-Tanzi’, h. 287.

<sup>29</sup>Ibn Majah (2000), *Sunan Ibn Majah li al-sindi*, Kitab al-Fitan, Bab Wukuf ‘Inda al-Syubhah, hadis no. 3984, Beirut: Dar al-Ma’rifah, jil. 4, h. 41.

telah membuka ruang kepada para mujtahid untuk berijihad bagi menentukan status halal haram sesuatu makanan atau produk. Manakala menurut imam al-Tirmidhi<sup>30</sup> pula, halal adalah perkara yang sudah dinyatakan mengenai status halalnya melalui nas. Manakala perkara yang syubhah adalah merupakan perkara yang terdapat kesamaran di antara halal haram dan ia hanya dapat diketahui oleh orang yang berijihad dalam menentukan status hukum melalui penelitian dan kajian yang bersumberkan dalil-dalil daripada al-Quran dan al-Sunnah.

Menurut prinsip asal ajaran Islam, setiap makanan adalah halal, kecuali terdapat padanya larangan secara tegas melalui nas. Ini adalah kerana setiap sesuatu yang ada di bumi ini diciptakan untuk kepentingan manusia. Ini bertepatan dengan firman Allah SWT:

هُوَ الَّذِي خَلَقَ لَكُمْ مَا فِي الْأَرْضِ جَمِيعًا ثُمَّ اسْتَوَى إِلَى السَّمَاءِ فَسَوَّاهُنَّ سَبْعَ سَمَاوَاتٍ وَهُوَ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمٌ

*“Dia-lah Allah, yang menjadikan segala yang ada di bumi untuk kamu dan Dia berkehendak (menciptakan) langit, lalu dijadikan-Nya tujuh langit. Dan Dia Maha Mengetahui segala sesuatu.”*

Surah al-Baqarah (2): 29

Allah SWT juga telah menegaskan bahawa Dia telah memudahkan apa yang ada di bumi dan di langit untuk manusia serta menyempurnakan segala nikmatnya kepada manusia, samada yang jelas ataupun yang tersembunyi, sebagaimana firmanNya:

---

<sup>30</sup>al-Tirmidhi (t.t), *op. cit.*, Kitab Buyu', Bab Ma Jaa Fi Tarki al-Syubhah, no. hadis: 1205, h. 287.

وَسَخَّرَ لَكُمْ مَا فِي السَّمَاوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ جَمِيعًا مِنْهُ إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَاتٍ لِقَوْمٍ  
يَتَفَكَّرُونَ

“Dan Ia memudahkan untuk (faedah dan kegunaan) kamu, segala yang ada di langit dan di bumi, (sebagai rahmat pemberi) daripadaNya.”

Surah al-Ghasiyah(45): 13

Sementara sesuatu yang tidak ada keterangan mengenai hukum halal haram, adalah dikembalikan kepada hukum asal iaitu “halal” dan ini termasuk dalam kategori yang dimaafkan Allah SWT. Ini sejajar dengan sabda Rasulullah SAW:

مَا أَحَلَ اللَّهُ فِي كِتَابِهِ فَهُوَ حَلَالٌ وَمَا حَرَمَ فَهُوَ حَرَامٌ وَمَا سَكَتَ عَنْهُ فَهُوَ عَافِيَةٌ  
فَاقْبِلُوا مِنَ اللَّهِ عَافِيَتَهُ فِإِنَّ اللَّهَ لَمْ يَكُنْ نَسِيَّاً

“Apa yang dihalalkan oleh Allah adalah halal, dan apa yang ia haramkan oleh Allah adalah haram, dan apa yang didiamkan (tidak dijelaskan halal haramnya) adalah dibolehkan. Oleh itu terimalah kebolehan daripada Allah, kerana Allah SWT tidaklah melupakan sesuatupun (tanpa penjelasan).”<sup>31</sup>

Hadis di atas menjelaskan bahawa penetapan hukum halal haram adalah milik Allah SWT. Bahkan Allah melarang manusia untuk menetapkan hukum halal haram terhadap makanan sebagaimana yang telah dilakukan oleh orang-orang Yahudi, Nasrani dan musyrik yang mana menentukan kriteria halal haram terhadap makanan berdasarkan hawa nafsu semata-mata melalui firmanNya:

---

<sup>31</sup> Ali bin ‘Umar al- Daraqutni (2003), *Sunan al- Daraqutni*, bab al-hasan ‘ala ikhraj al-sadaqah wa bayan Qismatuhu, jil. 2, h. 137.

وَلَا تَقُولُوا لِمَا تَصِفُ الْسِّنَّتُكُمُ الْكَذِبَ هَذَا حَلَالٌ وَهَذَا حَرَامٌ لِتَسْفَرُوا عَلَى اللَّهِ  
الْكَذِبَ إِنَّ الَّذِينَ يَفْتَرُونَ عَلَى اللَّهِ الْكَذِبَ لَا يُفْلِحُونَ

*“Dan janganlah kamu mengatakan terhadap apa yang disebut-sebut oleh lidahmu secara dusta “ini halal dan ini haram”, untuk mengadakan kebohongan terhadap Allah. Sesungguhnya orang-orang yang mengada-adakan kebohongan terhadap Allah tiadalah beruntung.”*

Surah an-Nahl (16):116

Seterusnya penulis akan menerangkan kategori makanan yang bersumberkan dalil-dalil yang diambil dari al-Quran, al-Sunnah dan ijma’ ulama. Penulis akan mengkaji secara mendalam terhadap perkara-perkara yang berkaitan dengan halal, haram, makruh dan syubhah seperti berikut:

#### **2.4.1. HALAL**

Halal adalah merupakan suatu terminologi dalam ilmu fiqh bagi menentukan status sesuatu perkara. Halal bermaksud sesuatu yang tidak ditegah atau sesuatu yang diharuskan oleh syarak. Terdapat pelbagai penafsiran telah diberikan oleh para sarjana dalam memberikan pengertian halal antaranya seperti berikut:

## a) Definisi Halal Pada Bahasa

Perkataan “Halal” adalah berasal daripada perkataan Arab yang berasal dari akar kata ‘*halla, yahillu, hillan*’ (حلّ, يحلّ, حَلَّ).<sup>32</sup> Halal dari sudut bahasa bererti dibenarkan.<sup>33</sup>

Manakala dari segi terminologi perkataan halal bermaksud keluar dari sesuatu hukum haram.<sup>34</sup> Halal pada kebiasaannya diertikan sebagai sesuatu yang harus,<sup>35</sup> yang dibolehkan,<sup>36</sup> dan juga merupakan sesuatu yang tidak ditegah atau dilarang melakukannya.<sup>37</sup> Menurut Ensiklopedi Hukum Islam, halal diertikan sebagai membebaskan, melepaskan, memecahkan, membubarkan dan membolehkan.<sup>38</sup> Dalam bahasa Inggeris perkataan halal diterjemahkan sebagai *permitted, allow, lawful<sup>39</sup> legal, licit and legitimate<sup>40</sup>*.

---

<sup>32</sup>Nordin Ahmad (2007), “*Persepsi Persatuan Pengguna di Malaysia Terhadap Status Pengesahan Halal Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)*” (Tesis Ph.D. Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya), h. 70.

<sup>33</sup>Monika@Munirah bt. Abd. Razak (2003), *Gaya Hidup Sihat: Suatu Kajian Mengensi Pemakanan Menurut Al-Quran dan Sains*, Universiti Malaya, Jabatan al-Quran dan al-Hadis, Bahagian Pengajian Usuluddin, Akademik Pengajian Islam, h. 54. Panduan Persatuan Pengguna Pulau Pinang (2006), *Halal Haram*, Pulau Pinang, Jalan Masjid Negeri, Persatuan Pengguna Pulau Pinang, h. 20. Ahmad H. Sakr (1991), *Ramuan Makanan Islam*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 18-19. Asmak Haji Ali (2001), “*Pemakanan yang baik menurut Islam*” (Kertas Kerja Seminar Potensi Pasaran Makanan Halal, Kuala Terengganu), h. 3. Shahidan Shafie (t.t.), “*Halal & Science*”- *Issuers & Challenges*, (Kertas Projek, Oxford Centre for Islamic Studies, University of Oxford, England. United Kingdom), exhibit 1.

<sup>34</sup>Ibn Manzur, Jamal-al-Din Muhammad Ibn Mukarram al-Ansari (t.t.), *Lisan al-'Arab*, jil. 13, fasl al-Ha' Harf al-Lam, Dar al-Misriyyah li al-Taklif wa al-Tarjamah, h. 175. Lihat Muhammad Idris 'Abd al-Rauf al-Marbawi (1354H), *Qamus al-Idris al-Marbawi*, Singapura: Pustaka Nasional.

<sup>35</sup>Ibn Manzur (t.t.), *op.cit.*, h. 177, lihat Sa'id Abu dib (1988M/1408H), *al-Qamus al-Fiqhi lughatul wa Istilahah*, c. 2. Damsyiq: Dar al-fikr, h. 99. Ahmad al-'Ay'd et.al. (1988M/1408H), *al-Mu'jam al-'Arabi al-Asasi*, *al-Munazzamah al-'Arabbiyah li al-al-Tarbiyyah wa Thaqafah wa al-'Ulum*, Damsyiq: Dar al-fikr, h. 347, Ibrahim Aris et.al.(1985M/1404H), *al-Mu'jam al-Wasit*, jil. 1. Mesir: Majma' al-lughah al-'Arabiyyah, h. 168-169.

<sup>36</sup>Syiekh Muhammad Ridha (1959), *Mu'jam Matan al-Lughah Mawsu'ah Lughawiyyah Hadithah*, Beirut: Dar Maktabah al-Hayah, jil. 2, h. 150.

<sup>37</sup>*Ibid.*, h. 152. Lihat Mustafa Abd. Rahman (t.t.) *Program Dan Prosedur Persijilan Halal Malaysia*, Konvensyen Bisnes Produk Halal, h. 3-4.

<sup>38</sup>Abdul Aziz Dahlan et.al.(1997), *op.cit*, Jakarta: PT Ichtiar Baru Van Hoeve, jil. 2, h. 505.

<sup>39</sup>Mohammad Mazhar Hussaini (1993), *Islamic Dietary Concepty & Practices*, Illinois Bedford Park: The Islamic Food & Nutrition Concil of Amerika, h. 25.

<sup>40</sup>Hans Wehr (1980), *A Dictionary of Modern Written Arabic*, c. 3. Beirut: Maklatah Lubnan/London: Mc Donald & Evans Ltd., h. 199, Martin Hinds & El-Said Badawi (1986), *Dictionary of Egyption Arabic*, Beirut: Maktabah Lubnan, h. 221.

## b) Halal Dari Sudut Istilah Syarak

Istilah halal juga di ertikan sebagai sesuatu yang dibolehkan Allah SWT.<sup>41</sup> Manakala menurut istilah syarak, halal adalah bermaksud sebagai sesuatu yang dibolehkan dan tidak diseksa kerana melakukannya.<sup>42</sup> Dr.Yusuf al-Qaradawi mendefinisikan halal sebagai perkara yang dibolehkan atau perkara yang diharuskan dan telah terlepas dari ikatan atau simpulan bahaya dan merupakan perbuatan yang dibenarkan oleh syarak.<sup>43</sup> Halal juga bermaksud apa yang diberi pilihan kepada mukalaf untuk melakukan atau meninggalkannya.<sup>44</sup> Manakala menurut Hj. Dasuki b. Hj. Ahmad dalam Kamus Pengetahuan Islam, halal adalah bermaksud perkara yang tidak ada ikatan hukum, samada berbentuk suruhan atau larangan. Boleh dilakukan atau di tinggalkan mengikut kemahuan atau dinamakan juga mubah.<sup>45</sup> Sementara halal menurut Ibn Battal adalah apa yang dinaskan oleh Allah SWT tentang kehalalannya maka ia adalah halal yang jelas. Ianya boleh didefinisikan sebagai perkara yang diperbolehkan atau mubah, yang telah gugur daripadanya ikatan atau simpulan bahaya, dan syariat membenarkan perbuatannya.<sup>46</sup>

---

<sup>41</sup>Ibn Manzur (t.t.), *op.cit.*, h.177. Lihat Mohd Noorizzuddin Nooh penyunting (2007), *Penjenamaan Halal Satu Paradigma Baru*, Negeri Sembilan: Universiti Sains Islam Malaysia, h. 2. Zalina Binti Zakaria (2004), “Keberkesanan Undang-undang Makanan dan Produk Halal di Malaysia” (Jurnal Syariah Jilid 12:2 : 95-106. Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya), h. 97.

<sup>42</sup>Muhammad Sidqi Bin Ahmad al-Burnu Abu al-Harith al-'Izzi (1989), *Al-Mausu 'ah al-Fiqhiyyah*, Juz 18, Kuwait: Wizarah al-Awqaf wa al-Syuun al-Islamiyyah, h. 103.

<sup>43</sup>Yusuf al-Qaradawi (1993), *al-Halal wa al-Haram fi al-Islami*, c.11, Kaherah: Maktabah Wahbah, h. 14.

<sup>44</sup>Abd al Karim Zaydan (2006), *al-Wajiz fi Usul al-Fiqh*, Beirut: Mua'assasah al-Risalah Nashirun, h. 148.

<sup>45</sup>Dasuki bin Ahmad (1976), *Kamus Pengetahuan Islam*, cet. ke-1, Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia, Kuala Lumpur: Bangunan Perpustakaan Awam Islam, Komplek Pusat Islam, Jalan Perdana, h. 98. Lihat juga Noresah Bt. Baharom *et.al* (2007), *op.cit.*, h. 430. Persatuan Pengguna Islam Malaysia (2006), *op.cit.*, h. 21.

<sup>46</sup>Abu Al-Hasan 'Ali bin Khalaf bin 'Abd al-Malik, dikenali sebagai Ibn Battal, selepas ini disebut Ibn Battal, (t.t) *Syarah Sahih al-Bukhari li Ibn Battal*, Riyadh: Maktabah al-Rushd, jil. 6, h. 192.

### c) Halal Menurut Usul Fiqh

Dalam ilmu usul al-Fiqh, halal adalah dikategorikan sebagai *mubah*, *ibahah* dan *jaiز* iaitu perkara yang diberi pahala apabila melakukannya dan tidak ada apa-apa dosa jika meninggalkannya. Antara lain adalah khitab Allah SWT yang memberikan ruangan kepada penganutNya untuk membuat pilihan sama ada untuk melakukannya atau meninggalkannya.<sup>47</sup> Sehubungan itu terdapat pelbagai pandangan para ulama dalam memberikan penafsiran terhadap pengertian harus, antaranya ialah:

Menurut pendapat kebanyakan para *usuliyun*, mereka mendefinisikan harus sebagai sesuatu yang diberikan pilihan oleh syarak sama ada melakukannya atau meninggalkannya<sup>48</sup>. Manakala pengertian harus menurut para fuqaha adalah merangkumi semua aspek yang berlawanan dengan yang haram iaitu halal yang ditakrifkan sebagai sesuatu yang tidak ditegah, manakala haram ialah sesuatu perkara yang dituntut oleh syarak terhadap setiap mukallaf supaya meninggalkannya secara pasti.<sup>49</sup> Menurut al-Syawkani, pengertian harus adalah bermaksud halal dan *jaiز*. Beliau mentakrifkannya sebagai sesuatu yang tidak mendapat pujian apabila dilakukan atau ditinggalkan dan seterusnya ianya tidak mendatangkan kemudaratana jika dilakukan atau di tinggalkan.<sup>50</sup> Bagi Muhammad Abu Zahrah, pengertian harus sebagai sesuatu yang diberikan pilihan oleh syarak kepada setiap mukallaf sama ada melakukannya atau

---

<sup>47</sup>Wahbah al-Zuhayli, (1986), *Usul al-Fiqh al-Islami*, Damsyiq: Dar al-Fikr, c. 1, h. 87. Noresah Bt. Baharom et.al. (1994), h. 430. Lihat Jabatan Agama Islam Selangor (2001), *Garis Panduan Penyediaan Makanan dan Minuman Halal Negeri Selangor*, Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan Jabatan Agama Islam Selangor, h. 9.

<sup>48</sup>Pengertian ini menyamai takrif halal menurut istilah syarak.

<sup>49</sup>Muhammad Salam Madkur (1984), *Nazariyyah al-Ibahah 'Ind al-Usuliyin wa al-Fuqaha'*, c. 2. Dar al-Nahdah al-'Arabiyyah, h. 85.

<sup>50</sup>Muhammad Abu Zahrah (1958), *Usul al-Fiqh*, Kaherah: Dar al-Fikr al-'Arabi, h. 36.

tidak.<sup>51</sup> Al-Amidi pula mentafsirkannya sebagai perbuatan yang ada dalil *sam'i* yang menunjukkan bahawa adalah arahan Allah yang memberikan pilihan antara melakukan atau tidak melakukan.<sup>52</sup> Muhammad Salam Madkur, pengertian halal adalah merangkumi takrif wajib, harus, sunat dan makruh. Menurut beliau, halal adalah bermakna harus melakukan sesuatu perbuatan, tidak diharamkan, malahan ianya meliputi perkara-perkara yang makruh<sup>53</sup> disebabkan ianya tidak sampai ke tahap haram.

Di dalam al-Quran<sup>54</sup> dan al-Sunnah terdapat beberapa nas yang menggunakan *sighah* dan uslub dalam mensabitkan hukum halal. Sesuatu perkara dapat diketahui keharusannya melalui lafaz *al-amr* atau suruhan yang membawa faedah harus berdasarkan *qarinah* yang mengubah daripada wajib kepada harus,<sup>55</sup> lafaz halal,<sup>56</sup> lafaz mengangkat *al-junah* ( رفع الْجَنَاحِ ),<sup>57</sup> lafaz mengangkat *ithm* ( رفع الإِثْمِ ),<sup>58</sup> dan lafaz mengangkat *al-haraj* ( الْحَرَاجِ ).<sup>59</sup>

---

<sup>51</sup>Ibid.

<sup>52</sup>Al-Amidi (1980),*op.cit.*, jil.1. h. 140.

<sup>53</sup> Nordin Ahmad (2007) “Persepsi Persatuan Pengguna di Malaysia Terhadap Status Pengesahan Halal Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)”(Tesis Ph.D. Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya), h. 73-74.

<sup>54</sup> Surah al-Ma‘idah (5): 1-2.

<sup>55</sup>Contoh lafaz al-Amr : - وَكُلُوا وَاشْرِبُوا : dan makanlah dan minumlah kamu surah al-A'raf (7): 31.

<sup>56</sup>Contoh lafaz halal : - أَحْلِلْ لَكُمْ يَوْمَ الصَّيَامِ الرَّفَثُ إِلَى نِسَائِكُمْ : Dihalalkan bagi kamu, pada malam hari puasa berseluruh dengan isteri-isteri kamu. Surah al-Baqarah (2): 187.

<sup>57</sup>Contoh lafaz mengangkat junah : - لَا جَنَاحَ عَلَيْكُمْ إِنْ طَلَقْتُمُ النِّسَاءَ مَا لَمْ تَمْسُوهُنَّ أَوْ تَفْرُضُوا لَهُنَّ فَرِيضَةً Tidaklah kamu bersalah (tidaklah kamu menanggung bayaran mas kahwin) jika kamu menceraikan isteri kamu sebelum kamu sentuh (bercampur) dengan mereka atau sebelum kamu menetapkan mas kahwin bagi mereka. Surah al-Baqarah (2): 236.

<sup>58</sup>Contoh lafaz mengangkat *ithm*: - فَمَنْ تَعْجَلَ فِي يَوْمِئِنْ فَلَا إِثْمٌ عَلَيْهِ وَمَنْ تَأَخَّرَ فَلَا إِثْمٌ عَلَيْهِ (Kemudian siapa yang bersegera (meninggalkan Mina) pada hari kedua, maka ia tidaklah berdosa, dan siapa yang melambatkan (meninggalkan Mina) maka ia juga tidak berdosa. Surah al-Baqarah (2): 203.

<sup>59</sup>Contoh lafaz mengangkat *al-Haraj*: - لَيْسَ عَلَلًا عَنِي حَرَجٌ وَلَا عَلَى الْأَلَالِ عَرَجَ حَرَجٌ Tidak ada salah bagi orang yang buta dan tidak ada salah bagi orang yang tempang. Surah an-Nur (24): 61.

**d) Halal Menurut Perbadanan Pembangunan Industri Halal (HDC)**

Halal adalah berasal daripada kalimah Arab yang bermaksud dibenarkan atau dibolehkan oleh hukum syarak. Manakala takrif halal mengikut Perintah Perihal Dagangan (Penggunaan Perbahasaan “Halal”) 1975<sup>60</sup> apabila digunakan berhubung dengan makanan dalam apa-apa juga bentuk dalam perjalanan perdagangan atau perniagaan sebagai suatu perihal dagangan atau sebagai sebahagian daripada suatu perihal dagangan yang dipakai bagi makanan itu, perbahasaan-perbahasaan yang berkaitan dengan ‘Halal’, ‘Ditanggung Halal’ atau ‘Makanan Islam’ atau apa-apa perbahasaan lain yang menunjukkan bahawa orang-orang Islam adalah dibenarkan oleh agama mereka memakan sesuatu makanan.<sup>61</sup> Ini bermaksud bahawa makanan yang dikategorikan sebagai halal mestilah mempunyai ciri-ciri berikut:

- i) Makanan yang tidak mengandungi apa-apa bahagian atau benda dari binatang yang ditegah oleh syarak memakannya atau yang tidak disembelih mengikut hukum syarak.
- ii) Tidak mengandungi apa-apa benda yang dihukum sebagai najis mengikut hukum syarak.

---

<sup>60</sup> www.halal.gov.my: http://e-halal.hdcglobal.com/corporate.php?ID=82, 14 Januari 2009, h. 2. Lihat Jabatan Agama Islam Selangor (2001), *op.cit.*, h.19-20, Mustafa Abd. Rahman (t.t.) *op.cit.*, h. 25-27.

<sup>61</sup> www.halal.gov.my: http://e-halal.hdcglobal.com/corporate.php?ID=82, 14 Januari 2009, h. 2. Lihat Jabatan Agama Islam Selangor (2001), *Ibid.*, Mustafa Abd. Rahman (t.t.) *Ibid.*, Che Wan Jasimah Wan Mohamed Radzi (2000), *op.cit.*, h. 20-21.

- iii) Tidak disedia, diproses atau dikilang dengan menggunakan apa-apa alat yang tidak bebas dari benda-benda najis mengikut hukum syarak.
  
- iv) Tidaklah dalam masa menyedia, memproses atau menyimpannya itu bersentuhan atau berdekatan dengan apa-apa makanan yang tidak memenuhi kehendak-kehendak di atas perenggan (a), (b) atau (c) atau apa-apa benda yang dihukum sebagai najis mengikut hukum syarak.<sup>62</sup>

Lantaran itu semua makanan adalah halal melainkan terdapat tegahan atau larangan yang jelaskan oleh al-Quran dan al-Sunnah. Terdapat sebanyak 16 ayat-ayat al-Quran yang menerangkan tentang makanan halal.<sup>63</sup> Antaranya firman Allah SWT:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا تُحِرِّمُوا طَيِّبَاتِ مَا أَحَلَ اللَّهُ لَكُمْ وَلَا تَعْتَدُوا إِنَّ اللَّهَ يُحِبُ  
الْمُعْتَدِلِينَ (87) وَكُلُوا مِمَّا رَزَقَكُمُ اللَّهُ حَلَالًا لَا طَيِّبًا وَأَنْقُوا اللَّهَ الَّذِي أَنْتُمْ  
بِهِ مُؤْمِنُونَ (88)

*“Wahai orang-orang yang beriman janganlah kamu haramkan benda-benda yang baik-baik yang telah dihalalkan oleh Allah bagi kamu, dan jangan kamu melampaui batas(pada apa yang yang telah ditetapkan halalnya itu), kerana sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang melampaui batas, dan makanlah dari rezeki yang telah diberikan Allah kepada kamu, iaitu yang halal lagi baik dan bertaqwalah kepada Allah yang kepadaNya sahaja kamu beriman.”*

Surah al-Ma’idah (5): 87-88

---

<sup>62</sup>Ibid.

<sup>63</sup>Afzalur Rahman (1994), *Indeks al-Quran*, Yusuf bin Ismail (terj.) Kuala Lumpur: A.S.Noordeen, h. 54.

Berdasarkan kepada keterangan-keterangan yang tersebut di atas, jelas menunjukkan bahawa istilah halal mempunyai pengertian yang amat luas. Ia merupakan sebagai kebenaran yang diberikan oleh syarak sama ada dalam hal-hal yang berkaitan dengan keharusan, keizinan dan kebenaran. Oleh itu, pengertian halal adalah termasuk dalam pengertian harus, sunat, wajib dan makruh. Kesemuanya ini adalah merupakan ketetapan syarak bertujuan untuk memudahkan penganut-penganutnya memanfaatkan dan mengerjakan sesuatu perkara supaya tidak bertentangan atau berlawanan dengan syariat Islam.

#### **2.4.2. HARAM**

Haram adalah merupakan istilah ilmu fiqh mengenai salah satu daripada hukum-hukum yang lima (*al-ahkamat-khamsah*). Perkataan haram adalah lawan perkataan halal yang bermaksud ditegah oleh syarak, berdosa jika dilakukan dan mendapat pahala jika meninggalkannya.

##### **a) Haram pada bahasa**

Istilah haram adalah kata terbitan Bahasa Arab yang berasal dari kata kerja “ “*harima*, *yahrimu*, *haraman wa haraman* ( حرم , يحرم , حراما , وحراما ) atau *hurama*, *yahramu*, *hurman* *wa hurmatan wa haraman* ( حرم ، يحرّم ، حرّم ، وحرّم ، وحراما ) ””. Manakala istilah-istilah yang sinonim dengan perkataan haram ialah sesuatu yang dilarang, yang ditegah, yang buruk,

yang keji, yang dicegah melakukannya, maksiat, dosa dan seksaan yang kesemuanya membawa kepada pengertian haram.<sup>64</sup>

Dari sudut bahasa haram bererti sesuatu yang dilarang<sup>65</sup> atau ditegah. Menurut kamus dewan haram adalah bermaksud sebagai hukum tegahan (dalam Islam) yang dijanjikan pahala bagi orang yang mematuhinya dan berdosa bagi orang yang mengingkarinya.<sup>66</sup> Dalam Bahasa Inggeris perkataan haram diterjemahkan sebagai *prohibited, forbidden, unlawful, interdicted* dan *unpermitted*.<sup>68</sup>

### b) Haram Dari Sudut Istilah

Haram dari sudut istilah adalah bermaksud sesuatu yang dikeji oleh syarak.<sup>69</sup> Haram juga diertikan sebagai sesuatu ketetapan yang dituntut oleh syarak yang berkaitan dengan perbuatan mukallaf supaya meninggalkannya dengan tuntutan yang pasti.<sup>70</sup> Menurut Yusuf al-Qaradawi, haram ialah sesuatu yang dilarang oleh syarak daripada melakukannya dengan larangan yang pasti. Sesiapa yang mengingkarinya akan menyebabkan siksaan Allah di akhirat kelak, dan boleh mengakibatkan seseorang itu

---

<sup>64</sup>Ibn al-Najjar al-Futuhi, Ahmad Ibn al-'Aziz (t.t), *Syarh al-Kawkab al-Munir*, Qaherah: Matba'ah al-Sunnan al-Muhammadiyyah, h. 120-121.

<sup>65</sup>Ibn Manzur (t.t) *op.cit.*, bab nazara, h. 168-169, lihat al-Syaikh al-Imam al- 'Allamah Abi 'Ali al-Hasan ibn Syihab al-Hasan al-'Abqari al-Hanbali (1996), *Risalah fi usul al- fiqh Tahqiq al-Duktur Muwaffiq ibn 'Abd Allah ibn 'Abd al-Qadir*, Maktabah al-Malakiyyah/Maktabah al-Baghda'iyah, h. 39.

<sup>66</sup>Noresah Bt. Baharom *et.al* (2007), *op.cit.*, h. 513.

<sup>67</sup>Mohammed Mazhar Hussain (1993) *op.cit.*, h. 26.

<sup>68</sup>Hans Wenzl, *op.cit.*, h. 171.

<sup>69</sup>Ibn Najjar (1372h), *op.cit.*, h. 120.

<sup>70</sup>Abd. 'Aziz ibn 'Abd al-Rahman ibn 'Ali al-Rabi'ah (1987m/1407 H), *al-Mani 'Ind al-Usuliyyin*, c. 2. Riyad: Maktabah al-Ma'arif, h. 40.

menerima siksaan yang ditetapkan oleh syariat semasa di dunia lagi.<sup>71</sup> Menurut Ibn Batal, beliau telah mendefinisikan haram sebagai sesuatu perkara yang telah dinaskan Allah SWT mengenai keharamannya, maka ia haram yang jelas.<sup>72</sup> Ia boleh didefinisikan sebagai suatu perkara yang dilarang oleh syarak melakukannya dengan dalil-dalil yang pasti dan ia tidak boleh berubah atau diubah. Ini bermaksud bahawa sesiapa yang melanggar larangan tersebut tidak akan terlepas dari siksaan Allah SWT di akhirat kelak dan ada kalanya boleh menyebabkan seseorang itu menerima balasan siksa yang telah ditetapkan oleh syarak semasa hidup di dunia.

### c) **Haram Menurut Usul Fiqh**

Menurut ilmu usul al-Fiqh pula, haram ialah *khitab* Allah yang menuntut supaya meninggalkan sesuatu perbuatan dengan tuntutan secara pasti iaitu suatu perbuatan yang diberi pahala apabila menjauhinya dan berdosa serta mendapat seksa jika dilakukan.<sup>73</sup> Sesuatu perkara yang thabit dengan nas al-Quran dan al-Sunnah, dapat diketahui keharamannya melalui lafaz haram, lafaz nafi halal, lafaz tegah atau nafi, lafaz suruhan supaya menjauhi dan meninggalkan dan seterusnya menjelaskan sesuatu perbuatan itu akan beroleh dosa.

---

<sup>71</sup>Yusuf al-Qaradawi (1993), *op.cit.*, h.1 4. Lihat Ahmad H. Sakr (1991), *Ramuan Makanan Islam*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 19-20. Panduan Persatuan Pengguna Pulau Pinang (2006), *op.cit.*, h. 20-21. Asmak Haji Ali (2001), *op.cit.*, h. 3. Che Wan Jasimah Wan Mohamed Radzi (2000), *op.cit.*, h.26-27, Zalina Binti Zakaria “Keberkesanan Undang-undang Makanan dan Produk Halal di Malaysia”(Jurnal Syariah Jilid 12:2 : 95-106. Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya), h. 97.

<sup>72</sup>Ibn Batal (t.t.),*op.cit.*, h. 192. Lihat Abu Bakar Hussin (1987), *Halal Haram Aspect Of Food Additives* (Kertas Seminar Food Additives-Current Trends And Food Regulations 1985), h. 2.

<sup>73</sup>Wahbah al-Zuhayli (1986), *op.cit.*, h. 80.

Bagi ulama *usuliyin* pula, mereka mentafsirkan haram sebagai sesuatu yang dituntut oleh syarak kepada setiap mukallaf supaya meninggalkannya dengan tuntutan yang pasti<sup>74</sup> sama ada tuntutan tersebut berdasarkan dalil *qat'i* atau *zanni*.<sup>75</sup> Ibn Hazm (m.456) dalam pentafsirannya mengatakan bahawa meninggalkan sesuatu yang haram hendaklah berdasarkan kepada kepatuhan dan ketaatan kepada Allah SWT, manakala orang yang melakukannya adalah berdosa dan telah melakukan maksiat.<sup>76</sup>

Seterusnya, menurut jumhur ulama haram adalah bermaksud sesuatu perbuatan keji di sisi syarak sama ada pensabitannya ianya diperolehi melalui dalil *qat'i* atau *zanni*, akan tetapi di kalangan mazhab Hanafi pula mereka berpendapat bahawa sesuatu perbuatan yang disabitkan oleh dalil *qat'i* sahaja yang boleh dikategorikan sebagai sesuatu yang haram, manakala sesuatu perbuatan yang disabitkan oleh dalil *zanni* adalah dikategorikan sebagai makruh *tahrim*.<sup>77</sup>

Di dalam al-Quran dan al-Sunnah pengharaman sesuatu perkara itu dapat dilihat melalui nas-nas yang menggunakan *sighah* atau perkataan haram. Pensabitan hukum haram yang terdapat di dalam al-Quran dan al-hadis dapat dikenali atau difahami melalui berbagai-bagai *sighah* dan uslub. Di dalam al-Quran umpamanya, antara *sighah* dan uslub yang digunakan adalah seperti berikut:

---

<sup>74</sup> Abd al-Wahhab al-Khallaf (t.t.), ‘Ilm Usul al-Fiqh, Kaherah: Maktabah Dar al-Turath, h. 113.

<sup>75</sup> Muhammad Abu Zahrah (t.t), *op.cit.*, h.33, lihat al-‘Abd Khalil Abu ‘Aid (1987), *op.cit.*, h. 70.

<sup>76</sup> Ibn Hazm, Abu Muhammad (1983), *al-Ahkam fi usul al-Ahkam*, Beirut: Dar al-Afaq al-Jadidah, jil. 3, h. 321.

<sup>77</sup> Ahmad al-Hasry (1981), *op.cit.*, h. 66, lihat ‘Abd Khalil Abu ‘Aid (1987), *op.cit.*, h. 30. Menurut Hussain Hamid Hassan dalam kitabnya *Usul al-Fiqh*, makruh *tahrim* ialah sesuatu suruhan yang dituntut oleh syarak terhadap setiap perbuatan mukallaf supaya meninggalkannya dengan tuntutan yang pasti dengan bersandarkan dalil *zanni* seperti hadis yang tidak mutawatir dan qias, lihat Hussain Hamid Hassan (1970), *Usul al-fiqh*, Qaherah: al-Matba’ah ‘Alamiyyah, h. 41.

- i) Lafaz haram : حُرْمَتْ عَلَيْكُمْ أُمَّهَاتُكُمْ yang bermaksud: “Diharamkan kepada kamu berkahwin dengan (perempuan-perempuan berikut) ibu-ibu kamu...”<sup>78</sup>
- ii) Lafaz nafi halal: وَلَا يَحِلُّ لَكُمْ أَنْ تَأْخُذُوا مِمَّا أَتَيْتُمُوهُنَّ شَيْئًا yang bermaksud: “Dan tidaklah halal bagi kamu mengambil balik sesuatu dari apa yang telah kamu berikan kepada mereka (isteri-isteri kamu yang diceraikan itu).”<sup>79</sup>
- iii) Lafaz tegah atau nafi: وَلَا تَرَكُوا إِلَى الَّذِينَ ظَلَمُوا فَتَمَسَّكُمُ النَّارُ yang bermaksud: “Dan janganlah kamu cenderung kepada orang-orang yang melakukan kezaliman, maka (kalau kamu berlaku demikian), api neraka akan membakar kamu.”<sup>80</sup>
- iv) Suruhan supaya menjauhi dan meninggalkan: فَاجْتَبُوا الرَّجْسَ مِنَ الْأَوْثَانِ وَاجْتَبُوا قُوْلَ الزُّورِ yang bermaksud: “Maka jauhilah kekotoran syirik yang disebabkan oleh penyembahan berhala serta jauhilah perkataan yang kotor.”<sup>81</sup>
- v) Menjelaskan sesuatu perbuatan itu mengandungi dosa: فَمَنْ بَدَّلَهُ بَعْدَمَا سَمِعَهُ فَإِنَّمَا إِلَهُمْ عَلَى الَّذِينَ يُبَدِّلُونَهُ yang bermaksud: “Kemudian sesiapa yang mengubah mana-mana wasiat sesudah ia mendengarnya, maka sesungguhnya dosanya hanya ditanggung oleh orang yang mengubahnya.”<sup>82</sup>

Manakala *sighah* dan uslub yang digunakan di dalam al-Sunnah antaranya adalah seperti berikut:

- i) Pengharaman sesuatu perkara yang dinyatakan dengan menggunakan *sighah* atau perkataan haram, sebagaimana sabda Rasulullah SAW:

---

<sup>78</sup>Surah al-Nisa' (4): 23.

<sup>79</sup>Surah al-Baqarah (2): 229.

<sup>80</sup>Surah Hud (11): 113.

<sup>81</sup>Surah al-Hajj (22): 30.

<sup>82</sup>Surah al-Baqarah (2): 181.

**كُلُّ الْمُسْلِمِ عَلَى الْمُسْلِمِ حَرَامٌ دَمُهُ وَمَالُهُ وَعِرْضُهُ**

*“Sesungguhnya darah, harta dan keselamatan kamu ke atas saudara Muslim kamu yang lain adalah haram”*

(Riwayat Muslim)<sup>83</sup>

- ii) Suruhan dan larangan secara pasti supaya meninggalkan sesuatu perbuatan, seiring dengan sabda Rasulullah SAW:

**لَا يَبْغِي بَعْضُكُمْ عَلَى بَعْضٍ بَعْضٍ**

*“Janganlah sebahagian kamu membeli di atas belian sesetengah yang lain dari kamu”*

(Riwayat al-Bukhari dan Muslim)<sup>84</sup>

- iii) Larangan supaya menjauhi sesuatu perbuatan, melalui sabda Rasulullah SAW:

**إِجْتَنِبُوا السَّبْعَ الْمُوِقَاتِ**

*“Jauhilah tujuh perkara yang merosakkan”*

(Riwayat al-Bukhari dan Muslim)<sup>85</sup>

---

<sup>83</sup>Imam Muslim, Imam Abi al-Husyn Muslim ibn al-Hajjaj al-Qusyari al-Naisaburi (2002), *Sahih Muslim*, Kitab al-Qasamah wa al-Muharibū wa al-A'rad wa al-Amwal, no. hadis: 1679.

<sup>84</sup>Ibid, Kitab al-Buyu', Bab Tahrim Bay' al-Rajul 'ala Bay' Akhihi, no. hadis 1412, h. 569.

<sup>85</sup>Ibid, Kitab al-Iman, Bab Bayan al-Kabair wa Akbaraha, no. hadis: 89, h. 42.

### 2.4.3. KATEGORI HARAM MENURUT ISLAM

Para fuqaha telah membahagikan hukum haram kepada dua bahagian iaitu “*haram li dhatihi*” iaitu haram pada zatnya dan haram yang disebabkan faktor lain daripada zat tersebut yang dinamakan sebagai “*haram li ghayrihi*”<sup>86</sup>

#### a) ***HARAM LI DHATIHI***

*Haram li dhatihi* adalah merupakan perkara yang diharamkan kerana ia mengandungi kemudaran dan kerosakan yang tidak dapat berpisah daripadanya seperti mencuri, berzina dan minum arak berdasarkan firman Allah SWT:

حُرِّمَتْ عَلَيْكُمُ الْمَيْتَةُ وَالدَّمُ وَلَحْمُ الْخِنْزِيرِ وَمَا أَهْلَ لِغَيْرِ اللَّهِ بِهِ وَالْمُنْخَنِقَةُ  
وَالْمَوْقُوذَةُ وَالْمُتَرَدِّيَةُ وَالنَّطِيحَةُ وَمَا أَكَلَ السَّبُعُ إِلَّا مَادَّكَيْتُمْ وَمَا ذُبِحَ  
عَلَى النُّصُبِ وَأَنْ تَسْتَفْسِمُوا بِالْأَزْلَامِ ذَلِكُمْ فِسْقٌ

“Diharamkan kepada kamu (memakan) bangkai (binatang yang tidak disembelih), dan darah (yang keluar mengalir), dan daging babi (termasuk semuanya), dan binatang-binatang yang disembelih kerana yang lain dari Allah, dan yang mati tercekik, dan yang mati dipukul, dan yang mati dimakan binatang buas, kecuali yang sempat kamu sembelih (sebelum habis nyawanya), dan yang disembelih atas nama berhala; dan (diharamkan juga) kamu bertengung nasib dengan undi batang-batang anak panah. Yang demikian itu adalah perbuatan fasik.”

Surah al-Ma’idah (5): 3

Menurut Muhammad Abu Zahrah, pengharaman tersebut adalah berdasarkan kepada penjagaan “*al-Ahkamah al-khamsah*” yang merupakan kepentingan dan

<sup>86</sup>Muhammad Abu Zahrah (1985), *op.cit.*, h. 42, lihat juga ‘Abd al-Wahhab Khallaf (t.t), *op.cit.*, h. 113.

keperluan asas manusia menurut *maqasid al-syari‘ah* iaitu menjaga agama, akal, nyawa, keturunan dan harta.

**b) *HARAM LI GHAYRIHI***

*Haram li ghayrihi* bermakna setiap perkara atau perbuatan yang bukan disandarkan kepada zat perkara atau perbuatan tersebut, tetapi disebabkan oleh faktor-faktor luaran yang bercampur dengan zat tersebut<sup>87</sup> di mana perbuatan tersebut pada asalnya dibenarkan oleh syarak sama ada dalam bentuk wajib, sunat atau haram<sup>88</sup> tetapi menjadi haram disebabkan wujudnya perkara-perkara yang boleh memudaratkan. Antara perkara yang dikategorikan sebagai *haram li ghayrihi* ialah:

- i) Memperoleh sesuatu yang pada asalnya halal tetapi ia diperolehi dengan cara yang dilarang oleh syarak seperti membeli barang menggunakan duit hasil judi, bekerja di kilang arak atau kedai judi.
- ii) Memakan harta anak yatim tanpa izin.
- iii) Makanan yang telah bercampur dengan najis.

Terdapat banyak ayat al-Quran yang menjelaskan mengenai status haram dalam kategori ini (*haram li ghayrihi*) antaranya firman Allah SWT:

---

<sup>87</sup>Muhammad Abu Zahrah (1958), *op.cit.*, h. 3. Lihat juga Wahbah al-Zuhayli (1997), *Nazariyyah al-Dar al-Syariyyah*, c. 5. Beirut: Muassasah al-Risalah, h. 19.

<sup>88</sup>Abd al-Wahhab Khallaf (t.t.), *op.cit.*, h. 113.

إِنَّ الَّذِينَ يَأْكُلُونَ أَمْوَالَ الْيَتَامَىٰ ظُلْمًا إِنَّمَا يَأْكُلُونَ فِي بُطُونِهِمْ نَارًا وَسَيَصْلَوْنَ سَعِيرًا

*“Sesungguhnya orang-orang yang memakan harta anak-anak yatim secara zalim, sebenarnya mereka itu hanyalah menelan api ke dalam perut mereka; dan mereka pula akan masuk ke dalam api neraka yang menyala-nyala.”*

Surah al-Nisa' (4): 10

Menurut syariat Islam, makanan yang diharamkan oleh Allah SWT adalah sedikit sekali jika dibandingkan dengan makanan yang dihalalkan olehNya. Adapun tujuan pengharaman sesuatu makanan itu adalah untuk menjaga kemaslahatan dan kesejahteraan seluruh manusia. Ia tidak hanya terbatas kepada umat Islam semata-mata akan tetapi untuk seluruh manusia tanpa mengira agama, keturunan dan batasan geografi.

#### **2.4.4. MAKRUH**

Makruh dari segi bahasa adalah bermaksud yang tidak galakkan atau tidak disukai oleh agama dan dari segi syarak setiap sesuatu yang diminta daripada mukallaf supaya meninggalkannya<sup>89</sup> dan tidak berdosa kerana mengerjakannya. Ini bermaksud, sesuatu yang lebih baik di tinggalkan meskipun jika dilakukan tidak dianggap salah atau

---

<sup>89</sup>c Abd al Karim Zaydan (2006), *op.cit.*, h. 45, lihat juga Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM) (2006), *op.cit.*, h. 3. Che Wan Jasimah Wan Mohamed Radzi (2000), *op.cit.*, h. 25-26, Dasuki bin Ahmad (1988), *op.cit.*, h. 199, M. Abdul Mujieb *et al.* (1997), *op.cit.*, Selangor: Advance Publication, h. 189-190. Noresah Bt. Baharom *et.al.* (2007), *op.cit.*, h. 984, Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) (2006) *op.cit.*, h. 21.

berdosa.<sup>90</sup> Konsep makruh<sup>91</sup> bermaksud makanan, produk atau diet yang tidak digalakkan umat Islam mengambilnya sekiranya sesuatu itu boleh mendatangkan kemudaran kepada tubuh badan sama ada fizikal, mental, dan rohani<sup>92</sup> atau atas faktor seperti kebersihan diri, penampilan, persekitaran yang sihat dan kadang kala boleh menganggu orang lain. Misalnya seperti memakan makanan yang berbau busuk yang boleh mengganggu kelancaran berkomunikasi dengan orang lain dan boleh menganggu konsentrasi para jamaah lain ketika solat berjamaah di masjid.<sup>93</sup> Perkara yang tidak diingini. Tidak berdosa jika dikerjakan dan mendapat pahala jika ditinggalkan.

#### **2.4.5. SYUBHAH**

Syubhah adalah sesuatu perkara yang kesamaram atau tidak pasti status halal haramnya. Dalam mentukan hukum syubhah, para mujtahid perlulah merujuk kepada dalil-dalil daripada al-Quran. Sekiranya tidak terdapat di dalamnya, perlulah dirujuk kepada hadis nabi SAW dan jika tidak terdapat hadis yang menjelaskannya, maka perlulah merujuk

---

<sup>90</sup>M. Abdul Mujieb *et.al.*(1997), *Kamus Istilah Fiqh*, Selangor: Advance Publication, h. 189-190.

<sup>91</sup>Ulama Hanafi membahagikan makruh kepada dua bahagian iaitu *makruh tahrim* dan *makruh tanzih*. Menurut mereka *makruh tahrim* ialah sesuatu yang dituntut oleh syarak supaya meninggalkannya berdasarkan dalil yang *zanni* seperti melalui hadis *Ahad* contohnya hukum membeli barang yang hendak dibeli oleh orang lain. Hukumnya orang yang meninggalkannya diberi pahala manakala orang yang melakukannya dihukum (diseksa). Kedua *makruh tanzih* iaitu sesuatu yang dituntut itu tidak putus serta tidak dinyatakan hukumannya seperti memakan daging kuda perang kerana kuda itu diperlukan untuk jihad. Hukumnya orang yang meninggalkannya diberi pahala dan orang yang melakukannya dicerca, tetapi tidak dihukum. Dalam Mazhab Hanafi pula, makruh adalah bermaksud *makruh tahrim* iaitu sesuatu yang dilarang itu hampir kepada haram, tetapi orang yang mengingkarinya tidak menjadi kafir. Manakala menurut ulama selain golongan Hanafi, makruh hanya mempunyai satu jenis sahaja, iaitu sesuatu yang dituntut oleh syarak supaya ditinggalkan dengan tuntutan yang pasti (mutlak). Hukumnya orang yang meninggalkannya dipuji dan diberi pahala. Orang yang mengerjakannya tidak dicerca dan tidak dihukum. Lihat juga Wahbah al-Zuhayli (2009), *Al-Fiqh Al-Islami Wa Adillatuhu*, Damsyiq: Dar al-Fikr, jil. 1, h. 63, ‘Abd al Karim Zaydan (2006), *op.cit.*, h. 37, Mustafa al-Khin *et.al* (2007), *al-Fiqh ‘ala Mazhab al-Imam al-Syafii*’, jil. 2, Damsyiq: Dar al-Qalam, h. 25, M. Abdul Mujieb *et.al.*(1997), *Kamus Istilah Fiqh*, Selangor, Advance Publication, h. 190.

<sup>92</sup>Mohammad Mazhar Hussaini dan Ahmad Hussien Sakr (1984), *op.cit.*, h. 10-11. Lihat juga Monika@Munirah bt.Abd. Razak (2003), *op.cit.*, h. 58.

<sup>93</sup>Mohd Hapiz bin Mahaiyadin (2009), *Islam dan Makanan*, Pulau Pinang: Universiti Teknologi MARA, h. 94.

kepada sumber yang berikutnya iaitu ijma' dan qiyas. Lantaran itu, para fuqaha telah berselisih pendapat dalam menentukan status sesuatu perkara yang boleh dikategorikan sebagai syubhah, perselisihan ini berlaku adalah disebabkan mereka memutuskan sesuatu hukum itu berdasarkan kepada dalil *istinbat* yang berbeza dan berpandukan kepada metode masing-masing.

**a) Syubhah Dari Sudut Bahasa**

Perkataan syubhah adalah berasal dari perkataan Arab yang berasal dari akar kata “*syabbaha*” yang bermaksud mirip, menyerupai, menyamai, samar atau tidak jelas iaitu sesuatu yang disyaki atau diragui.<sup>94</sup> Menurut kamus Dewan Bahasa dan Pustaka syubhah bermaksud kesamaran (kerana tidak jelas hukumnya antara halal dan haram).<sup>95</sup> Dalam bahasa Inggeris, syubhah di terjemahkan sebagai *suspected*, *suspicious* atau *suspicion* dan *doubtful*<sup>96</sup> iaitu sesuatu yang diragui halal atau haramnya.

**b) Syubhah Dari Sudut Istilah**

Syubhah menurut syarak ialah sesuatu perkara yang tidak dapat dipastikan kedudukan hukumnya sama ada halal atau haram.<sup>97</sup> Syubhah juga dikategorikan sebagai sesuatu yang tidak diyakini status hukumnya sama ada halal atau haram.<sup>98</sup> Menurut Imam al-Ghazali, syubhah ialah sesuatu perkara yang samar dan tidak jelas disebabkan terdapat

---

<sup>94</sup> Mohammad Mazhar Hussaini (1993), *op.cit.*, h. 27.

<sup>95</sup> Noresah Bt. Baharom *et al* (2007), h. 1650, lihat Persatuan Pengguna Islam Malaysia (2006), *op.cit.*, h. 4.

<sup>96</sup> *Ibid*, lihat *A Dictionary of Egyptian Arabic*, h.451, *A Dictionary of Modern Written Arabic*, h. 456.

<sup>97</sup> Mu'jam al-Wasit, *op.cit.*, h. 471. Lihat Ahmad H. Sakr (1991), *op.cit.*, h. 20-21. Panduan Persatuan Pengguna Pulau Pinang (2006), *op.cit.*, h. 21, Asmak Haji Ali (2001), *op.cit.*, h. 4. Mustafa Abd. Rahman (t.t.), *op.cit.*, h. 36-37.

<sup>98</sup> *Mu'jam al-'Arabi al-Asasi*, h. 669.

dua bentuk keyakinan yang bertentangan yang disebabkan terdapatnya dua faktor yang berbeza.<sup>99</sup> Manakala menurut Muhd Shah Kaflie al-Nadwi, syubhah adalah bermaksud samar atau tidak jelas yang memberi erti sebagai sesuatu perkara yang tidak terdapat dalil-dalil yang pasti tentang hukum terhadap sesuatu itu. Seperti ragu-ragu memakan masakan yang disediakan oleh orang bukan Islam<sup>100</sup> atau ragu-ragu dalam memakan makanan di restoran bukan Islam kerana percampuran dalam penggunaan alat-alat memasak, atau seperti membeli makanan semasa azan Jumaat hatta daging binatang yang disembelih menggunakan pisau curi.<sup>101</sup>

Syubhah juga adalah bermaksud apabila berlaku pertembungan dan diperselisihkan hukum di antara halal dan haram. Ia adalah merupakan perkara ijihad (*al-umur al-ijtihadiyyah*) yang mana tidak ada padanya nas dan dalil yang jelas. Dalam hal ini, apabila seseorang mujtahid itu mentarjihkan sesuatu perkara dengan hukum halal yang berdasarkan kepada ijihadnya dengan mengemukakan dalil-dalil yang diharuskan oleh syarak tentang kehalalannya, maka hukum halal terhadap perkara tersebut adalah dikategorikan sebagai musytabihah atau syubhah. Justeru, jika seseorang itu merasa ragu-ragu dalam sesuatu perkara sama ada halal atau haram dan tidak ada nas dan ijmak ulama terhadap hukum perkara tersebut, maka sifat warak adalah dengan meninggalkannya atas sikap berwaspada dan berhati-hati di atas jalan taqwa bukan di atas jalan fatwa.<sup>102</sup>

---

<sup>99</sup>Imam al-Ghazali (t.t.), *op.cit.*, h. 99.

<sup>100</sup>Daud Baharum (2006), *Fatwa Menempuh Kehidupan Modern*, Selangor: Subang Jaya, h. 378.

<sup>101</sup>*Hindarilah Makanan Syubhah*, bil. 5. Keluaran Mei 2007 oleh Buletin Halal Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). ISSN:1823-4747, h. 13.

<sup>102</sup>*Ibid.*, h. 622-623. Lihat juga al-Nawawi (1995), *Al-Minhaj Sharh Sahih Muslim bin al-Hajjaj*, Beirut: Dar al-Ma'rifah, c. 2, jil.11, h. 29-30.

Akan tetapi, jika hasil daripada ijtihad para mujtahid telah mendapati dengan jelas hukumnya sama ada halal atau haram maka bolehlah seseorang itu berpegang dengan hukum tersebut.<sup>103</sup> Sebahagian ulama pula berpendapat bahawa maksud syubhah adalah perkara-perkara yang harus yang dihiasi dengan sifat *tawarru'* kepadanya. Rasulullah SAW dan para sahabatnya bersifat zuhud dalam perkara-perkara syubhah. Mereka telah memilih untuk hidup dalam keadaan sederhana dan menolak untuk bermewah-mewah dalam seluruh aktiviti kehidupan.<sup>104</sup>

#### **2.4.6. KATEGORI SYUBHAH**

Di dalam *Fath al-Bari*,<sup>105</sup> para ulama telah mengatogerikan syubhah kepada empat perkara iaitu:

- a) Apabila berlakunya pertembungan antara dua hukum.
- b) Perselisihan antara dua hukum mana yang lebih utama.
- c) Syubhah adalah makruh iaitu perkara yang diutamakan untuk meninggalkannya.
- d) Harus.

Selain itu, para ulama juga telah membahagikan syubhah kepada dua bahagian iaitu syubhah pada hukum dan syubhah pada perbuatan seperti berikut:

---

<sup>103</sup> Muhammad Taqi al-Uthmani (t.t), *op.cit.*, h. 623.

<sup>104</sup> *Ibid.*

<sup>105</sup> Ibn Hajar-Al-'Asqalani (2000), *op.cit.*, h. 167 dan 369, Imam al-Nawawi (2000), *op.cit.*, h. 41, al-Qistilani, Mustafa Muhammad Imrah (1990), *Kitab Jawahir al-Bukhari*, bab fadhlul man istabrah li dinihi, h. 34.

**a) Syubhah Pada Hukum.**

Syubhah pada hukum bermaksud sesuatu perkara atau perbuatan yang tidak mempunyai dalil yang jelas dari al-Quran dan al-Sunnah, walaupun para mujtahid telah berijtihad untuk mendapatkan hukumnya namun mereka masih tidak dapat menentukan hukumnya. Umpamanya, dalam bab sembelihan, menurut pendapat sebahagian fuqaha mazhab Syafi'i daging haiwan yang tidak jelas status sembelihannya sama ada sembelihan itu dilakukan oleh orang Muslim atau Majusi tidak boleh di makan kerana terdapat padanya syubhah. Manakala golongan fuqaha lain dari mazhab Syafi'i berpendapat sembelihan tersebut halal dimakan, jika daging tersebut diambil atau dibeli oleh segolongan besar penduduknya yang beragama Islam.<sup>106</sup>

**b) Syubhah Pada Perbuatan**

Syubhah pada perbuatan bermaksud hukum halal haram sesuatau perkara itu telah dijelaskan di dalam al-Quran, tetapi status perbuatan itu tidak dijelaskan secara detil. Seperti seorang yang menemui buah di sempadan kebun miliknya dan jirannya, maka tidak dapat dikenal pasti buah itu kepunyaan siapa. Oleh yang demikian, buah itu dianggap syubhah. Sebahagian ulama Mazhab Hanafi, Maliki dan Syafi'i mengatakan bahawa meninggalkannya adalah baik dan selamat dari terjerumus ke dalam sesuatu yang haram.<sup>107</sup> Bagi menghindari umat Islam dari terjerumus ke dalam sesuatu yang haram maka, para fuqaha telah

---

<sup>106</sup>Al-Imam Abu Hamid al-Ghazali (t.t), *Ihya' 'Ulum al-Din*, jil. 5, Beirut: Dar Ibn Khaldun Li al-Turath, h. 91-94.

<sup>107</sup>*Ibid.*

memberikan garis panduan berdasarkan kaedah fiqh iaitu “*jika halal dan haram berkumpul, maka yang dimenangkan yang haram.*” Dalam hal ini, Islam menggalakkan penganutnya agar bersikap warak iaitu bersikap berhati-hati terhadap perkara-perkara yang dikategorikan sebagai syubhah untuk mengelakkan diri supaya tidak terjerumus ke dalam perkara-perkara yang haram. Manakala Imam al-Ghazali dalam kitabnya *Ihya’ Ulum al-Din*,<sup>108</sup> beliau telah membahagikan syubhah kepada beberapa bahagian antaranya:

- i) Syubhah yang berkaitan dengan sebab yang menghalalkan dan yang mengharamkan iaitu:
  - a) Sesuatu yang telah dimaklumi tentang pengharamannya sebelum itu, kemudian wujud keraguan mengenai kehalalannya maka ini dinamakan syubhah yang wajib dijauhi dan hukumnya adalah haram.
  - b) Sesuatu yang telah dimaklumi mengenai kehalalannya, kemudian wujud keraguan mengenai keharamannya disebabkan terdapatnya bukti tentang pengharamannya, maka dalam situasi ini adalah dihukumkan halal berdasarkan kepada konsep asalnya iaitu halal.
  - c) Sesuatu yang pada asalnya memang sudah dianggap haram, tetapi tiba-tiba wujud sesuatu alasan yang kukuh yang mewajibkan penghalalannya, maka jadilah ia sebagai suatu yang

---

<sup>108</sup>*Ibid.*

meragukan namun hukumnya dimenangkan kepada halal. Untuk mengatasi masalah ini, maka perlulah dikaji dengan mendalam, sekiranya alasan yang kukuh itu bersandarkan kepada agama, maka pendapat yang menjadi pilihan ialah halal, manakala menjauhkannya adalah termasuk warak.

- d) Sesuatu yang sudah dimaklumi kehalalannya, akan tetapi tiba-tiba wujud suatu alasan yang kukuh, yang mewajibkan pengharamannya, maka jadilah ia haram disebabkan hukum asalnya adalah lemah dan terhapus apabila terdapat sangkaan yang kuat terhadap pengharamannya.
- ii) Syubhah yang disebabkan percampuran yang mendatangkan keraguan yang timbul disebabkan terdapat bahan tambah nilai (*value added*) yang diberi istilah saintifik seperti animal fat, animal shortening, gelatin collagen dan sebagainya kemudian keadaannya serupa dan tidak dapat dibezakan. Ini termasuk dalam kategori kesamaran (*mushstabihah*). Ia boleh jadi halal atau haram bergantung kepada sumber ambilan.<sup>109</sup>
- iii) Syubhah yang disebabkan terdapatnya percampuran di antara kemaksiatan dan sebab yang menghalalkan. Contohnya berjual beli pada waktu azan dilaungkan pada hari Jumaat, menyembelih dengan pisau yang dicuri, memotong kayu api dengan kapak yang dicuri, menjual barang yang telah dibeli

---

<sup>109</sup>Contoh-contoh perkara-perkara yang meragukan dalam ramuan makanan, Mustafa Abd. Rahman (2003), *op.cit.*, h. 72-74.

orang dan menawar dalam tawaran orang termasuk setiap perlanggaran jualbeli yang tidak sampai membatkannya. Meninggalkannya adalah bersifat warak walaupun hukumnya tidaklah haram yang pasti.

iv) Syubhah yang disebabkan terdapat perselisihan tentang dalil-dalil iaitu:

- a) Bertentangan dua dalil umum dari al-Quran atau al-Sunnah, atau bertentangan dua qias atau bertentangan kias dengan dalil umum.
- b) Bertentangan dengan beberapa perkara mengenai sifat-sifat yang di sangkutkan kepada hukum.
- c) Bertentangan tanda-tanda yang menunjukkan kepada halal haram.

## **2.5. PRINSIP-PRINSIP HALAL DAN HARAM DALAM ISLAM**

Islam telah menetapkan beberapa-beberapa prinsip-prinsip asas dalam menentukan status halal haram<sup>110</sup> dalam setiap aspek kehidupan penganutNya. Ini termasuk hal-hal yang berkaitan dengan makan dan minum. Antara prinsip-prinsip yang dimaksudkan adalah seperti berikut:<sup>111</sup>

---

<sup>110</sup>Norazimah bt Bogol (2004), *Religiosity And Halal Food: Attitude Of Urban Malay Muslim Consumers*, Bachelor of Bussiness Administriton UITM: Shah Alam, h. 19-23.

<sup>111</sup>Yusuf al-Qaradawi (1993), *op.cit.*, h. 14.

### **2.5.1. Asal Tiap-Tiap Sesuatu Adalah Harus**

Prinsip utama yang ditentukan oleh Islam dalam menentukan hukum terhadap sesuatu amalan atau perbuatan hambaNya ialah bahawa hukum asal setiap sesuatu adalah harus dan dibolehkan (halal). Tidak ada sesuatu pun yang diharamkan kecuali jika terdapat nas-nas yang sahih dan jelas tentang pengharamannya. Ini bermaksud bahawa selagi tidak ada nas yang sahih mengharamkan sesuatu amalan atau perbuatan itu dan jika terdapat hanya melalui hadis daif atau melalui dalil yang tidak jelas, maka dalam hal ini perkara tersebut hendaklah dikembalikan kepada prinsip asasnya iaitu mubah atau harus, sebagaimana firman Allah SWT:

هُوَ الَّذِي خَلَقَ لَكُمْ مَا فِي الْأَرْضِ جَمِيعًا

*“Dialah zat yang menjadikan untuk kamu apa-apa yang ada di bumi ini semuanya..”<sup>112</sup>*

Surah al-Baqarah (2): 29

Berdasarkan kepada prinsip di atas dapatlah difahami bahawa prinsip tersebut bukan sahaja terhad dalam hal-hal yang berkaitan dengan masalah ibadat sahaja, akan tetapi meliputi setiap masalah yang berkaitan dengan perbuatan dan pekerjaan yang menjadi adat dan adat kebiasaan yang diharuskan oleh syarak adalah diharuskan (halal) sehingga terdapat dalil-dalil yang jelas dan tegas tentang pengharamannya,<sup>113</sup> seperti mana firman Allah SWT:

---

<sup>112</sup>Lihat Surah al-Jathiyah (45): 13, Surah Luqman (31): 20.

<sup>113</sup>Ibid. h. 19.

وَقَدْ فَصَّلَ لَكُمْ مَا حَرَّمَ عَلَيْكُمْ إِلَّا مَا اضْطُرْتُمْ إِلَيْهِ

“Dan Allah SWT telah menjasakan kepada kamu sesuatu yang Ia telah haramkan atas kamu.”

Surah al-An‘am (6): 119

Dalam hal ini, Ibn Taimiyyah berpendapat bahawa, setiap individu boleh melakukan apa sahaja aktiviti sehari-hari seperti berjual beli, sewa menyewa, pajakan, perkongsian, menikmati makanan dan minuman dan sebagainya selagi tidak ditegah oleh syarak. Ini termasuklah perkara-perkara atau aktiviti-aktiviti yang dikategorikan sebagai sunat atau makruh. Disebabkan ketentuan hukum syarak tidak menghadkan batasan atau garis panduan yang khusus. Maka ketentuan hukum terhadap sesuatu perkara itu adalah tertakluk kepada ketetapan hukum asal iaitu harus.<sup>114</sup>

### 2.5.2. Niat Yang Baik Tidak Boleh Menghalalkan Yang Haram

Pada umumnya, setiap amalan itu terbahagi kepada tiga, iaitu amalan yang berbentuk ketaatan, kemaksiatan dan keharusan. Islam sentiasa menyarankan penganutnya supaya mengikhlaskan niat dalam setiap gerak dan diamnya hanya untuk Allah SWT semata-mata. Firman Allah SWT:

وَمَا أُمْرُوا إِلَّا يَعْبُدُوا اللَّهَ مُخْلِصِينَ لَهُ الدِّينَ

“Pada hal mereka tidak diperintahkan melainkan supaya menyembah

---

<sup>114</sup>Yusuf al-Qaradawi (1993), *op.cit.*, h. 22.

*Allah dengan mengikhlaskan ibadat kepadaNya, lagi tetap teguh di atas tauhid...”*

Surah al-Bayyinah (98): 5

Niat adalah merupakan asas kepada sesuatu perbuatan, Allah SWT menilai setiap amalan hambaNya berdasarkan kepada apa yang diniatkannya. Amalan yang baik yang berbentuk ketaatan akan menjadi ibadat apabila disertai dengan niat yang disertakan dengan keikhlasan untuk mendapatkan keredaan Allah. Ibadat khusus seperti sembahyang, puasa dan haji dikira tidak sah tanpa disertakan dengan niat. Manakala setiap amalan yang diharuskan atau adat kebiasaan yang tidak bercanggah dengan syarak akan bertukar menjadi ibadat dan seterusnya mendapat pahala apabila disertakan dengan niat. Begitu juga kemaksiatan sama sekali tidak dapat berubah dari kedudukannya sebagai kemaksiatan walaupun disertakan dengan niat yang baik serta penuh keikhlasan.

Oleh yang demikian melakukan sesuatu perbuatan yang tegah oleh syarak walaupun dengan niat yang baik, adalah dilarang dan tetap dinilai sebagai satu maksiat dan ia tidak dapat menghapuskan dosa perbuatan tersebut. Antara contohnya, seseorang yang mengupat orang lain dengan niat kerana hendak menjaga hati sahabatnya,<sup>115</sup> atau seseorang yang memberi makan fakir miskin dari harta milik orang lain yang diperolehi secara batil<sup>116</sup> atau seseorang yang mendirikan masjid dengan harta yang diperolehi dari sumber yang haram dan berniat untuk tujuan kebaikan.<sup>117</sup> Niat dalam keadaan begini

---

<sup>115</sup>Nordin Ahmad (2007), *op.cit.*, h. 106.

<sup>116</sup>*Ibid.*

<sup>117</sup>Yusuf al-Qaradawi (1993), *op.cit.*, h. 53.

tidak dapat mengubah atau melepaskan keadaan asal sesuatu perbuatan. Ini adalah kerana jika asal sesuatu perbuatan itu berbentuk kemaksiatan atau penganiayaan, tetaplah ia dikira sebagai kemaksiatan atau penganiayaan, dan jika asalnya haram, tetap dikira sebagai haram, walaupun disertai niat yang baik.

Berdasarkan kepadauraian di atas jelaslah bahawa, menggunakan yang haram sekalipun untuk tujuan yang baik tidak akan dapat menghalalkan sesuatu perkara. Ini bermaksud kemaksiatan atau penganiayaan dan sesuatu yang haram itu tidak dapat berubah menjadi kebaikan atau ketaatan, walaupun dengan niat serta matlamat dan tujuan yang baik.<sup>118</sup>

### **2.5.3. Apa Sahaja Yang Membawa Kepada Haram Adalah Haram**

Adalah menjadi kewajipan ke atas setiap individu Muslim supaya menjaga kemaslahatan dan kepentingan rukun hidup yang lima (*al-ahkamah al-khamsah*) iaitu memelihara agama, jiwa, keturunan, akal dan harta benda. Bagi memastikan perkara-perkara tersebut dapat dijaga dan terkawal, Islam telah menutup setiap kesempatan atau ruangan yang boleh merosakkan rukun hidup yang lima atau salah satu daripadanya. Konsep atau prinsip yang dimaksudkan ialah apa sahaja yang membawa kepada haram adalah haram. Sehubungan dengan itu, perlu difahami bahawa apabila Allah SWT mengharamkan sesuatu itu, maka Allah SWT akan turut mengharamkan perkara-perkara yang membawa kepada haram.<sup>119</sup>

---

<sup>118</sup>*Ibid.*

<sup>119</sup>Nordin Ahmad (2007), *op.cit.*, h. 121.

Umpamanya, apabila Islam mengharamkan riba, Allah SWT akan melaknat setiap individu yang terlibat dalam transaksi tersebut sama ada orang yang memakannya, yang memberikannya, penulisnya dan saksi-saksinya.<sup>120</sup> Begitu juga haram melihat aurat wanita ajnabi kerana perbuatan tersebut boleh menggalakkan atau mendorong berlakunya perzinaan.<sup>121</sup> Lantaran itu, setiap perkara atau perbuatan yang mendorong atau membantu kepada perbuatan yang diharamkan adalah haram hukumnya. Termasuklah mana-mana individu yang terlibat kepada perbuatan haram akan turut berdosa. Penetapan prinsip ini adalah bertujuan untuk menutup kesempatan atau peluang<sup>122</sup> bertujuan untuk menghindari apa sahaja perkara yang membawa kepada haram.<sup>123</sup>

#### **2.5.4. Berhati-Hati Dari Syubhah Bagi Menghindari Dari Yang Haram**

Islam menuntut pengganutnya untuk tidak terjerumus atau terbabit dengan sesuatu yang diharamkan. Oleh yang demikian, setiap perkara yang syubhah iaitu perkara yang masih mempunyai kesamaran dan tidak dijelaskan status halal haram perlu dijauhi. Ini adalah untuk mengelakkan daripada terlibat dengan sesuatu yang ditegah oleh syarak.<sup>124</sup> Sikap berhati-hati ini boleh dilakukan dengan menganggap bahawa setiap sesuatu yang tidak mempunyai hukum yang jelas sebagai sesuatu yang haram berdasarkan kepada

---

<sup>120</sup>Yusuf al-Qaradawi (1993), *op.cit.*, h. 53.

<sup>121</sup>Wahbah al-Zuhayli (1997), *op.cit.*, h. 22.

<sup>122</sup>Konsep menutup setiap kesempatan dan peluang bagi menghindari semua perkara yang membawa kepada haram dikenali dalam kaedah *fiqhiiyah* sebagai *sadd al-dhara'i*, lihat Wahbah al-Zuhayli (1997), *op.cit.*, h. 21.

<sup>123</sup>Wahbah al-Zuhayli (1997), *op.cit.*, h. 182-188.

<sup>124</sup>*Ibid.*, h. 35.

kaedah fiqh iaitu ‘*sadd al-dhara’i* seperti mana yang telah disarankan oleh Islam.<sup>125</sup>

Prinsip ini bertepatan dengan hadis Rasulullah SAW:

فَمَنِ اتَّقَى الشُّبُهَاتِ إِسْتَبْرَ أَلَّدِينِهِ وَعَرْضِهِ ، وَمَنِ وَقَعَ فِي الشُّبُهَاتِ وَقَعَ فِي الْحَرَامِ

“Maka barangsiapa yang takut melakukan syubhah, bererti dia telah menjaga dirinya dari sesuatu yang mencemar keberkatan dan agamanya. Dan sesiapa yang terjerumus ke dalam perkara-perkara yang syubhah, maka ia telah terjerumus ke dalam perkara yang haram.”

(Riwayat al-Bukhari dan Muslim)<sup>126</sup>

Menurut ‘Izz al-Din ‘Abd al-Salam (M660H) seorang ulama yang terkenal beliau mengatakan bahawa terdapat batasan dan ketentuan dalam sesuatu perkara yang tidak dapat dipastikan kebaikan dan keburukannya. Dalam hal ini, menurut beliau jika didapati kebaikan mengatasi keburukannya, maka perlulah diusahakan bagi memperolehnya. Akan tetapi jika didapati keburukan mengatasi kebaikan maka ia perlu ditolak, tetapi jika terdapat kesamaran dalam menentukan kebaikan dan keburukan maka perlulah berhati-hati.<sup>127</sup> Sikap berhati-hati yang dimaksudkan di sini ialah supaya seseorang itu menganggap sesuatu perkara yang tidak pasti status hukumnya sebagai suatu yang haram.<sup>128</sup> Ini adalah kerana sikap dan perbuatan tersebut dapat menghindarkan seseorang itu daripada terjerumus ke dalam kemudarat dan

---

<sup>125</sup>Ibid., h. 24.

<sup>126</sup>Imam Muslim (2002), *op.cit.*, kitab al-Masaqat, bab al-Nazar al-Halal wa Tarka al-Syubhat, no. hadis :1599, h. 11.

<sup>127</sup>Abu Muhammad ‘Izz al-Din ‘Abd al-‘Aziz Ibn ‘Abd al-Salam al-Salami (t.t.), *Qawa’id al-Ahkam fi Masalih al-An’am*, Qaherah: Matba’ah al-Istiqamah, h. 50.

<sup>128</sup>Menurut Ibn Nujaim, apabila terdapat dua nas yang bertentangan dalam menentukan hukum sesuatu perkara dimana terdapat golongan yang melarang dan golongan yang mengharuskan, menurut pendapat jumhur ulama hendaklah diutamakan pendapat golongan yang melarang. Lihat Jalal al-Din ‘Abd Rahman al-Suyuti, (t.t.) *Al-Asybah Wa al-Nazair Fi Qawaaid Furu’ Fiqh al-Syafi’iyah*, Maktabah al-Taufiqiyah, h. 33.

keburukan yang akan mengakibatkan kerosakan harta, jiwa, kehormatan dan akal.<sup>129</sup>

Oleh itu adalah menjadi tanggungjawab setiap individu Muslim supaya mengelakkan diri dari melakukan perkara-perkara yang syubhah untuk menghindarkan diri daripada terjerumus kepada perkara-perkara yang haram.

### 2.5.5. Keadaan Terpaksa Membolehkan Sesuatu Yang Haram

Islam mengharamkan sesuatu jika terdapat padanya kemudaratan dan begitulah sebaliknya. Namun begitu, dalam keadaan darurat atau terpaksa, Islam membolehkan penganutnya melakukan sesuatu yang dilarang misalnya, jika seseorang berada di dalam hutan dan kehabisan bekalan makanan, dia tidak mempunyai pilihan makanan selain daripada babi, maka di saat itu, dibolehkan memakan daging babi itu demi untuk menyelamatkan nyawa. Firman Allah SWT:

إِنَّمَا حَرَّمَ عَلَيْكُمُ الْمَيْتَةَ وَالدَّمَ وَلَحْمَ الْخِنْزِيرِ وَمَا أُهْلَكَ بِهِ لِغَيْرِ اللَّهِ فَمَنِ اضْطُرَّ غَيْرَ بَاغٍ  
وَلَا عَادِفًا إِنَّمَا عَلَيْهِ إِنَّ اللَّهَ غَفُورٌ رَّحِيمٌ

“Sesungguhnya Allah hanya mengharamkan kepada kamu memakan bangkai, dan darah, dan daging babi, dan binatang-binatang yang disembelih tidak kerana Allah. Maka sesiapa terpaksa (memakannya kerana darurat) sedang ia tidak mengingininya dan tidak pula melampaui batas (pada kadar benda yang dimakan itu), maka tidaklah ia berdosa. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.”

Surah al-Baqarah (2): 173

---

<sup>129</sup>Wahbah al-Zuhayli (1997), *op.cit.*, h. 24.

Berdasarkan kepada ayat di atas jelas menunjukkan bahawa tuntutan syarak itu adalah seiring dengan fitrah manusia. Menjaga rukun-rukun hidup yang lima (*al-ahkam al-khamsah*) iaitu menjaga agama, nyawa, akal, keturunan dan harta adalah merupakan suatu tuntutan yang wajib ke atas setiap individu Muslim. Oleh itu, Islam membenarkan seseorang melakukan sesuatu yang dilarang oleh syarak kerana darurat.<sup>130</sup> Perlulah difahami bahawa keizinan yang diberikan oleh syarak itu tersebut hanya dalam keadaan dharurah demi untuk menyelamatkan nyawa.<sup>131</sup> Sejajar dengan itu, para fuqaha telah menetapkan bahawa keadaan terpaksa membolehkan sesuatu yang diharamkan dan prinsip “sesuatu keadaan terpaksa itu dinilai mengikut ukurannya” adalah bertujuan untuk mengelakkan berlakunya penyalahgunaan kebenaran atau rukhsah yang dibenarkan. Menurut Wahbah al-Zuhayli, terdapat lima tempat di dalam al-Quran yang menunjukkan keizinan memakan apa yang diharamkan ketika dalam keadaan lapar yang parah (*al-mahmasah*)<sup>132</sup> atau dengan lain perkataan bahawa semua perkara yang diharamkan oleh syarak itu boleh dilakukan dalam keadaan darurat dan pada kadar tertentu sahaja.

#### **2.5.6. Peraturan Halal Haram Adalah Bersifat Umum Dan Menyeluruh**

Pensyariatan hukum Islam adalah bersifat umum dan menyeluruh untuk semua umat manusia. Di dalam ajaran Islam tidak terdapat hukum yang menghalalkan sesuatu pada satu tempat manakala mengharamkannya pada tempat yang lain. Ini bermaksud bahawa

---

<sup>130</sup>Menurut Yusuf al-Qaradawi, kelonggaran yang diberikan adalah dengan batasan-batasan tertentu, umpamanya tidak sengaja bukan dengan tujuan mengambil kesempatan untuk mencari kelazatan dan tidak dilakukan dengan melampaui batas-batas ketentuan hukum. Lihat Yusuf al-Qaradawi, (1993), *op.cit.*, h. 38.

<sup>131</sup>Abu Bakr Ibn-al-'Arabi, (t.t.), *Ahkam al-Quran*, jil.1. T.t.p: Dar al-Fikr, h. 147.

<sup>132</sup>Wahbah al-Zuhayli (1996), *op.cit.*, h. 245.

setiap sesuatu yang dihalalkan oleh Islam adalah halal untuk seluruh umat manusia, manakala setiap sesuatu yang diharamkan pula adalah diharamkan untuk seluruh umat manusia.Umpamanya, hukum mencuri adalah haram di dalam Islam sama ada dilakukan oleh orang Islam ataupun orang kafir tanpa mengira status, pangkat atau kedudukannya di dalam masyarakat.<sup>133</sup> Sabda Rasulullah SAW:

وَإِنْ الَّهُ لَوْ أَنَّ فَاطِمَةَ بِنْتَ مُحَمَّدٍ سَرَقَتْ لَقَطَعْتُ يَدَهَا

*“Demi Allah, sekiranya Fatimah Binti Muhammad yang mencuri, pasti akan kopotong tangannya.”*

(Riwayat Muslim)<sup>134</sup>

Menurut Wahbah al-Zuhayli, tidak ada bezanya antara individu dengan individu yang lain, antara satu golongan dengan satu golongan yang lain, di antara satu tempat dengan tempat yang lain, mahupun berada di wilayah Islam atau kafir, seorang Muslim itu tetap tidak dibezakan apabila melakukan sesuatu perkara yang dilarang oleh Islam dan apabila sabit dengan kesalahan yang dilakukan, maka mereka akan sama-sama menerima hukuman.<sup>135</sup> Ini bermaksud bahawa Islam tidak mengharamkan sesuatu perkara itu khusus atau hanya untuk sesuatu kaum, golongan atau individu tertentu dan sebagainya akan tetapi adalah ditujukan kepada seluruh umat Islam.

---

<sup>133</sup>Yusuf al-Qaradawi (1993), *op.cit.*, h. 35-36.

<sup>134</sup>Imam Muslim (2002), *op.cit.*, Kitab al-Hudud Qata'a al-Sariq al-Syarif wa Ghairuh, no. hadis: 1688, h. 725.

<sup>135</sup>*Ibid.*, h. 23.

## 2.5.7. Menghalal dan Mengharamkan Sesuatu Adalah Hak Allah

Melalui al-Quran al-Karim, Allah SWT dengan tegas telah mengingatkan kepada penganutnya bahawa hak untuk menentukan halal haram sesuatu itu adalah Allah SWT semata-mata. Seterusnya Allah SWT menegaskan bahawa manusia tidak mempunyai sebarang autoriti untuk menentukan hukum halal haram dalam sesuatu perkara.<sup>136</sup> Terutamanya yang berkaitan dengan ketentuan hukum yang telah diperjelaskan oleh Allah SWT dalam al-Quran dengan dalil yang *qat'i*. Allah SWT berfirman:

وَلَا تَقُولُوا لِمَا تَصِفُ الْسِّتْكُمُ الْكَذِبَ هَذَا حَلَالٌ وَهَذَا حَرَامٌ لِتَفْتَرُوا عَلَى اللَّهِ  
الْكَذِبَ إِنَّ الَّذِينَ يَفْتَرُونَ عَلَى اللَّهِ الْكَذِبَ لَا يُفْلِحُونَ

*“Dan janganlah kamu mengatakan terhadap apa yang disebut-sebut oleh lidahmu secara dusta “ini halal dan ini haram” untuk mengadakan kebohongan terhadap Allah SWT. Sesungguhnya orang yang mengadakan pembohongan terhadap Allah SWT tidak akan beruntung.”*

Surah an-Nahl (16): 116

Sehubungan dengan itu, Imam al-Qurtubi (m.611H) turut menegaskan bahawa hukum halal haram adalah hak Allah semata-mata. Tidak ada sesiapa yang berhak menghalal atau mengharamkan sesuatu perkara kecuali berdasarkan wahyu Allah

---

<sup>136</sup>Menurut Wahbah al-Zuhayli, sekiranya penilaian halal haram itu dibuat berdasarkan kepada ukuran manusia, pada kebiasaannya ia akan menjadi sesuatu yang tidak bermakna dan sia-sia serta boleh merosakkan kemaslahatan umum. Ini adalah disebabkan sesuatu yang dianggap oleh manusia itu sebagai baik atau buruk atau mendatangkan manfaat atau mudarat, pada kebiasaannya akan terpengaruh atau dipengaruhi oleh kepentingan peribadi atau diri sendiri dan hanya terbatas dalam ruang lingkup yang sempit dan jangkaunya tidak meliputi semua aspek kehidupan disebabkan kemampuan akal manusia amat terbatas. Lihat Wahbah al-Zuhayli (1997), *op.cit.*, h. 16.

SWT.<sup>137</sup> Manakala menurut al-Qasimi pula, pengharaman sesuatu perkara itu hanya akan dapat diketahui melalui wahyu dan bukannya melalui pemikiran atau menurut hawa nafsu.<sup>138</sup> Jelasnya manusia sebagai makhluk Allah SWT walaupun setinggimana sekalipun darjat dan keilmuannya tidak akan dapat memiliki hak ini.

### **2.5.8. Mengharamkan Yang Halal dan Menghalalkan Yang Haram Sama Dengan Syirik**

Allah SWT telah mencela dan menentang sekeras-kerasnya terhadap sikap orang-orang musyrik Arab atas perbuatan mereka yang mengubah hukum hakam yang telah ditetapkan oleh Allah melalui kalamNya iaitu al-Quran. Orang Yahudi dicela oleh Allah kerana suka memakan riba dan memakan harta orang lain secara batil<sup>139</sup> dan orang Nasrani dicela oleh Allah SWT kerana mengikut pendapat rahib dalam menetapkan makanan yang halal dan haram, mereka menjadikan pendeta sebagai Tuhan.<sup>140</sup>

Islam telah menegaskan bahawa wewenang dalam menentukan hukum adalah milik Allah SWT. Justeru, perbuatan mengharamkan yang halal dan menghalalkan yang haram adalah merupakan suatu pencerobohan terhadap syariat Islam, perbuatan yang melampaui batas, menzalimi diri sendiri dan boleh dikategorikan sebagai perbuatan syirik. Ini dapat difahami melalui firman Allah SWT:

---

<sup>137</sup>Abu ‘Abd Allah Muhammad Ibn Ahmad al-Ansari al-Qurtubi (1986), *al-Jami’ li Ahkam al-Quran*, Kaherah: Dar al-Katib al-‘Arabi, jil.1, h. 197.

<sup>138</sup>Jamal al-Din al-Qasimi (1994), *Tafsir al-Qasimi al-Musamma Mahasini al-Ta’wil*, Beirut: Dar Ihya’ al-Thurath al-‘Arabi, jil.1, h. 22.

<sup>139</sup>Lihat Surah al-Nisa’ (4): 160-161.

<sup>140</sup>Surah al-Taubah (9): 31.

قُلْ مَنْ حَرَمَ زِينَةَ اللَّهِ الَّتِي أَخْرَجَ لِعِبَادِهِ وَالطَّيَّبَاتِ مِنَ الرِّزْقِ قُلْ هِيَ لِلَّذِينَ آمَنُوا فِي  
الْحَيَاةِ الدُّنْيَا خَالِصَةٌ يَوْمَ الْقِيَامَةِ كَذَلِكَ نُفَصِّلُ الْآيَاتِ لِقَوْمٍ يَعْلَمُونَ

“Katakanlah (wahai Muhammad): “Siapakah yang (berani) mengharamkan perhiasan Allah yang telah dikeluarkanNya untuk hamba-hambaNya, dan demikian juga benda-benda yang baik lagi halal dari rezeki yang dikurniakanNya? ”katakanlah: “semuanya itu ialah (nikmat-nikmat) untuk orang-orang yang beriman (dan juga yang tidak beriman) dalam kehidupan dunia; (nikmat-nikmat itu pula) hanya tertentu (bagi orang-orang yang beriman sahaja) pada hari kiamat”. Demikianlah Kami jelaskan ayat-ayat keterangan Kami satu persatu bagi orang-orang yang (mahu) mengetahui.”

Surah al-A‘raf (7): 32

Menurut Ibn Kathir ayat ini adalah pertanyaan dari Allah SWT sebagai mengingkari kelakuan golongan musyrik yang mengharamkan sesuatu mengikut kehendak hati dan hawa nafsu semata-mata tanpa merujuk kepada syariat Allah SWT.<sup>141</sup> Demikian juga, mereka menjadi golongan yang menyekutukan Allah SWT sebagaimana orang-orang kafir.<sup>142</sup>

Sebagai seorang Mukmin, seharusnya peraturan dan hukuman yang diterima dan diakui hanyalah hukum yang datang dari Allah SWT atau sekurang-kurangnya bersandarkan kepada keredaan Allah SWT. Adapun peraturan-peraturan ciptaan manusia tidak akan diterima kerana akan merugikan diri sendiri disebabkan ia adalah hayalan belaka, tavyul dan khurafat.

---

<sup>141</sup>Ibn Kathir (1996), *Tafsir al-Quran al-‘Azim*, Beirut:Maktabah al-‘Asriyyah, jil. 2, h. 196.

<sup>142</sup>*Ibid.*

## **2.5.9. Mengharamkan Sesuatu Adalah Sesuai Dengan Keburukan dan Kemudaratan**

Islam adalah agama samawi yang diturunkan oleh Allah SWT sesuai dengan fitrah manusia yang mengimbangi keperluan jasmani dan rohani dunia dan akhirat. Oleh itu setiap sesuatu yang dihalalkan oleh Islam ataupun yang diharamkan adalah bertujuan untuk menjaga kepentingan umat manusia. Diharamkan bagi setiap minuman yang memabukkan adalah kerana menjaga akal. Sebab dengan akal manusia dapat membuat pertimbangan buruk dan baik, akan tetapi apabila sudah mabuk akal akan hilang pertimbangannya. Akibatnya orang yang mabuk akan melakukan perbuatan yang keji seperti berzina dan membunuh. Seterusnya diharamkan menipu, mencuri merompak dan seumpamanya kerana perbuatan tersebut merugikan orang lain.

Menurut Wahbah al-Zuhayli, sesuatu yang diharamkan oleh Islam sama ada oleh sebab zatnya atau faktor-faktor yang berkaitan dengannya adalah bertujuan bagi menghindari keburukan dan kemudaratan yang terdapat pada sesuatu perkara sama ada kepada individu, kelompok masyarakat dan agama.<sup>143</sup> Berdasarkan kepada kenyataan di atas jelaslah menunjukkan bahawa menurut ajaran Islam, setiap sesuatu yang diharamkan oleh Allah SWT itu adalah disebabkan adanya keburukan atau kemudaratan yang dibawanya. Ini sangat bersesuaian dengan jiwa nurani manusia yang secara tabii menyukai yang maaf dan membenci yang mungkar. Ini seiring dengan Firman Allah SWT:

---

<sup>143</sup>Wahbah al-Zuhayli (1997), *op.cit.*, h. 20.

يَأُمْرُهُمْ بِالْمَعْرُوفِ وَنَهَاهُمْ عَنِ الْمُنْكَرِ وَيُحِلُّ لَهُمُ الطَّيِّبَاتِ وَيُحَرِّمُ عَلَيْهِمُ الْخَبَائِثَ

*“Dia menyuruh mereka dengan perkara-perkara yang baik, dan melarang mereka daripada melakukan perkara-perkara yang keji dan ia menghalalkan bagi mereka segala benda yang baik, dan mengharamkan kepada mereka segala benda yang buruk”.*

Surah al-A‘raf (7): 157

#### 2.5.10. Sesuatu Yang Halal Tidak Memerlukan Yang Haram

Jika di teliti dengan penuh keimanan, maka seseorang akan mengakui bahawa keseluruhan hukum Islam itu adalah bersifat universal dan sesuai diamalkan di sepanjang masa dan zaman serta dalam apa jua keadaan hingga hari kiamat. Sesuai dengan sifatnya yang syumul, maka seseorang akan bersyukur kepada Allah SWT dengan sifatNya Yang Maha Permurah dan Maha Pengasih tidak menyempitkan urusan dalam kehidupan hambaNya, sebaliknya Allah SWT telah memperluas dan menyediakan hambaNya dengan berbagai-bagai alternatif yang lain bagi memudahkan hambaNya dalam setiap aspek kehidupan. Allah SWT tidak mengharamkan sesuatu melainkan Ia menggantikannya dengan sesuatu yang lebih baik demi untuk menjaga kepentingan dan keperluan hambaNya. Sejajar dengan itu menurut Ibn al-Qayyim, Allah SWT telah mengharamkan bertenung nasib, tetapi telah menggantikannya dengan doa dan istikhara. Allah SWT juga telah mengharapkan riba’ tetapi menggantikannya dengan perniagaan dan seterusnya, Allah SWT telah mengharamkan penganutNya

daripada memakan makanan yang haram dan menggantikannya dengan yang lebih baik.<sup>144</sup>

### **2.5.11. Membuat Helah Terhadap Sesuatu Yang Haram Hukumnya Adalah Haram**

Islam telah menutup setiap ruangan dan perbuatan yang boleh membawa kepada haram sama ada ia dapat diketahui secara jelas, tersembunyi atau dengan menggunakan berbagai-bagai helah untuk menghalalkan sesuatu yang telah diharamkan oleh Allah SWT. Membuat helah terhadap sesuatu yang haram hukumnya adalah haram dan merupakan perbuatan yang tercela. Ini adalah kerana perbuatan tersebut telah mengubah hukum-hukum yang telah ditetapkan oleh syarak kepada hukum-hukum yang baru<sup>145</sup> seperti menghalalkan rasuah dengan memberi wang hadiah dan menghalalkan zina atas nama perkahwinan.<sup>146</sup> Sabda Rasulullah SAW:

لَيَشْرَبَنَّ نَاسٌ مِنْ أُمَّتِي الْخَمْرَ يُسَمُّونَهَا بِغَيْرِ اسْمِهَا يُعْرَفُ

*Sesungguhnya akan ada satu golongan daripada umatku yang minum arak dengan memberikan nama lain (untuk menghalalkannya).*

(Riwayat Ibn Majah)<sup>147</sup>

<sup>144</sup>Ibn Qayyim al-Jawziyyah, Abu ‘Abd Allah ibn Abi Bakr (t.t.), *A’lam al-Muwaqqi’in ‘an Rab al-Alamin*, Mesir: Maktabah al-Kulliyah al-Azhariyyah, jil. 2, h. 111, lihat Manzur Ahmad al-Azhari (2002), *Tarsyid al-Istihla’ al-Fardi fi al-Iqtisad al-Islami*, Qaherah: Dar al-Salam, h. 38.

<sup>145</sup>Wahbah al-Zuhayli (1986), *op.cit.*, jil. 2, h. 914.

<sup>146</sup>Ibn al-Qayyim (1993), *op.cit.*, jil. 3, h. 97.

<sup>147</sup>Ibn Majah, *op.cit.*, Kitab al-Fitan, bab al-‘Uqbat, no. hadis: 4020, h. 664, lihat Abu Dawud, *op.cit.*, kitab al-Asyribah bab fi al-Dazi, no. hadis: 3088, h. 62.

Menurut Ibn al-Qayyim (1292 H/ 1350 H) dalam menjelaskan helah berkaitan dengan riba yang menyatakan bahawa pada zahirnya gambaran dan penjenamaannya adalah menyamai jual beli tetapi sebenarnya riba.<sup>148</sup> Penipuan yang dilakukan dalam akad jual beli ini adalah untuk mengamalkan riba ini adalah kerana mereka bukannya bertujuan untuk berjual beli tetapi ingin memiliki harganya.<sup>149</sup> Sebenarnya orang yang menggunakan helah dalam agama untuk menghalalkan sesuatu yang diharamkan oleh Allah SWT adalah merupakan satu tindakan yang menzalimi diri sendiri dan mempersendakan hukum Allah SWT dan adalah merupakan golongan yang paling hina apabila dihadapkan di hadapan Allah SWT kelak. Allah SWT telah membinasakan kaum Bani Israil disebabkan mereka sangat suka menipu.<sup>150</sup>

## 2.6. KATEGORI MAKANAN DALAM ISLAM

Pembahagian hal-hal yang berkaitan dengan halal haram<sup>151</sup> makanan adalah merupakan suatu fenomena yang telah lama wujud, bermula dari nabi Adam a.s. sehingga ke nabi Muhammad SAW. Dalam ajaran Islam, klasifikasi atau kategori makanan adalah bersumberkan daripada al-Quran dan al-Sunah. Kategori yang dimaksudkan adalah seperti berikut:

---

<sup>148</sup>Ibn al- Qayyim (1993), *op.cit.*, h. 1471.

<sup>149</sup>Ibn al-Qayyim al-Jawziyyah, Abu ‘Abd Allah ibn Abi Bakr (1961), *Ighathah al-lahfah min masayid al-Syaitan*, Qaherah: Dar al-Fikr, jil.1, h. 230.

<sup>150</sup>*Ibid.*, h. 132. Ibn al-Qayyim juga membayangkan bahawa orang Yahudi suka melakukan helah, lihat Ibn al- Qayyim (1993), *op.cit.*, h. 133.

<sup>151</sup>Di dalam al-Quran terdapat 500 ayat yang berkaitan dengan hukum halal dan haran, lihat Wahbah al-Zuhayli (2007), *Tafsir al-Munir*, Mustaffa Abdullah et.al.(terj.), Selangor: Intel Multimedia and Publication & Persatuan Ulama’ Malaysia, jil.1, h. 41.

## 2.6.1. Makanan Yang Dikategorikan Sebagai Halal

Kehalalan sesuatu makanan adalah berdasarkan kepada zat dan sifat sesuatu makanan yang dinyatakan secara terperinci melalui al-Quran<sup>152</sup> dan al-Sunnah. Allah SWT menjelaskan bahawa yang dihalalkan adalah makanan yang baik melalui firmanNya:

أَحِلَّ لَكُمْ صَيْدُ الْبَحْرِ وَطَعَامُ مَتَاعَ الْكُنْ وَلِسَيَارَةٍ وَحُرْمَ عَلَيْكُمْ صَيْدُ الْبَرِّ مَادْمُتُمْ  
خُرْمًا وَاتَّقُوا اللَّهَ الَّذِي إِلَيْهِ تُحْشَرُونَ

*“Dihalalkan bagi kamu binatang buruan laut, dan makanan yang didapati dari laut, sebagai bekalan bagi kamu (untuk dinikmati kelazatannya) dan juga bagi orang-orang yang dalam pelayaran; tetapi diharamkan atas kamu memburu binatang buruan darat selama kamu sedang berihram. Oleh itu, bertakwalah kepada Allah, yang kepadaNya kamu akan dihimpunkan.”*

Surah al-Ma’idah (5): 96

Ayat di atas menegaskan bahawa semua binatang laut halal, kecuali yang beracun dan berbahaya kepada keselamatan jiwa. Rasulullah SAW turut menegaskan perkara yang sama ketika menjawab pertanyaan seorang yang sedang belayar dan hendak berwuduk akan tetapi dia berasa ragu. Rasulullah SAW menjawab bahawa air laut itu suci dan bangkainya halal dimakan.<sup>153</sup> Makanan yang termasuk dalam kategori ayat di atas adalah seperti berikut:

---

<sup>152</sup>Lihat Surah al-Ma’idah (5): 4, Surah al-An’am (6): 145 dan Surah al-A’raf (7): 157. Lihat sumber makanan dan minuman halal panduan Jabatan Agama Islam Selangor (2001), *op.cit.*, h. 10-14, www.halal.gov.my:Akta-Akta Garis Panduan Makanan, Minuman dan Barang Gunaan Orang Islam, <http://e-halal.hdcglobal.com/corporate.php?ID=82>, h. 1-2., 14 Januari 2009. Asmak Haji Ali (2001), *op.cit.*, h. 9-13.

<sup>153</sup>Abu Dawud (1994), *op.cit.*, kitab al-taharah, bab al-wudu’ bi mai al-bahri, no. hadis: 83, h. 32.

a) Binatang laut

Binatang dalam kategori ini ialah haiwan yang tidak boleh hidup kecuali di dalam air sahaja.<sup>154</sup> Samada ianya diperolah secara diburu, ditangkap atau didapati dalam keadaan mati, tanpa mengambilkira adakah haiwan tersebut ditangkap oleh orang Islam atau bukan Islam.<sup>155</sup> Dalam hal ini para ulama telah bersepakat menghalalkan haiwan laut yang tidak ada persamaan nama dengan mana-mana haiwan darat yang diharamkan.<sup>156</sup> Walaupun pada dasarnya semua binatang laut hukumnya halal, namun terdapat perbezaan (*mughayarah*) pendapat dikalangan ulama' dalam perkara tersebut.

i) Ulama Hanafi

Menurut ulama Hanafi semua jenis haiwan yang hidup di dalam air adalah haram dimakan kecuali ikan. Ikan halal dimakan walaupun tanpa disembelih melainkan jika didapati ia timbul terapung di atas permukaan air.<sup>157</sup> Oleh yang demikian, jika ia mati dan timbul terapung maka tidak halal dimakan. Mereka berpegang kepada dalil al-Quran dan al-Sunnah antaranya melalui firman Allah SWT:

---

<sup>154</sup>Wahbah al-Zuhayli (2009), *op.cit.*, jil. 3, h. 671.

<sup>155</sup>Sayyid Sabiq (2007), *Fiqh al-Sunnah*, Damsyiq: Dar al-Fikr, jil. 3, h. 907.

<sup>156</sup>Ahmad Ibn Rusyd al-Qurtubi (2004), *Bidayatu al-Mujtahid Wa Nihayah al-Muqtasid*, Qaherah: Dar al-Hadith, jil. 2, h. 17 .

<sup>157</sup>Wahbah al-Zuhayli (2009), *op.cit.*, jil. 3, h. 674. Lihat juga Sayyid Sabiq (2007), *op.cit.*, jil. 3, h. 907.

حُرِّمَتْ عَلَيْكُمُ الْمَيْتَةُ...

“Diharamkan kepada kamu (memakan) bangkai (binatang yang tidak disembelih)....”

Surah al- Ma’idah (5): 3

وَيُحَلِّ لَهُمُ الطَّيِّبَاتِ وَيُحَرِّمُ عَلَيْهِمُ الْخَبَائِثَ...

“.....dan ia menghalalkan bagi mereka segala benda yang baik, dan mengharamkan kepada mereka segala benda yang buruk....”

Surah al-A‘raf (7): 157

Sabda Rasulullah SAW:

مَا أَلْقَاهُ الْبَحْرُ أَوْ جَرَعْنَهُ فَكُلُوهُ وَمَا مَاتَ فِيهِ فَطَفَأَا فَلَا تَأْكُلُوهُ

“Apa-apa yang terdampar di laut atau naik melalui air pasang maka makanlah, apa-apa yang mati di dalamnya dan timbul terapung maka janganlah kamu makan.”

(H.R. Abu Dawud dan Ibn Majah)<sup>158</sup>

---

<sup>158</sup>Wahbah al-Zuhayli (2009), *op.cit.*, jil. 3, h. 676. Ia merupakan hadis daif. (*Nasb al-Rayah*, jil. IV, h. 202: *Takhrij Ahadith Tuhfah al-Fuqaha*, jil. III, h.70). Lihat juga Sayyid Sabiq (2007), *op.cit.*, jil. 3, h. 907.

ii) Pendapat Jumhur Ulama

Semua binatang yang hidup di dalam air seperti ikan dan seumpamanya yang tidak boleh hidup kecuali di dalam air seperti ketam, ular air, anjing laut atau babi laut dan sebagainya hukumnya halal dimakan tanpa perlu disembelih samada ia mati sendirian atau dengan sebab-sebab yang nyata seperti terlanggar batu, dipukul oleh nelayan atau terdampar di tepi pantai disebabkan air pasang atau surut. Bagaimanapun, sekiranya bimbang kepada kemudaratannya yang akan dihadapi selepas memakanya maka hukum memakannya menjadi haram.<sup>159</sup>

Bagi Imam Malik memakan babi air adalah makruh kerana menurut beliau babi air adalah dianggap sebagai babi.<sup>160</sup> Sementara menurut pendapat yang muktamat di kalangan ulama Maliki pula babi air atau anjing laut harus dimakan.<sup>161</sup> Al-Laith bin Saad pula menyatakan setiap haiwan yang dinamakan sebagai ikan duyung atau babi air dalam semua keadaan tidak halal dimakan.<sup>162</sup>

b) Binatang darat

Binatang darat ialah haiwan yang hanya hidup di darat.<sup>163</sup> Binatang jenis ini boleh dikategorikan kepada tiga bahagian iaitu:

---

<sup>159</sup>Wahbah al-Zuhayli(2009), *op.cit.*, jil. 3, h. 676.

<sup>160</sup>*Ibid.* Lihat juga Ahmad ibn Rusyd al-Qurtubi (2004), *op.cit.*, h. 20.

<sup>161</sup>Wahbah al-Zuhayli(2009), *op.cit.*, jil. 3, h. 676, Ahmad ibn Rusyd al-Qurtubi (2004), *op.cit.*, h. 19.

<sup>162</sup>Wahbah al-Zuhayli(2009), *op.cit.*, jil. 3, h. 676, Ahmad ibn Rusyd al-Qurtubi (2004), *op.cit.*, h. 19.

<sup>163</sup>Wahbah al-Zuhayli(2009), *op.cit.*, jil. 3, h. 676.

- i) Binatang yang tidak mempunyai darah langsung seperti belalang, semut, lebah, labah-labah, kala dan binatang berbisa dan yang seumpamanya dengannya.
- ii) Binatang yang tidak mempunyai darah yang mengalir (banyak) seperti ular, mengkarung dan segala jenis serangga dan hidupan yang merayap seperti tikus, landak, kutu binatang, dhab, yarbu' dan sebagainya.
- iii) Binatang yang mempunyai darah yang mengalir sama ada ia merupakan binatang yang jinak atau liar.

Oleh yang demikian, untuk mementukan status hukum memakan binatang-binatang tersebut Allah SWT telah menerangkannya melalui firmanNya:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا أَوْفُوا بِالْعُهُودِ حَلَّتْ لَكُمْ بِهِمَةُ الْأَنْعَامِ إِلَّا مَا يُشَارِكُكُمْ  
 عَيْرَ مُحِلٍّ الصَّيْدِ وَإِنْتُمْ حُرُمٌ إِنَّ اللَّهَ يَحْكُمُ مَا يُرِيدُ

*“Wahai orang-orang yang beriman, penuhi serta sempurnakanlah perjanjian-perjanjian. Dihalalkan bagi kamu (memakan) binatang-binatang ternak (dan sebagainya), kecuali apa yang akan dibacakan (tentang haramnya) kepada kamu. (Halalnya binatang-binatang ternak dan sebagainya itu) tidak pula bererti kamu boleh menghalalkan perburuan ketika kamu dalam keadaan berihram. Sesungguhnya Allah menetapkan hukum apa yang Ia kehendaki.”*

Surah al-Ma''idah (5): 1

Ayat di atas menjelaskan kepada umat Islam bahawa tidak semua binatang darat itu boleh dimakan. Ini kerana Allah SWT menghalalkan memakan sebahagian daripada jenis haiwan yang telah dinyatakan dengan jelas tentang kehalalannya seperti unta, lembu dan kambing dan mengharamkan sebahagian yang lain seperti binatang buas seperti singa, harimau, singa serigala dan sebagainya.

Namun demikian terdapat beberapa jenis haiwan yang diperselisihkan oleh para ulama tentang hukum memakannya antaranya ialah *dabu’/hiena* (binatang yang mirip serigala atau anjing hutan). Dalam hal ini, terdapat tiga pandangan ulama tentang hukum memakannya. Menurut pendapat ulama seperti Imam Asy Syafi‘i, Imam Abu Yusuf, Muhammad dan Ibn Hazm,<sup>164</sup> Ahmad dan Ishak<sup>165</sup> harus memakan *dabu’/hiena*<sup>166</sup> dan bagi Ibn Mubarak pula hukum memakannya adalah makruh.<sup>167</sup> Manakala sebahagian ulama lain mengharamkannya kerana ianya termasuk dalam kategori binatang buas.<sup>168</sup>

Walau bagaimanapun bagi binatang kecil yang hidup di bumi seperti kala, ular, kumbang, sorok-sorok, semut, ulat tanah menurut jumhur ulama haram dimakan disebabkan bisa atau dipandang jijik. Menurut ulama Malik

<sup>164</sup>Sayyid Sabiq (2007), *op.cit.*, jil. 3, h. 907.

<sup>165</sup>Muhammad bin Isa bin Surat al-Tirmidhi (t.t), *op.cit.*, Kitab al-At’imah, bab ma ja’ fi kar hiyah akl al-Saum wa al-Basal, no. hadis: 1806, h. 344.

<sup>166</sup>Sayyid Sabiq (2007), *op.cit.*, jil. 3, h. 907. Ibn Hajar Al-‘Asqalani (2006), *Bulugh al-Maram Min Jami’ Adillah al-Ahkam*, kitab al-at’imah, Dar al-Bayan al-‘Arabi, no. hadis: 1230, h. 210. Kelonggaran hukum memakan *dabu’/hena* adalah kerana orang Arab sentiasa memakannya dan perbuatan tersebut tidak dianggap salah. Wahbah al-Zuhayli (2009), *op.cit.*, jil. 3, h. 673, menurut Sayyid Sabiq kelonggaran memakan *dabu’/hena* adalah merupakan rukhsah menurut sunnah, lihat Sayyid Sabiq (2007), *op.cit.*, jil. 3, h. 908.

<sup>167</sup>al-Tirmidhi (t.t), *op.cit.*, Kitab al-At’imah, bab ma ja’ fi akl al-dabu’, no. hadis: 1806, h. 415.

<sup>168</sup>Sayyid Sabiq (2007), *op.cit.*, jil. 3, h. 908.

hukumnya harus dimakan begitu juga ular jika dapat dipastikan selamat daripada bisanya dengan syarat disembelih di halkumnya.<sup>169</sup>

c) Binatang Amfibia

Iaitu jenis binatang yang boleh hidup di darat dan di dalam air atau bintang yang boleh hidup dalam dua alam seperti katak, kura-kura, ketam, ular, buaya dan anjing laut. Namun demikian, para ulama berselisih pendapat dalam menentukan status halal haram memakan haiwan tertentu yang dikategorikan dalam jenis ini, misalnya hukum memakan katak. Jumhur ulama menyatakan bahawa katak tidak harus dimakan. Ini berikutan terdapat larangan berdasarkan kepada hadis Nabi SAW yang melarang membunuhnya.<sup>170</sup> Sabda Rasulullah SAW:

أَنَّ طَبِيبًا سَأَلَ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنْ ضِفْدَعٍ يَجْعَلُهَا فِي دَوَاءٍ  
فَنَهَاهُ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنْ قَتْلِهَا

*“Bahwasanya seorang doktor bertanya kepada Rasulullah SAW tentang katak yang dibuat ubat, lalu Baginda melarang membunuhnya.”*

(Abu Dawud dan an-Nasa'i)<sup>171</sup>

<sup>169</sup>Wahbah al-Zuhayli (2009), *op.cit.*, jil. 3, h. 673.

<sup>170</sup>*Ibid.*, h. 679.

<sup>171</sup>*Ibid.* lihat juga Ibn Hajar Al-‘Asqalani (2006), *op.cit.*, no. hadis: 1236, h. 211. Muhammad bin ‘Ali bin Muhammad al-Syaukani (2005), *Nayl al-Awtar Syarh Muntaqa al-Akhbar Min Ahadith Sayyid al-Akhbar*, Qahirah: Dar al-Hadith, h. 446, Sayyid Sabiq (2007), *op.cit.*, jil. 3, h. 907. Abu Dawud (1994), *Sunan Abi Dawud*, Kitab al-Tib, Bab fi adwiyyah al-Makruhah, jil. 4, no. hadis: 3871, Beirut: Dar al-Fikr, h. 227, al-Nasai (1988), *Sunan al-Nasai*, Kitab al-Dahaya, bab al-Difda', jil. 7, no. hadis: 4355, Riyad: Maktabah al-Ma’arif Linnasyri Wa al-Tauzi', h. 210.

Berdasarkan hadis di atas dapat disimpulkan bahawa larangan membunuh katak itu menunjukkan haram memakannya walaupun untuk dijadikan ubat. Akan tetapi menurut ulama Maliki pula, katak halal dimakan kerana tidak terdapat nas yang jelas tentang pengharamannya.<sup>172</sup> Menurut mereka maksud benda kotor (jijik) yang diharamkan adalah setiap perkara yang dinaskan oleh syarak sahaja. Justeru, sebarang perkara yang tidak dinaskan haram oleh syarak yang dianggap jijik oleh air liur dan keinginan tidaklah menjadi haram.<sup>173</sup>

d) Makanan lain selain haiwan pada dasarnya adalah halal, kecuali yang membahayakan kesihatan, memabukkan dan terkena najis atau apabila terdapat nas yang mengharamkannya. Allah melarang manusia mencampakkan dirinya kedalam kebinasaan, sebagaimana firmanNya:

وَأَنْفَقُوا فِي سِيلِ اللَّهِ وَلَا تُلْقُوا بِأَيْدِيكُمْ إِلَى التَّهْلُكَةِ وَأَحْسِنُوا إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُحْسِنِينَ

“Dan belanjakanlah (apa yang ada pada kamu) kerana (menegakkan) agama Allah, dan janganlah kamu sengaja mencampakkan diri kamu ke dalam bahaya kebinasaan (dengan bersikap bakhil); dan baikilah (dengan sebaik-baiknya segala usaha dan) perbuatan kamu; kerana sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang berusaha memperbaiki amalannya.”

Surah al-Baqarah(2): 195

---

<sup>172</sup>Wahbah al-Zuhayli (2009), *op.cit.*, jil. 3, h. 673.

<sup>173</sup>*Ibid.*

Ini adalah kerana dalam Islam, memelihara jiwa dan akal adalah merupakan sebahagian dari prinsip *daruriyyah*. Oleh yang demikian, setiap sesuatu yang boleh memudarangkan jiwa dan akal adalah termasuk dalam kategori makanan yang diharamkan.

### 2.6.2. Makanan Yang Dikategorikan Sebagai Haram

Setelah Allah SWT mengharuskan hamba-hambaNya memakan apa sahaja makanan yang halal dan baik, maka seterusnya Allah SWT menerangkan pula makanan yang diharamkan untuk dimakan yang bilangannya adalah sedikit jika dibandingkan dengan makanan yang dihalalkan. Sejajar dengan firman Allah SWT:

قُلْ لَا أَجِدُ فِي مَا أُوحِيَ إِلَيَّ مُحَرَّمًا عَلَى طَاعِمٍ يَطْعَمُهُ إِلَّا أَنْ يَكُونَ مِيتَةً أَوْ  
دَمًا مَسْفُوحًا أَوْ لَحْمَ حِنْزِيرٍ فَإِنَّهُ رِجْسٌ أَوْ فِسْقًا أَهْلَ لِغْرِيلِ اللَّهِ بِهِ فَمَنِ اضْطُرَّ عَيْرَتَاغٍ  
وَلَا عَادِفًا إِنَّ رَبَّكَ غَفُورٌ رَّحِيمٌ

“Katakanlah (wahai Muhammad): “Aku tidak dapati dalam apa yang telah diwahyukan kepadaku, sesuatu yang diharamkan bagi orang yang hendak memakannya melainkan kalau benda itu bangkai, atau darah yang mengalir, atau daging babi-kerana sesungguhnya ia adalah kotor binatang yang disembelih atas nama yang lain dari Allah.” Sesiapa yang terpaksa (memakannya kerana darurat) sedang ia tidak mengingininya dan tidak melampaui batas, maka sesungguhnya Tuhanmu Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.”

Surah al-An‘am (6): 145

Ayat di atas menerangkan bahawa Allah SWT telah mengharamkan empat jenis makanan iaitu bangkai, darah, daging babi dan haiwan yang disembelih dengan tidak

menyebut nama Allah SWT dan seterusnya Allah SWT telah menegaskan kembali keharaman empat jenis makanan tersebut, sebagaimana firmanNya:

إِنَّمَا حَرَّمَ عَلَيْكُمُ الْمَيْتَةُ وَالدَّمُ وَلَحْمُ الْخِنْزِيرِ وَمَا أَهْلَ بِهِ لِغَيْرِ اللَّهِ فَمَنِ اضْطُرَّ غَيْرُ باغٍ  
وَلَا عَادٍ فَلَا إِثْمَ عَلَيْهِ إِنَّ اللَّهَ عَفُورٌ حَمِيمٌ

“Sesungguhnya Allah hanya mengharamkan kepada kamu memakan bangkai, dan darah, dan daging babi, dan binatang-binatang yang disembelih tidak kerana Allah, maka sesiapa terpaksa (memakannya kerana darurat) sedang ia tidak mengingininya dan tidak pula melampaui batas (pada kadar benda yang dimakan itu), maka tidaklah ia berdosa. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.”

Surah al-Baqarah (2): 173

Selain daripada empat jenis makanan tersebut, Allah SWT telah menerangkan secara terperinci beberapa jenis makanan yang diharamkan iaitu haiwan yang mati tercekik, dipukul, terjatuh, ditanduk, diterkam binatang buas, kecuali binatang-binatang tersebut masih sempat disembelih sebelum mati dan makanan yang disembelih untuk berhala mereka seperti “Demi Lata dan ‘Uzza’ serta setiap apa yang telah diharamkan oleh Rasulullah SAW seperti memakan binatang yang berkaki empat yang bertaring, burung yang berkuku menyambar dan daging kaldai peliharaan.<sup>174</sup> Sepertimana firman Allah SWT:

حُرِّمَتْ عَلَيْكُمُ الْمَيْتَةُ وَالدَّمُ وَلَحْمُ الْخِنْزِيرِ وَمَا أَهْلَ بِهِ لِغَيْرِ اللَّهِ وَالْمُنْخَنِقَةُ وَالْمَوْقُوذَةُ  
وَالْمُتَرَدِّيَةُ وَالنَّطِيحَةُ وَمَا أَكَلَ السَّبُعُ إِلَّا مَا دَكَّيْتُمْ وَمَا ذُبَحَ عَلَى النُّصُبِ وَإِنْ  
تَسْتَقْسِمُوا بِالْأَزْلَامِ ذَلِكُمْ فِسْقٌ الْيَوْمَ يَئِسَ الَّذِينَ كَفَرُوا مِنْ دِينِكُمْ فَلَا تَخْشُوْهُمْ

<sup>174</sup> Ibid., h. 671.

وَاحْشُونِ الْيَوْمَ أَكْمَلْتُ لَكُمْ دِينَكُمْ وَأَتَمَّتُ عَلَيْكُمْ نِعْمَتِي وَرَضِيَتُ لَكُمْ  
الْإِسْلَامُ دِينًا فَمَنِ اضْطَرَّ فِي مَحْمَصَةٍ غَيْرِ مُتَجَانِفٍ لَا ثُمَّ فَإِنَّ اللَّهَ غَفُورٌ رَّحِيمٌ

*“Diharamkan kepada kamu (memakan) bangkai (binatang yang tidak disembelih), dan darah (yang keluar mengalir), dan daging babi (termasuk semuanya), dan binatang-binatang yang disembelih kerana yang lain dari Allah, dan yang mati tercekik, dan yang mati dipukul, dan yang mati dimakan binatang buas, kecuali yang sempat kamu sembelih (sebelum habis nyawanya), dan yang disembelih atas nama berhala; dan (diharamkan juga) kamu menengok nasib dengan undi batang-batang anak panah. Yang demikian itu adalah perbuatan fasik. Pada hari ini, orang-orang kafir telah putus asa (daripada memesongkan kamu) dari agama kamu (setelah mereka melihat perkembangan Islam dan umatnya). Sebab itu janganlah kamu takut dan gentar kepada mereka, sebaliknya hendaklah kamu takut dan gentar kepadaKu. Pada hari ini, Aku telah sempurnakan bagi kamu agama kamu, dan aku telah cukupkan nikmatku kepada kamu, dan Aku telah redhakan Islam itu menjadi agama untuk kamu. Maka sesiapa yang terpaksa kerana kelaparan (memakan benda-benda yang diharamkan) sedang ia tidak cenderung hendak melakukan dosa (maka bolehlah ia memakannya), kerana sesungguhnya Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.”*

Surah al-Ma’idah (5): 3

### 2.6.3. Makanan Yang Dikategorikan Sebagai Makruh

Selain daripada makanan yang halal terdapat makanan yang dikategorikan sebagai makruh, iaitu makanan yang boleh dimakan tetapi tidak digalakkan meninggalkannya kerana disebabkan beberapa keadaan yang tertentu seperti baunya yang kurang menyenangkan,<sup>175</sup> makanan atau diet yang disarankan supaya tidak dimakan atau oleh umat Islam. Makanan makruh tidak menyamai hukum berdosa seperti memakan makanan haram.

---

<sup>175</sup> Mohamed bin Jusoh (1986), *Prinsip Utama Makanan dan Minuman Dalam Islam*, Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri, h. 55-56.

Di antara makanan yang dikategorikan sebagai makruh ialah bawang putih, petai, jering, belacan dan sebagainya.<sup>176</sup> Ini adalah kerana benda-benda yang makruh seperti yang disebutkan di atas pada kebiasaanannya mempunyai bau yang kurang menyenangkan. Sabda Rasulullah SAW:

مَنْ أَكَلَ مِنْ هَذِهِ قَالَ أَوَّلَ مَرَّةِ الثُّومَ ثُمَّ قَالَ الثُّومُ وَالبَصَلِ وَالْكُرَاثِ فَلَا يَقْرَبُنَا فِي

مَسْجِدِنَا

*“Sesiapa yang memakan bawang merah, bawang putih dan kucai janganlah hampiri masjid.”<sup>177</sup>*

Akan tetapi dalam keadaan tertentu tidak menjadi kesalahan sekiranya seseorang itu memakan benda-benda tersebut untuk tujuan kesihatan atau ia dapat mengawal keadaan, dalam situasi ini syarak memberikan kebenaran khusus untuk orang yang berkenaan sahaja.<sup>178</sup>

#### **2.6.4. Makanan Yang Tidak Dikategorikan Sebagai Halal Atau Haram**

Pada dasarnya, setiap jenis makanan yang tidak disebutkan oleh syarak atau nas boleh dimakan, sama ada binatang, tumbuh-tumbuhan atau benda-benda lainnya. Ini sejajar dengan firman Allah SWT:

---

<sup>176</sup>Asmak Haji Ali (2001), *op.cit.*, h. 3.

<sup>177</sup>Muhammad bin Isa bin Surat al-Tirmidhi (t.t), *op.cit.*, no. hadis: 1806, jil. 12, h. 418.

<sup>178</sup>Mohd Hapiz bin Mahaiyadin (2009), *op.cit.*, h. 94. lihat juga Che Wan Jasimah Wan Mohamed Radzi (2000), *op.cit.*, h. 25-26.

هُوَ الَّذِي خَلَقَ لَكُمْ مَا فِي الْأَرْضِ جَمِيعًا ثُمَّ اسْتَوَى إِلَى السَّمَاءِ فَسَوَّاهُنَّ سَبْعَ سَمَوَاتٍ وَهُوَ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمٌ

“Dia-lah Allah, yang menjadikan segala yang ada di bumi untuk kamu dan Dia berkehendak (menciptakan) langit, lalu dijadikan-Nya tujuh langit dan Dia Maha Mengetahui segala sesuatu.”

Surah al-Baqarah (2): 29

Allah SWT telah menegaskan bahawa Dia telah memudahkan apa yang ada di bumi dan di langit untuk manusia serta menyempurnakan segala nikmatnya kepada manusia, samada yang jelas ataupun yang tersembunyi. Untuk menentukan kedudukan hukum makanan yang tidak terdapat dalam nas, maka seseorang itu perlu merujuk kepada tujuan syariat Islam iaitu kaedah *jalb al-masalih* (mengambil maslahat) dan *daf al-mafasid* (menolak mudarat atau bahaya). Seterusnya, jika sesuatu makanan itu ternyata boleh mendatang membahayakan kesihatan, maka makanan tersebut haram dimakan. Maka dalam hal ini, perlulah diperhatikan prinsip *la darar wa la dirar* iaitu tidak boleh membahayakan diri sendiri dan orang lain.<sup>179</sup>

Apabila timbul keraguan terhadap kehalalan sesuatu makanan, maka wajiblah dihindari, kerana hal tersebut termasuk dalam perkara yang syubhat. Sebaliknya sesiapa yang mengerjakannya, maka dia hampir jatuh ke dalam yang haram.<sup>180</sup> Ini mengisyaratkan supaya umat Islam sentiasa bersikap berhati-hati terhadap sesuatu

<sup>179</sup>Ibn Majah, ‘Abd Allah Muhammad bin Yazid al-Qazwini (t.t), *Sunan Ibn Majah*, kitab al-Ahkam, Bab man Bana Fi Haqqihi ma yadurru bijarihi, no. hadis: 2340, Riyad: Maktabah al-Ma’arif Li al-Nasyir Wa al-Tauzi’, h. 400.

<sup>180</sup>Imam Muslim (2002), *op.cit.*, kitab al-musaqat, bab akhzi al-halal wa tarki al-syubhat, no. hadis: 1599, h. 671.

perkara yang hukumnya masih tidak jelas atau kesamaran. Namun yang demikian, seseorang Muslim tidak diwajibkan untuk menyelidik terhadap sesuatu yang tidak dilihat secara nyata seperti menanyakan penyembelihan sesuatu makanan yang halal, apakah ia mengikut kaedah syarak atau sebaliknya selagimana makanan tersebut diyakini kehalalannya, maka dalam situasi begini makanan tersebut halal dimakan.

Justeru, sesuatu makanan yang tidak dijelaskan, samada dalam al-Quran atau dalam hadis adalah halal selagimana ia tidak bertentangan dengan prinsip-prinsip halal dan haram dalam Islam. Sekiranya terdapat jenis makanan yang meragukan, disebabkan ketiadaan nas yang jelas tentang halal haramnya,<sup>181</sup> maka Islam memberikan ruangan terhadap penganutnya untuk menggunakan akal mereka dengan melakukan ijihad, di mana dalam hal ini sekiranya sesuatu ijihad itu betul maka akan memperoleh dua pahala dan sebaliknya sekiranya ijihad itu salah maka akan mendapat satu pahala sebagai balasan kerana bersusah payah menggunakan akal untuk mendapatkan hukum.

Berdasarkan kepada perbincangan di atas, dapatlah di simpulkan bahawa terpulanglah kepada setiap individu Muslim untuk memilih kategori makanan kerana garis panduan pemilihannya telah diperjelaskan oleh Rasulullah SAW sebagaimana sabdanya:

إِنَّ اللَّهَ طَيِّبٌ لَا يَقْبُلُ إِلَّا طَيِّبًا

---

<sup>181</sup> Seperti proses pengubahsuaian genetik makanan, penggunaan aditif pada makanan, perkembangan ingredien makanan dan sebagainya dan fenomena ini merupakan satu cabaran bagi para *fuqaha* dalam menentukan status makanan tersebut sama ada halal, haram atau syubhah.

*“Sesungguhnya Allah SWT itu baik dan menerima hanya perkara-perkara yang baik.”*

(Riwayat al-Bukhari dan Muslim)<sup>182</sup>

## 2.7. KONSEP HALALAN TAYYIBAN DALAM MAKANAN

*Halalan tayyiban* adalah merupakan konsep yang telah diperkenalkan oleh Islam dalam menentukan kualiti makanan dan konsep ini tidak terdapat dalam mana-mana ajaran agama lain di dunia. Dalam konteks ini, konsep *halalan tayyiban* saling berangkaian dengan konsep makanan dan pemakanan, konsep kebersihan dan kesihatan, ketiga-tiga aspek berkenaan saling lengkap melengkapi antara satu sama lain. Perkataan *tayyiban* bermakna baik dan ini juga bererti makanan itu mestilah halal dan baik untuk dimakan dan diperolehi daripada sumber yang asli dan halal.<sup>183</sup> Baik bila merujuk kepada makanan ialah makanan yang lengkap iaitu seimbang yang mengandungi protein, karbohidrat, vitamin, bahan galian, lemak, air dan fiber<sup>184</sup> atau makanan yang bermutu jika ia memenuhi kriteria seimbang.<sup>185</sup> Sekiranya berlaku pengabaian atau penolakan terhadap salah satu daripada aspek-aspek tersebut akan mengakibatkan berlakunya kemudaratan terhadap kesihatan dan tubuh badan. Manakala jika dilihat dari sudut fiqh ia merupakan satu perbuatan yang menzalimi diri sendiri.

---

<sup>182</sup>Al-Muslim, (2001) *op.cit.*, kitab al-Zakat, Bab Qabul al-Sadaqah min al-Kasbi al-Taiyibi wa Tarbiyyatiha, no. hadis: 1050, h. 393.

<sup>183</sup>Panduan Persatuan Pulau Pinang (2006), *op.cit.*, h. 15.

<sup>184</sup>Asmak Haji Ali (2001), *op.cit.*, h. 8. Buah tamar ialah lambang makanan seimbang pada zaman Rasulullah SAW kerana ia mengandungi semua khasiat yang diperlukan. Menurut kajian, 100gm buah tamar mengandungi lebih kurang 60-70% karbohidrat, 15.3% air, 2.5% protein, 0.4% lemak, 2.1% zat-zat logam dan 3.9% serat, kandungan serat yang tinggi dan lemak yang rendah di dalam buah tamar amat berkhasiat bagi manusia, lihat Danial Zainal Abidin (2003), *op.cit.*, h. 28.

<sup>185</sup>Norkumala binti Awang (2007): “Gaya Pemakanan Mempengaruhi Kesihatan Masyarakat” Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM): Mac 5, h. 1.

Oleh sebab itu, dalam pemilihan dan menikmati makanan, Islam telah menggariskan beberapa prinsip yang perlu dipatuhi antaranya, sentiasa memastikan makanan tersebut bukan makanan yang ditegah oleh syarak, mengenal pasti cara memperoleh makanan sama ada ianya di peroleh secara halal atau haram, menitik beratkan cara penyediaan dan pemprosesan makanan dan seterusnya memastikan agar makanan atau bahan yang ditambah pada makanan tidak mendatangkan kemudaratian terhadap tubuh badan dan akal fikiran.

Kitab suci al-Quran sering menyeru dan menegaskan supaya setiap individu Muslim mengenalpasti sumber-sumber makanan dengan hanya memilih makanan yang halal lagi baik dalam memenuhi keperluan harian. Sifat halal dan haram adalah merupakan hukum yang bersifat *qati* sedangkan baik (*tayyib*) dan kotor (*kabisah*) adalah hukum yang bersifat *zanni*.<sup>186</sup> Dua faktor utama yang sering digandingkan dalam al-Quran berhubung dengan amalan makanan dan pemakanan ialah boleh (halal) dan baik (*tayyib*). Terdapat empat ayat al-Quran yang menggabungkan dua sifat tersebut.<sup>187</sup> Sepertimana Firman Allah SWT:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ كُلُوا مِمَّا فِي الْأَرْضِ حَلَالًا طَيِّبًا وَلَا تَتَّبِعُوا حُطُوطَ الشَّيْطَانِ إِنَّهُ لَكُمْ عَذُولٌ مُّبِينٌ

*“Hai sekalian manusia, makanlah yang halal lagi baik<sup>188</sup> dari apa yang terdapat di bumi, dan janganlah kamu mengikuti langkah-langkah*

<sup>186</sup> Abdul Azis Dahlan,*et al*, (1999), *op.cit.*, h. 1071.

<sup>187</sup> *Ibid.*

<sup>188</sup> Dalam ayat 168 surah al-Baqarah perkataan *tayyiban* adalah bermaksud yang baik tidak memudaratkan badan dan fikiran apabila memakannya. Lihat Muhammad Jamal al-Din al-Qasimi (1994), *Tafsir al-Qasimi al-Musamma Mahasini al-Ta'wil*, Beirut: Dar Ihya' al-Turas al-'Arabi, jil.1, h. 27. Wan Musa Wan Ibrahim (2003/2004), *op.cit.*, h. 13, *tayyiban* adalah bermaksud yang baik tidak memudaratkan badan dan fikiran apabila memakannya.

*syaitan; karena sesungguhnya syaitan itu adalah musuh yang nyata bagimu.”*

Surah al-Baqarah (2):168

FirmanNya lagi:

وَكُلُوا مِمَّا رَزَقْنَاكُمُ اللَّهُ حَلَالًا طَيِّبًا وَاتَّقُوا اللَّهَ الَّذِي أَنْتُمْ بِهِ مُؤْمِنُونَ

*“Dan makanlah dari rezeki yang telah diberikan Allah kepada kamu, iaitu yang halal lagi baik, dan bertakwalah kepada Allah yang kepadaNya sahaja kamu beriman.”*

Surah al-Ma’idah (5): 88

Seterusnya Allah SWT berfirman:

فَكُلُوا مِمَّا غَنِمْتُمْ حَلَالًا طَيِّبًا وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ غَفُورٌ رَّحِيمٌ

*“Maka makanlah dari apa yang kamu telah dapat (dalam peperangan) itu, sebagai benda yang halal lagi baik, serta bertakwalah kepada Allah; sesungguhnya Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.”*

Surah al-Anfal (8): 69

Dan melalui FirmanNya:

فَكُلُوا مِمَّا رَزَقْنَاكُمُ اللَّهُ حَلَالًا طَيِّبًا وَاشْكُرُوا نِعْمَةَ اللَّهِ إِنْ كُنْتُمْ إِيمَانًا تَعْبُدُونَ

*“Oleh itu, makanlah (wahai orang-orang yang beriman) dari apa yang telah dikurniakan Allah kepada kamu dari benda-benda yang halal lagi baik, dan bersyukurlah akan nikmat Allah, jika benar kamu hanya menyambahNya semata-mata.”*

Surah al-Nahl (16): 114

Kesemua ayat-ayat di atas menyatakan bahawa mengambil makanan yang halal Plagi baik adalah merupakan salah satu daripada kewajipan dalam agama Islam. Ini kerana Allah SWT hanya akan menerima perkara yang baik-baik sahaja. Ini bertepatan dengan hadis Rasulullah SAW:

إِنَّ اللَّهَ طَيِّبٌ لَا يَقْبَلُ إِلَّا طَيِّبًا وَإِنَّ اللَّهَ أَمَرَ الْمُؤْمِنِينَ بِمَا أَمَرَهُ اللُّرْسَلُونَ فَقَالَ : يَا أَيُّهَا الرُّسُلُ كُلُّوْمِنَ الطَّيِّبَاتِ وَاعْمَلُوا اصْحَاحًا إِنِّي بِمَا تَعْمَلُونَ عَلِيمٌ وَقَالَ : يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا كُلُّوا مِنْ طَيِّبَاتِ مَا رَزَقْنَاكُمْ : ثُمَّ ذَكَرَ الرَّجُلَ يُطِيلُ السَّفَرًا شَعْثَ أَغْبَرَ يَمْدُدُ يَدَيْهِ إِلَى السَّمَاءِ يَارَبِّ يَارَبِّ وَمَطْعُمُهُ حَرَامٌ وَمَشْرِبُهُ حَرَامٌ وَمَلْبُسُهُ حَرَامٌ وَغُذِيَ بِالْحَرَامِ فَأَنَّى يُسْتَحَابُ لِذَلِكَ

“Sesungguhnya Allah SWT itu baik, tidak menerima melainkan yang baik, dan sesungguhnya Allah SWT memerintah yang baik dan sesungguhnya Allah SWT memerintahkan orang-orang yang beriman dengan apa yang diperintahkan kepada sekalian rasul. Maka Allah SWT berfirman: Maksudnya: “Wahai sekalian rasul! Makanlah daripada yang baik-baik dan beramallah akan yang baik”.<sup>189</sup> Dan firman Allah SWT: Maksudnya: “Wahai sekalian orang yang beriman! Makanlah daripada segala yang baik-baik, yang telah kami rezekikan kepada kamu”.<sup>190</sup> Kemudian Baginda menceritakan perihal seseorang lelaki yang jauh perjalanan, yang kusut rambutnya lagi berdebu mukanya telah menadahkan kedua tangannya ke langit (berdoa): Ya Tuhanku! Ya Tuhanku! Padahal makannya haram, minumnya haram, pakaiannya haram dan (mulutnya) disuapkan dengan yang haram, maka bagaimakah akan diperkenankan baginya.”<sup>191</sup>

(Riwayat Muslim, Ahmad dan al-Tirmidzi daripada Abu Hurairah r.a.)<sup>192</sup>

Hadis tersebut turut menjelaskan bahawa Islam amat mementingkan perkara yang ‘tayyib’ (baik) dalam setiap aspek kehidupan penganutnya terutamanya dalam pemilihan makanan. Justeru, setiap individu Muslim perlu menitik beratkan perkara

<sup>189</sup>Surah al-Mu'minun (23): 51.

<sup>190</sup>Surah al-Baqarah (2): 172.

<sup>191</sup>Al-Nawawi (1999), *op.cit*, Kitab al-zakat, c. 5, Beirut: Dar al-Khair, h. 83.

<sup>192</sup>Al-Sabuni (1999), *Zawa'l' al-Bayan Tafsir Ayat al-Ahkam Min al-Quran*, c. 1. Qaherah: Dar al-Sabuni, jil. 1, h. 112.

yang ‘*tayyib*’ dalam pemilihan makanan dan menjadikannya sebagai budaya dalam kehidupan. Ini adalah kerana setiap bahan, sumber, dan makanan yang haram akan menyebabkan doa serta ibadat seseorang itu tertolak. Seterusnya berpengaruh dalam membentuk keperibadian dan karakter seseorang. Orang yang suka memakan makanan yang kotor biasanya bertabiat kasar, keras dan sukar menerima kebenaran.<sup>193</sup> Seterusnya, dalam mentafsirkan perkataan ‘*tayyiban*’, Muhammad Quraish Shihab, seorang ahli tafsir dari Indonesia menjelaskan bahawa makanan yang *tayyib* adalah yang baik dan bergizi. Makanan yang baik juga dilihat dari segi kesihatan, rasa dan cara menyediakannya.<sup>194</sup> Atau dengan lain perkataan, yang dimaksudkan dengan kalimat *al-tayyibat* (yang baik-baik) adalah apa-apa yang indah dan samada dalam makanan, minuman, pakaian, apa-apa yang boleh dicium, dilihat dan didengar.

Al-Alusi<sup>195</sup> yang mengambil pandangan Imam Malik, mengatakan bahawa *al-tayyib* adalah makanan yang menurut syarak atau secara zatnya suci dari yang syubhah.<sup>196</sup> Manakala Ahmad Mustafa al-Maraghy pula telah mendefinisikan *al-tayyibat* sebagai satu perkara yang dinikmati oleh diri dan didorongi oleh hati.<sup>197</sup> Bagi Al-Sabuni pula berpendapat, bahawa semua yang dihalalkan oleh Allah SWT adalah yang baik, manakala perkara yang diharamkan adalah tidak baik.<sup>198</sup> Imam al-Qurtubi dalam kitab tafsirnya tidak menjelaskan maksud sebenar perkataan ‘*al-tayyibat*’ tetapi beliau hanya menghuraikan perkataan ‘*al-akl*’ (makanan) iaitu makanan yang memberi manfaat

---

<sup>193</sup> Abdul Azis Dahlan, *et al.*, (1999), *op.cit.*, h. 1071. Lihat Ahmad Zaki Haji Ibrahim (1996): “Proses Pemakanan Islam Harus Mengikut Syariah” Mastika, Mac 1996, h. 39-41.

<sup>194</sup> Abdul Azis Dahlan, *et al.*, (1999), *op.cit.*, h. 1071.

<sup>195</sup> Al-Alusi, Mahmud al-Alusi al-Baghdadi (1367H), beliau adalah merupakan seorang ahli tafsir.

<sup>196</sup> Seperti dipetik dari Abdul Azis Dahlan, *et al.* (1999), *op.cit.*, h. 1071.

<sup>197</sup> Mustafa al-Maraghiy (t.t), *Tafsir al-Maraghiy*, Beirut: Dar al-Ma’rifah, h. 1671.

<sup>198</sup> Al-Sabuni (1999), *op.cit.*, h. 112.

<sup>198</sup> *Ibid.*

daripada pelbagai aspek.<sup>199</sup> Walaupun begitu maksud ‘al-akl’ yang diberikan oleh beliau mempunyai sedikit persamaan dengan maksud ‘al-tayyib’.<sup>200</sup>

Menurut Wahbah al-Zuhayli beliau menyatakan bahawa yang dimaksudkan dengan ‘halalan tayyiban’ pada makanan ialah makanan yang tidak mempunyai unsur-unsur syubhat padanya serta tidak berdosa jika mengambilnya. Tidak mengambil hak orang lain dengan secara batil walau dalam apa keadaan sekalipun (mengambil tanpa kebenaran).<sup>201</sup> Jelasnya, pendapat beliau ini bukan sahaja menumpukan kepada alemen zat benda itu sahaja tetapi turut mengambil kira alemen asas sumber terhasilnya makanan.

Manakala Fakhr al-Razi dalam mentafsirkan perkataan ‘halal’ dan ‘tayyib’, telah menjelaskan bahawa perkataan ‘al-tayyib’ menurut bahasa bermaksud bersih dan halal disifatkannya baik. Manakala perkataan ‘al-tayyib’ pula merujuk kepada apa yang melazatkan dan bersesuaian.<sup>202</sup> Imam al-Ghazali pula menyatakan bahawa secara umumnya setiap yang halal itu semuanya baik, akan tetapi bentuk kebaikannya mempunyai tahap perbezaan antara satu dengan yang lain iaitu antara yang baik dan yang lebih baik.<sup>203</sup> Ibn Kathir<sup>204</sup> dan al-Sabuni<sup>205</sup> menyatakan ‘halalan tayyiban’ ialah ‘halal’ merujuk kepada apa yang telah dihalalkan oleh Allah SWT. Manakala ‘tayyiban’ pula ialah sesuatu yang dihalalkan. Seterusnya sesuatu yang dihalalkan itu pula

<sup>199</sup> Al-Qurtubi (t.t), *al-Jami' li Ahkam al-Quran al-Karim Tafsir al-Qurtubi*, Qaherah: Dar al-Qalam li al-Turath, jil.1, h. 700.

<sup>200</sup> Luqman Abdullah et al. (2006), “Konsep Halalan Tayyiba Dalam Makanan dan Implikasinya Terhadap Kesempurnaan Ibadah” (Kertas Seminar Kebangsaan Produk Halal Makanan dan Barang Gunaan Islam 13-14 Julai 2006), h. 6.

<sup>201</sup> Wahbah al-Zuhayli (1991), *op.cit.*, h. 73.

<sup>202</sup> Al-Razi (1995), *Tafsir al-Fakhr al-Razi*, Beirut: Dar al-Fikr, jil. 3, h. 4.

<sup>203</sup> Al-Ghazali (1998), *op.cit.*, h. 122.

<sup>204</sup> Ibn Kathir (1998), *Tafsir Ibn Kathir*, Mesir: Dar al-Kalimah, jil.1, h. 280.

<sup>205</sup> Al-Sabuni (1997), *Safwah al-Tafasir*, Qaherah: Dar al-Sabuni, Jil.1, h. 101.

haruslah bersesuaian dengan keadaan individu-individu tertentu supaya makanan yang diambil tidak mendatangkan kemudaran pada tubuh badan dan akalnya. Melalui penafsiran ini, soal halal, kesesuaian dan keselamatan diri pengguna adalah antara tiga ciri-ciri penting untuk mementukan status '*halalan tayyiban*'.<sup>206</sup>

Di samping itu, turut juga dimuatkan juga beberapa pandangan daripada informan yang diperolehi melalui sesi temubual antaranya:

Menurut Abdul Ghani Shamsuddin, halal adalah sesuatu yang baik dan dibenarkan oleh syarak dan seharusnya bersesuaian dengan seseorang, umpamanya bagi orang yang berpenyakit setiap makanan yang boleh memudaraskan atau menambah kemudaran pada dirinya adalah haram untuk dirinya. Menurut beliau lagi, halal hendaklah dikaitkan dengan matlamat hidup dan matlamat makan itu sendiri,<sup>207</sup> oleh yang demikian, makanan halal itu mestilah ke arah ketaqwaan,<sup>208</sup> ke arah kesyukuran,<sup>209</sup> dan ke arah kebaikan. Seterusnya halal juga bermaksud jangan mengikut jejak langkah syaitan<sup>210</sup> dengan memakan makanan yang tidak halal, makanan yang buruk, busuk dan makan bukan kerana kebaikan tetapi kerana hendak menganaiya orang lain atau melakukan kerosakan di muka bumi.<sup>211</sup> *Tayyiban* pula apabila merujuk kepada pemakanan ianya merangkumi motivasi atau motif sesuatu pemakanan itu dan juga benda atau perkara yang dimakan dan kaedah-kaedah makan itu sendiri seperti

---

<sup>206</sup>Menurut Lokman Ab. Rahman beliau membahagikan isu halal dan baik kepada tiga bahagian iaitu,ciri-ciri *tayyiba* dan pengaruhnya, h. 23-31, halal dan *tayyiba* dalam pemakanan, h. 31-44, aplikasi konsep halal dan *tayyiba*, h. 44-56 dan analisa aplikasi halal dan *tayyiba*, h. 56-59, lihat Lokman Ab. Rahman (2009), *Isu Halal Tiada Penghujung*, Melaka: Alambaca Sdn Bhd & PKPU, JAKIM.

<sup>207</sup>Surah al-Baqarah (2): 168.

<sup>208</sup>Surah al-Anfal (8): 69.

<sup>209</sup>Surah al-Baqarah (2): 172, Surah Saba' (34): 15.

<sup>210</sup>Surah al-An'am (6): 142.

<sup>211</sup>Surah al-Baqarah (2): 60.

penyembelihan dan cara penyembelihan yang betul dan dengan menyebut nama Allah.<sup>212</sup> Seterusnya Islam menganjurkan kepada penganutnya makan dengan cara yang sihat dan tidak melampaui batas. Di samping mengelakkan diri daripada perbuatan pembaziran dan penganiayaan sama ada terhadap diri sendiri mahupun orang lain.<sup>213</sup> Selain itu, kalimah *tayyiban* bukan hanya merujuk kepada makanan yang baik sahaja, tetapi harus melihat kepada kesan terhadap pengambilan makanan tersebut dapat menghasilkan fikiran yang baik dan badan yang sihat, agar dapat menjadi hamba Allah yang taat, bertakwa dan menjadi orang yang memiliki serba kebaikan dalam pemikiran, seterusnya menjadi individu yang memiliki pemikiran dan hasil kerja yang baik bagi menyempurnakan tugas dan tanggung jawab sebagai khalifah muka dunia.<sup>214</sup>

Menurut Luqman bin Hj.Abdullah, halal adalah perkara yang wajib dijaga dan diutamakan dalam hal-hal yang berkaitan dengan pemakanan. Seterusnya perlu mengenalpasti adakah makanan yang diambil itu sesuai pada tubuh manusia atau sebaliknya. Perlu difahami bahawa halal adalah merujuk kepada hukum fikah seperti tidak bernajis manakala *tayyiban* merujuk kepada kesan kemudaratan terhadap pengguna hasil dari pengambilan makanan tertentu. Menurut beliau ini adalah merupakan konsep umum '*halalan tayyiban*'. Hal ini berikutan halal dari sudut zat makanan belum tentu menjamin kehalalannya.

Manakala kalimah *tayyiban* menjurus kepada kaedah pengendalian secara teknikal, pengaplikasian dan pengurusan yang berkaitan makanan yang dihalalkan. Jika

---

<sup>212</sup>Surah al-An'am (6): 118.

<sup>213</sup>Surah Taha (20): 81.

<sup>214</sup>Abdul Ghani Shamsuddin bin Shamsuddin, Ulama dan Penggerusi Sekretariat Himpunan Ulama Rantau Asia (SHURA). Temu bual pada 09 Februari 2009.

unsur-unsur *tayyiban* diabaikan dalam penyediaan makanan ia boleh menjadaikan sesuatu makanan itu haram. Seterusnya, sesuatu makanan boleh dianggap sebagai ‘*halalan tayyiban*’ apabila kaedah pengendalian, pengaplikasian dan pengurusan makanan menepati kaedah-kaedah yang telah ditetapkan oleh syarak. Konsep ini perlulah dipatuhi bagi menjamin ke arah kesempurnaan ibadat kepada Allah SWT.<sup>215</sup>

Menurut Maamor bin Osman, halal mestilah berteraskan kepada setiap yang dibolehkan oleh Allah SWT dengan mengambil kira bagaimana bahan diperolehi, bagaimana ianya diproses dan bagaimana bahan digunakan dan seterusnya ianya berkait rapat dengan beriman kepada Allah SWT<sup>216</sup> dan seterusnya ia juga mempengaruhi perkembangan dan pertumbuhan fizikal, emosi dan spiritual seseorang. Menurut beliau lagi, bagi orang yang berpenyakit dan dinasihatkan oleh doktor sekiranya dengan memakan nasi itu akan menyebabkan peningkatan kandungan glukos dalam darah dan tidak baik bagi orang yang mengidap kencing manis atau orang yang mengidap gout (*gout*) yang tidak boleh mengambil makanan laut maka, pengambilan makanan yang tersebut walaupun halal tetapi tidak baik buatnya.<sup>217</sup>

Manakala *tayyib* bila dikhurus pada makanan terutamanaya pada zaman moden ini, haruslah merangkumi keselamatan pada makanan (*food safety*), Kebersihan pada makanan (*food hygiene*), kandungan dalam makanan (*food content*), seperti kandungan mineral dan vitamin. Sekiranya makanan itu diproses di kilang, ia mestilah mencapai tahap piawaian yang tertinggi (*Highest quality standard*), melalui kajian (*research*)

---

<sup>215</sup>Luqman Abdullah *et.al.* (2006), *op. cit.*, h. 1-16.

<sup>216</sup>Surah al-Baqarah (2): 172, Surah al- Ma‘idah (4): 98, dan Surah al-Nahl (16): 94.

<sup>217</sup>Maamor bin Osman, Doktor Perubatan dan Setiausaha Agung Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM). Temu bual pada 13 Januari 2009.

yang telah dibuat dan kesan-kesan sampingan akibat daripada pengambilan produk makanan berkenaan. Selain itu dalam pemilihan makanan pengguna perlu melihat keselamatan nasional (*national security*) bahan tersebut seperti barang yang dihasilkan oleh musuh-musuh Islam seperti Zionis Yahudi atau Amerika. Akhirnya kita membangunkan ekonomi mereka dan membunuh kreativiti kita untuk menghasilkan keperluan kita sendiri.<sup>218</sup>

Menurut Johari<sup>219</sup> halal adalah hal-hal yang boleh dan dapat dilakukan kerana bebas atau tidak terikat dengan ketentuan-ketentuan yang melarangnya. Manakala *tayyiban* bererti lazat, sihat dan mententeramkan. Dalam konteks makanan perkataan *tayyiban* bererti makanan yang tidak kotor dari segi zatnya atau rosak (tamat tempoh) atau bercampur dengan najis dan terdapat juga pandangan yang mengatakan sebagai makanan yang mengundang selera bagi yang melihatnya dan tidak membahayakan kesihatan fizikal dan mental. Selanjutnya konsep pemakanan yang bukan sahaja halal iaitu boleh dimakan dan diguna tetapi ia mestilah bersih dan suci. '*Halalan tayyiban*' dalam pemakanan bermula daripada asas sumber terhasilnya makanan, kaedah penyediaan, pembungkusan, termasuk peralatan masakan dan juga penyimpanan. Apabila semua peringkat penghasilan makanan itu bebas daripada elemen-elemen haram dan syubhah, maka jadilah ia halal yang bersih dan suci serta selamat digunakan.<sup>220</sup> Manakala menurut Khalif Muammar A. Haris, '*halalan tayyiban*' dalam pemakanan selain dari apa yang telah ditentukan oleh syarak, makanan itu mestilah

---

<sup>218</sup>*Ibid.*

<sup>219</sup>Johari M Ag. Fakulti Psikologi UIN-SUSKA Riau, Pekan Baru Indonesia, jawapan bertulis pada 17 Mac 2009.

<sup>220</sup>Mohd Hapiz bin Mahaiyadin, Pensyarah Pusat pemikiran dan Kefahaman Islam (CITU), Universiti Teknologi MARA, Pulau Pinang, Jawapan bertulis pada 11 Mac 2009.

segar<sup>221</sup> tidak disimpan terlalu lama sehingga menghilangkan zat-zat yang berguna pada manusia ataupun disimpan terlalu lama sehingga menjadi mudarat kepada manusia. Pengambilan makanan itu juga tidak berlebihan dari kadar yang patut atau layak untuk seseorang itu mengambilnya bergantung kepada nasihat daripada doktor atau pakar-pakar pemakanan.<sup>222</sup>

### **2.7.1. KEPENTINGAN HALALAN TAYYIBAN**

Secara konseptualnya Allah SWT mencintai dan mengasihi makhlukNya, sehubungan dengan itu konsep '*halalan tayyiban*' adalah merupakan di antara beberapa garis panduan yang diberikan oleh Allah SWT untuk kepentingan dan keselamatan hambaNya. Justeru, dalam soal pemakanan, Islam sentiasa menyarankan penganutnya supaya mengutamakan pengambilan makanan yang halal lagi baik (*halalan tayyiban*) untuk menjaga kerana di dalamnya terdapat beberapa hikmah disebalik saranan tersebut antaranya:

- a) Islam sangat mementingkan '*halalan tayyiban*' dalam pengambilan makanan kerana '*halalan tayyiban*' sangat berkait erat dengan masalah iman dan taqwa.<sup>223</sup> *Halalan tayyiban* bukan sahaja untuk kesihatan dan kebaikan manusia tetapi juga apabila seseorang itu melaksanakan konsep ini dalam kehidupan seharian, maka makanan itu akan memberi berkat. Akibatnya

---

<sup>221</sup>Menurut Asmak Haji Ali (2001), *op.cit.*, h. 9, Makanan yang segar ialah makanan yang belum lagi melalui proses pengawetan atau pembekuan, zat-zat tertentu dalam sesuatu makanan akan berkurangan dan berkemungkinan terus hilang apabila diproses dengan cara-cara tertentu atau disimpan terlalu lama.

<sup>222</sup>Khalif Muammar A. Haris, Pensyarah dan Penyelidik, Jabatan Pemikiran Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia. Temu bual pada 13 Januari 2009.

<sup>223</sup>Surah al-Ma''idah (5): 88 yang bermaksud “Dan makanlah dari rezeki yang telah diberikan Allah kepada kamu, iaitu yang halal lagi baik, dan bertakwalah kepada Allah yang kepadaNya sahaja kamu beriman.”

kehidupan akan memperoleh keberkatan. Sebagai seorang Muslim apabila makanan itu tidak berkat maka makanan tersebut akan menjadi sumber bencana kepada dirinya iaitu menjadi sumber penyakit. Jika makanan diambil dalam kuantiti yang sederhana tetapi berkat ianya sudah mencukupi untuk seseorang itu menjalani kehidupan dengan baik.

b) Kepentingan halal lagi baik juga untuk menjamin supaya dari segi fizikal, emosi dan spiritual terus cemerlang. Ini adalah kerana antara tujuan pengambilan makanan itu adalah untuk memastikan bahawa kesempurnaan kejadian terus dipertahankan untuk akhirnya membolehkan kita beribadat kepada Allah SWT. Menurut Luqman bin Abdullah, Islam bukan sahaja menjaga soal halal haram semata-mata tetapi turut menitik beratkan soal-soal yang berkaitan dengan kebaikan dan keselamatan penganutnya. Makanan yang halal tetapi jika mendatangkan kemudaratan dalam semua aspek kehidupan maka ia perlu dijauhi, cuma tahap penentuan hukum kemudaratan yang sejauh mana boleh membawa kepada hukum haram atau makruh.<sup>224</sup>

Sehubungan dengan itu, kefahaman serta maklumat yang jelas dan betul serta bersifat kontemporari terhadap status makanan yang dikatakan baik, ini dapat membantu pengguna untuk memilih makanan yang bukan sahaja halal tetapi baik menurut sains pemakanan serta menurut ajaran Islam. Sesuatu makanan itu dikategorikan sebagai baik apabila iannya terus dimasak atau makanan yang disimpan dalam masa 3 hingga 4 hari, ini adalah kerana dalam tempoh tersebut kesegaran

---

<sup>224</sup>Luqman bin Abdullah, Pensyarah Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam (API) Universiti Malaya. Pengetua Pondok Lubuk Tapah, Pasir Mas Kelantan. Temu bual pada 11 Mac 2009.

makanan itu masih dapat dikekalkan. Manakala sesuatu makanan itu dikira kurang baik apabila disimpan melebihi daripada satu minggu, begitu juga dengan makanan yang telah disimpan lalu dikeluarkan dan kemudiannya disimpan semula atau ikan atau ayam yang telah dimasak dan dimasak semula (dipanaskan) kecuali jika menggunakan ketuhar. Seterusnya jika makanan itu digoreng kembali, maka ia akan menambahkan lagi kandungan kalorinya.<sup>225</sup>

Oleh yang demikian, apabila kita memahami dengan jelas konsep '*halalan tayyiban*' yang sebenar dan dalam sudut yang lebih luas, akan dapat melahirkan insan yang cemerlang dari sudut fizikal, emosi dan spiritualnya. Sebagai contoh, jika dia seorang pekerja dia akan menjadi pekerja yang cemerlang dan tidak curi tulang kerana perbuatan curi tulang akan menyebabkan makanan yang diperolehi boleh menjadikannya syubhah dan seterusnya supaya kita tahu apa yang kita makan.<sup>226</sup>

Berdasarkan kepada perbincangan di atas, maka dapat dirumuskan bahawa '*halalan tayyiban*' adalah merupakan dua unsur penting yang perlu dititikberatkan oleh setiap individu Muslim dalam soal pemakanan. Kepentingan pengambilan makanan halal lagi baik ini adalah bertujuan untuk menjamin kesempurnaan kejadian manusia dari sudut fizikal, emosi dan spiritual bagi melahirkan insan yang bertakwa. Sesuatu makanan itu akan dikategorikan sebagai halal apabila ia telah memiliki ciri-ciri yang telah ditetapkan oleh hukum fiqh umpamanya, bermula daripada asas sumber terhasilnya makanan, kaedah penyediaan, pembungkusan termasuk peralatan masakan

---

<sup>225</sup>Dewiana Malisa Putri binti Hafron, Pegawai Dietetik, Hospital Universiti Kebangsaan Malaysia. Temu bual pada 17 Januari 2009.

<sup>226</sup>Maamor bin Osman, Doktor Perubatan dan Setiausaha Agung Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM). Temu bual pada 13 Januari 2009.

dan juga penyimpanan dan hidangan. Manakala baik (*tayyib*) pula bermaksud makanan yang tidak mendatangkan kemudaran terhadap kesihatan sama ada pada diri sendiri, orang lain atau masyarakat umumnya walaupun tahap kebaikan tersebut bergantung kepada status kesihatan tubuh badan pengguna itu sendiri.

Dalam konteks yang lebih luas *halalan tayyiban* bukan sahaja merujuk kepada hukum fiqh dan kesan terhadap pengambilan makanan tersebut sama ada mendatangkan kemudaran atau sebaliknya, akan tetapi haruslah juga dilihat dari sudut tuntutan pelaksanaan *siyasah syar'iyyah*. Oleh yang demikian, adalah menjadi tanggungjawab setiap individu Muslim agar sentiasa berhati-hati dalam soal pengambilan makanan dengan mengutamakan prinsip '*halalan tayyiban*'.

### **2.7.2. Islam Menggalakkan Makan dan Minum Secara Sederhana**

Agama Islam membenarkan seseorang itu makan dan minum tetapi tidak membenarkan makan dan minum secara berlebih-lebihan. Ini adalah merupakan prinsip yang menjadi panduan dalam menikmati makanan dan minuman yang mempunyai banyak hikmah dan rahsianya antara lain ialah untuk melatih manusia supaya mensyukuri nikmat Allah SWT, tidak membazir dan sentiasa beramal dengan sifat tawaduk, sebagaimana firman Allah SWT:

وَكُلُوا وَاشْرِبُوا لَا تُسْرِفُوا إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُ الْمُسْرِفِينَ

*“...dan makanlah serta minumlah, dan jangan pula kamu melampau-lampau; sesungguhnya Allah tidak suka akan orang-orang yang melampaui batas.”*

Surah al-A‘raf (7): 31

Antara intisari ayat di atas ialah, Allah SWT memberikan kebebasan kepada manusia untuk mengambil makanan dan minuman tetapi tidak boleh melampaui batas, kerana makan dan minum yang berlebih-lebihan boleh mendatangkan kemudaratannya kepada kesihatan. Allah SWT tidak menyukai orang yang melampaui batas kerana perbuatan tersebut adalah merupakan amalan syaitan. Seterusnya ayat di atas menegaskan bahawa perbuatan berlebih-lebihan sama ada terlalu boros atau kedekut dalam urusan makan dan minum adalah suatu perbuatan yang dibenci oleh Allah SWT. Menurut amalan Rasulullah SAW, baginda hanya makan apabila terasa lapar dan berhenti makan sebelum kenyang. Baginda juga menyeru umatnya supaya jangan terlalu mengikut nafsu atau selera dalam urusan makan dan minum kerana perbuatan tersebut dianggap sebagai salah satu daripada ciri-ciri orang yang bersifat sifat boros. Tujuan makan dan minum dalam Islam, bukanlah untuk memenuhi kehendak nafsu semata-mata tetapi adalah merupakan suatu ibadat kepada Allah SWT di samping menjalankan tugas-tugas serta tanggungjawab kepadaNya.

### **2.7.3. KESAN PENGAMBILAN MAKANAN HARAM<sup>227</sup>**

Pengambilan makanan dan minuman mempunyai pengaruh yang besar dalam kehidupan manusia. Pengambilan makanan sama ada halal atau haram akan memberi implikasi positif atau negatif terhadap pertumbuhan fizikal, emosi dan spiritual seseorang. Manusia diciptakan oleh Allah SWT melalui gabungan jasad dan ruh,

---

<sup>227</sup>Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) (2001), *op.cit.*, h. 21-22. Lihat Luqman bin Abdullah, *op.cit.*,(2009), h. 14-15. Menurut Rosie Haslinza bt. Zainal, beliau membahagikan kesan terhadap memakan makanan haram kepada tiga bahagian iaitu, kesan terhadap individu Muslim secara umum, h. 51-53, kesan terhadap akhlak, h. 54 dan kesan terhadap minda, kesihatan dan psikologi, h. 55-58, lihat Rosie Haslinza bt. Zainal, (2002), “Tanda halal Dalam Pemakanan: Satu Kajian Khusus Mengenai Sikap Umat Islam di-Kuala Lumpur”, (Latihan Ilmiah, Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, APIUM), 51-58.

pengambilan makanan akan memberi kesan secara langsung kepada kedua dua unsur tersebut. Oleh itu seseorang Muslim perlu memastikan bahawa dia hanya mengambil makanan yang halal untuk memastikan kesempurnaan kejadian agar sentiasa dalam keadaan baik dan akhirnya untuk beribadat kepada Allah SWT. Terdapat beberapa implikasi daripada pengambilan makanan dan minuman yang haram dalam kehidupan duniawi dan ukhrawi seseorang Muslim antaranya:

- a) Boleh mempengaruhi seseorang untuk melakukan maksiat atau kemungkaran,<sup>228</sup> sebagaimana firman Allah SWT:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِنَّمَا الْحَمْرُ وَالْمَيْسِرُ وَالْأَنْصَابُ وَالْأَزْلَامُ رِجْسٌ مِّنْ عَمَلِ  
الشَّيْطَانِ

*“Hai orang yang beriman, sesungguhnya arak, judi, berhala, dan tenung nasib adalah (perbuatan) yang keji dari perbuatan syaitan.”*

Surah al-Ma’idah (6): 90

Ayat di atas menjelaskan bahawa Allah SWT telah memberi petunjuk kepada orang-orang yang beriman supaya sentiasa berwaspada dalam memilih makanan dengan hanya mengambil makanan yang halal dalam kehidupan. Makanan yang halal amat mempengaruhi terhadap perkembangan jasmani dan rohani seseorang. Seterusnya Allah SWT melarang mengharamkan apa yang telah dihalalkan olehNya dan jangan mengambil makanan yang diharamkan kerana perbuatan tersebut boleh mendatangkan penyakit rohani dan jasmani

---

<sup>228</sup>Hanafi Mohammad (1998), *Penyakit Rohani dan Rawatan Dalam Islam*, c. 1. Selangor: Pustaka Hajji Abdul Majid, h. 186.

seseorang. Ini kerana perbuatan tersebut adalah merupakan amalan syaitan dan menurut jejak langkah syaitan yang sentiasa merayu dan berusaha untuk menyesatkan manusia daripada jalan yang lurus.

- b) Doa orang yang memakan makanan haram tidak diterima oleh Allah SWT, berdasarkan maksud sebahagian hadis dari Abu Hurairah bahawa Rasulullah SAW bersabda:

لِذِكْرِ الرَّجُلِ يُطْبَلُ السَّفَرًا شَعْثَ أَغْبَرَ يَمْدُدُ يَدَيْهِ إِلَى السَّمَاءِ يَأْرِبُ يَأْرِبُ  
وَمَطْعُمُهُ حَرَامٌ وَمَشْرُبُهُ حَرَامٌ وَمَلْبُسُهُ حَرَامٌ وَعُذْيَ بِالْحَرَامِ فَإِنَّمَا يُسْتَجَابُ  
لِذِكْرِ

*“Kemudian ia menyambutkan seorang lelaki yang jauh perjalanannya, yang kusut masai rambutnya, lagi berdebu mukanya menghulurkan kedua tangannya ke langit sambil berdoa: Hai Tuhan, hai Tuhan, pada hal makanannya haram, minumnya haram, pakaianya haram dan diberi makan dengan yang haram pula, maka bagaimakah mungkin itu diperkenankan baginya?”*

(Riwayat al-Nawawi)<sup>229</sup>

Makanan mempunyai kaitan dengan kesempurnaan ibadat seperti solat, puasa dan zakat. Umpamanya jika pakaian yang menutup aurat diperolehi dengan cara yang haram, begitu juga kekuatan fizikal untuk beribadat tumbuh daripada pemakanan haram, ibadat itu akan ditolak oleh Allah SWT. Doa yang dianggap sebagai *mukh al-‘ibadah* (inti ibadat) pun ditolak apatah lagi ibadat itu

---

<sup>229</sup>Al-Nawawi (1999), *Sharah Sahih Muslim*, Kitab al-Zakat, Beirut: Dar al-Khair, jil. 5, h. 83. Lihat juga al-Darimi (t.t.), *Sunan al-Darimi*, Beirut: Dar al-Fikr., jil. 2, h. 300.

sendiri. Islam mementingkan konsep halal haram dalam setiap aspek kehidupan umatnya terutama dalam pelaksanaan ibadat.

c) Mendapat azab daripada Allah SWT.,<sup>230</sup> sebagaimana firmanNya:

إِنَّ الَّذِينَ يَأْكُلُونَ أَمْوَالَ الْيَتَامَىٰ ظُلْمًا إِنَّمَا يَأْكُلُونَ فِي بُطُونِهِمْ نَارًا  
وَسَيَصْلَوْنَ سَعِيرًا

“Sesungguhnya orang-orang yang memakan harta anak-anak yatim secara zalim, sebenarnya mereka itu hanyalah menelan api ke dalam perut menelan; dan mereka pula akan masuk ke dalam api neraka yang menyala-nyala.”

Surah an-Nisa' (3): 10

Ayat di atas menjelaskan bahawa pengambilan yang haram akan menyebabkan seseorang itu dimasukkan ke dalam api neraka. Ini adalah kerana setiap yang dimakan akan membentuk sel-sel baru kepada badan manusia. Pembentukan sel-sel daging yang berdasarkan kepada pemakanan yang haram akan menyebabkan kemurkaan Allah SWT dan di akhirat kelak akan dicampakkan ke dalam api neraka. Sabda Rasulullah SAW:

لَا يَدْخُلُ الْجَنَّةَ لَحْمٌ نَبَتَ مِنْ سُحْنٍ النَّارُ أَوْلَىٰ بِهِ

“Tidak akan masuk syurga daging yang tumbuh daripada yang haram, maka api neraka adalah lebih utama baginya.

(Riwayat Tirmidhi)<sup>231</sup>

---

<sup>230</sup>Hanafi Mohammad (1998), *op.cit.*, h. 184.

<sup>231</sup>Muhammad bin Ahmad bin Hanbal (1995), *al-Musnad* Musnad Jabir bin ‘Abd Allah, Qahirah: Dar al-Hadith., h. 468.

Melalui perbincangan di atas menunjukkan bahawa pemakanan mempunyai kaitan dengan kehidupan fizikal dan rohani manusia. Setiap makanan akan menjadi darah daging manusia dan Islam menuntut umatnya memastikan sumber makan, minum dan juga pakaian mereka hendaklah halal dan bersih. Makanan yang halal merupakan syarat mutlak kepada kesempurnaan ibadah dan kesucian hati. Sebaliknya pemakanan yang haram akan menjadi sesuatu amalan itu sia-sia dan bakal mendapat azab di akhirat kelak.

## **2.8. MAKANAN SEGERA**

Di Malaysia terdapat sekurang-kurangnya tiga jenis makanan segera yang popular di kalangan masyarakat tempatan iaitu:

- a) Makanan segera (makanan ala barat) yang disediakan oleh restoran makanan segera seperti ayam goreng, kentang goreng dan burger.
- b) Makanan terproses separa iaitu makanan yang diproses secara separa dan memerlukan penyediaan lanjut seperti mi segera, bubur segera, nugget, ayam goreng.
- c) Makanan sedia dimakan iaitu makanan terproses yang sedia dimakan yang memerlukan penyediaan minimum sama ada melalui proses

pemanasan, pengukusan, dan pengorengan seperti makanan dalam tin, makanan sejuk beku seperti kek dan perencah sedia guna.<sup>232</sup>

Kemasukan makanan segera ala barat (*western food*) di Malaysia<sup>233</sup> di lihat sebagai satu transformasi dalam budaya pemakanan masyarakat Malaysia. Pada zaman dahulu masyarakat tidak mengenali makanan segera tetapi kini makanan segera telah menjadi pilihan utama masyarakat dan sekaligus telah merubah gaya pemakanan rakyat Malaysia. Akibatnya restoran makanan segera berkembang begitu pesat dan hampir di semua bandar-bandar dan pusat-pusat bandar terdapat restoran-restoran makanan segera disamping menawarkan pelbagai jenis makanan segera yang menyelerakan. Justeru, pada bahagian ini penulis akan menerangkan perkara-perkara yang berkaitan dengan makanan segera seperti berikut:

---

<sup>232</sup>Lihat Wawancara bersama Prof. Madya Dr. Azizah Abd. Hamid, Timbalan Dekan Penyelidikan, Inovasi dan Pengantarabangsaan, Fakulti Sains dan Teknologi Makanan, Universiti Putra, Mingguan Malaysia 04 Mac 2007, h. 6.

<sup>233</sup>Kemasukan industri makanan segera ke Malaysia pada awal tahun 1970an adalah merupakan salah satu daripada konsep penyaluran idea atau nilai-nilai barat ke sesuatu kawasan. Penyaluran idea atau nilai-nilai barat ini dikenali sebagai ‘teori defuse’. Penyaluran idea ini turut dibantu oleh perkembangan sains dan teknologi dan melalui sistem langit terbuka, maka perubahan yang berlaku di dunia tersebut dengan begitu pantas dan tanpa berkecuali, penduduk Malaysia juga telah mengalami perubahan dalam sosio-budaya terutamanya dalam amalan pemakanan. Dengan kemasukan nilai-nilai barat ini secara beransur-ansur gaya pemakanan masyarakat tempatan yang selama ini mengamalkan pengambilan makanan tradisional telah berubah kepada gaya pemakanan ala barat yang dikenali sebagai makanan segera. Lihat Tan, Mei Mei (2001/2002), “Amalan Makanan Segera: Satu Kajian Kes Di Kalangan Mahasiswa-Mahasiswi Fakulti Sastera Dan Sains Sosial, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.” (Latihan Ilmiah, Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya), h. 25. Poh, Joo Pei (1999/2000), “Perusahaan makanan segera: Satu kajian kes ke atas McDonald's dan Kentucky Fried Chicken (KFC) di Bandar Maharani, Muar, Johor”, Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, h. 9. Kunasundayar a/p Muthu (2003/2004), “Amalan Pemakanan Makanan Segera: Satu Kajian Kes Di Universiti Malaya” (Latihan Ilmiah, Jabatan Antropologi Dan Sosiologi, Fakulti Sastera Dan Sains Sosial, Universiti Malaya), h. 21.

### **2.8.1. Definisi Makanan Segera**

Apabila disebut sahaja makanan segera (*fast food*) maka terbayanglah di fikiran masyarakat umum dengan makanan yang mempunyai ciri-ciri kebaratan (*western food*) seperti ayam goreng, burger, kentang goreng, pizza, sosej dan sebagainya. Ini adalah merupakan tanggapan masyarakat umum terhadap konsep makanan segera. Sebenarnya konsep makanan segera haruslah dilihat dari perspektif yang lebih luas dan menyeluruh. Dalam hal ini, didapati pelbagai definisi telah dikemukakan oleh ahli-ahli profesional dan ahli akademik dalam memberikan definisi makanan segera antaranya:

Menurut *Kamus Teknologi Makanan*, makanan segera adalah makanan yang diproses yang memerlukan penyediaan yang minimum untuk dihidangkan sebelum dimakan. Contohnya, susu segera, pau sejuk beku dan mi segera atau makanan yang disediakan dengan cepat oleh restoran makanan segera seperti burger, ayam goreng dan pizza.<sup>234</sup> Manakala menurut *Cambridge International Dictionary of English*, makanan segera adalah bermaksud makanan yang masih berada dalam keadaan panas yang telah tersedia dan dapat dihidangkan dalam masa yang singkat.<sup>235</sup>

Bertram menyebut makanan segera sebagai makanan terproses yang tersedia untuk dimakan dan ianya memerlukan masa dan usaha yang lama untuk menyediakannya. Sementara itu Frederick dalam bukunya menyebut makanan segera

---

<sup>234</sup>Halimahton Zahrah Mohamed Som *et al.* (2004), *Kamus Teknologi Makanan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 49-50.

<sup>235</sup> *Cambridge International Dictionary of English*, h. 505.

adalah makanan yang boleh diperoleh dengan segera, mudah disediakan dan dijamin mutunya. Makanan segera juga tidak semestinya dinikmati di restoran-restoran makanan segera, tetapi boleh dinikmati mana-mana sahaja seperti di rumah, pejabat atau di tempat-tempat peranginan dan rekreasi. Konsep makanan segera di sini adalah merujuk kepada cara bagaimana makanan tersebut disediakan dan bukan merujuk zat makanan itu sahaja.<sup>236</sup>

Dewiana Malisa Putri binti Hafron pula menyebut, makanan segera adalah makanan terproses yang siap untuk dimakan tanpa melalui proses memasak yang lama, mudah didapati tetapi mengandungi kurang khasiat pemakanan.<sup>237</sup> Ia juga makanan yang boleh disediakan dan dinikmati dalam masa yang singkat “*on the go*” termasuk juga berbagai-bagai jenis makanan tempatan seperti nasi goreng, nasi ayam, nasi lemak, nasi barbeku (*barbeque meatrise*) dan tidak berkecuali makanan yang dijual di gerai-gerai dan restoran-restoran mamak.<sup>238</sup>

---

<sup>236</sup>Kunasundary Muthu (2003/2004), *op.cit.*, h. 15-17. Lihat juga Lee, Yeng Foon (2003/2004), “*Amalan Mengunjungi Restoran Makanan Segera Di Kalangan Remaja: Satu Kajian Kes Di Seremban, Negeri Sembilan*” Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, h. 18-19, Chan, Yen Wen (2001/2002), “*Amalan Mengunjungi Restoran Makanan Segera Di Kalangan Remaja: Satu Kajian Kes Di Johor Bahru, Johor*” Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, 2001/02., h. 5-6. Yong, Wan Chee (1999/2000), “*Amalan Makanan Segera: Satu Kajian Di Kalangan Remaja Di Bandaraya Kuala Lumpur*”, Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, h. 22. Poh, Joo Pei (1999/2000), *op.cit.*, h. 8. Lim, May Ki (1999/2000), “*Perubahan Amalan Pemakanan Belia: Satu Kajian Kes Tentang Amalan Makanan Segera Di Ipoh, Perak*”, Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, h. 6-7. Lim, Yean Nee (1998/1999), “*Amalan Makanan Dan Pemakanan Segera: Satu Kes Kajian Di Kalangan Masyarakat Cina Sri Petaling*”, Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, h. 29. Bong, Swee Eng (1995/1996), “*Amalan Makanan Segera: Satu Kajian Kes Di Kalangan Remaja Di Bandar Melaka*”, Jabatan Antropologi and Sosiologi, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, h. 36.

<sup>237</sup>Temu bual dengan Dewiana Malisa Putri binti Hafron, memiliki Ijazah Sarjana Muda dan Kepujian Dietetik UKM dan bertugas sebagai pegawai dietetik di HUKM, bertugas di bahagian penyediaan makanan (menu sehat) untuk pesakit di wad-wad hospital, 17 January 2009.

<sup>238</sup>Dr.Tee E Siong, pakar pemakanan, Presiden Persatuan Pemakanan Malaysia beliau mempunyai pengalaman selama 30 tahun dalam bidang penyelidikan dan kesihatan awam. Pengurus Persatuan Ditätik Malaysia (MDA) dan Jawatankuasa Pemandu Kebangsaan (NMM). Fast Food Under Scrutiny >Ff7, 25 Februry 2007. Thestar.com.my/health, lihat Wikipedia <http://www.myhealth.gov.my/myhealth>, 28 Ogos 2007.

Seterusnya Khairul Hazdi bin Yusuf menyatakan, dari segi istilah makanan segera adalah makanan yang diproses untuk mengekalkan mutu dan di gunakan khusus untuk bahan pemasarannya. Ini bermaksud makanan yang diproses dan disuci yang dijaga mutunya melalui proses-proses tertentu seperti ditambah aditif atau bahan pengawet untuk menjadikan makanan tersebut tahan lama disamping mengekalkan rasa dan kesegaran makanan itu sendiri. Manakala dari sudut penyediaannya pula ia tidak memerlukan masa yang lama dan mudah diperolehi serta dinikmati maka makanan tersebut dikategorikan sebagai makanan segera.

Oleh yang demikian setiap makanan yang telah melalui proses tersebut atau memiliki ciri-ciri tersebut dikategorikan sebagai makanan segera seperti burger, ayam goreng, kentang goreng, sate, roti canai segera tanpa membezakan sama ada ianya makanan ala barat (*western food*) atau makanan tradisional.<sup>239</sup> Seterusnya beliau menyatakan bahawa kebanyakan pakar-pakar pemakanan kurang bersetuju dengan pengambilan makanan segera yang tidak terkawal kerana makanan segera mengandungi tinggi kandungan kalori, lemak, gula dan garam. Menurut Nik Shanita binti Shafii, makanan segera sebenarnya adalah satu terminologi yang luas. Oleh sebab itu, sehingga kini pakar pemakanan dan para sarjana masih tidak mempunyai definisi yang tepat mengenainya makanan segera. Menurut terminologi, makanan segera adalah makanan yang boleh dimakan ataupun yang boleh diambil melalui proses penyediaan dalam jangka masa yang singkat.

---

<sup>239</sup>Temu bual dengan Khairul Hazdi bin Yusuf, *op.cit.*

Contohnya seperti susu segera, pau sejuk beku, mi segera, roti canai segera, karipap segera, sate dan makanan yang disediakan dengan cepat oleh restoran makanan segera seperti burger, ayam goreng, kentang goreng dan pizza.

Ciri utama makanan segera ialah merujuk kepada masa penyediaan (pra penyediaan), iaitu setiap makanan yang tidak memerlukan proses dan penyediaan yang lama dan boleh diperolehi atau dinikmati dengan segera contohnya seperti burger, ayam goreng dan kentang goreng. Ini termasuk makanan tradisional seperti sate, roti canai segera, dan karipap segera. Justeru, setiap makanan yang memiliki ciri-ciri yang tersebut boleh dikategorikan sebagai makanan segera tanpa mengambil kira sama ada iaanya berasal dari makanan barat atau makanan tradisional.

Menurut beliau lagi, Kementerian Kesihatan sendiri menghadapi masalah untuk mengkategorikan makanan segera apabila pada tahun 2008, Menteri Kesihatan cuba untuk mengharamkan iklan KFC, Mc Donald's makanan segera di TV terutamanya masa siaran rancangan kanak-kanak dengan alasan pengambilan makanan segera seperti ayam goreng, kentang goreng dan burger boleh membahayakan kesihatan disebabkan mengandungi tinggi kandungan gula, lemak, kalori dan garam. Apabila dibuat perbandingan antara makanan ala barat seperti ayam goreng, kentang goreng dan burger dengan makanan tradisional seperti roti canai, sate dan karipap didapati bahawa makanan tradisional juga mengandungi tinggi kandungan gula, lemak, kalori dan garam.<sup>240</sup>

---

<sup>240</sup>Temu bual dengan Nik Shanita binti Safii, MSc. Ph.D. Pensyarah Kanan dan Pakar Pemakanan UKM, 13 Januari 2009 dan lihat Tee E. Siong (2007) *Hawker fare can be bad too*, Nio Nation, The Star Jumaat Nio, 23 Februari 2007.

Berpandukan kepada faktor-faktor di atas dan apabila merujuk kepada definisi makanan segera, maka didapati makanan tradisional juga diklasifikasikan sebagai makanan segera.<sup>241</sup> Akhirnya hasrat kerajaan hendak meletakkan logo ‘pilihan yang sihat’ (*healtier choice*) pada setiap makanan menemui kegagalan.<sup>242</sup> Beliau berkata, mengikut perspektif Malaysia, makanan segera ialah makanan yang dihasilkan dalam kuantiti yang banyak menggunakan kaedah sama dan dijual di restoran dan syarikat yang memilikinya mengiklankan produk terbabit secara meluas di media cetak dan elektronik.<sup>243</sup>

Sementara Khalif Muammar A Haris pula berpendapat, selain daripada definisi makanan segera yang telah disepakati, makanan segera bukan sahaja makanan yang berasal dari barat tetapi termasuk juga makanan tempatan yang mempunyai ciri-ciri makanan segera dari barat. Dalam konsep yang lebih luas makanan segera didefinisikan sebagai apa sahaja makan yang di hidangkan baik di restoran, di rumah, pejabat atau ditempat-tempat lain yang memerlukan makanan itu diawetkan dan makanan itu tidak perlu melalui proses memasak yang lama sebelum dihidangkan.<sup>244</sup> Manakala Ma’amor bin Osman makanan segera secara umumnya adalah makanan yang telah diformulasi melalui kaedah-kaedah tertentu sehingga ia dapat disediakan dalam masa yang singkat.

Pada kebiasaannya makanan segera yang disediakan kilang-kilang pengeluar makanan segera telah melalui beberapa prosedur seperti kebersihan dan keselamatan makanan. Oleh kerana makanan segera dibuat secara komersial, maka ia perlu

---

<sup>241</sup>Temu bual dengan Nik Shanita binti Safii, *op.cit*.

<sup>242</sup>Temu bual dengan Nik Shanita binti Shafii dan Nik Shanita binti Shafii adalah merupakan ahli jawatankuasa Kementerian Kesihatan Malaysia (MOH) 13 Januari 2009.

<sup>243</sup>Berita harian online, [www.bharian.com.my](http://www.bharian.com.my), Ogos 28, 2007.

<sup>244</sup>Temu bual dengan Khalif Muammar A Haris, *op.cit*.

mematuhi Akta Kawalan Makanan. Di Malaysia kawalan dan keselamatan makanan terletak di bawah Akta Makanan 1983 (Akta 281) dan Peraturan-peraturan dan Akta Makanan dan Peraturan-peraturan 1985 yang diharapkan supaya memenuhi pendekatan oleh *Hazard Analysis Critical Control Point (HACCP)*.<sup>245</sup> Dalam hal ini beliau telah mengkategorikan makanan kepada empat kategori iaitu: Makanan segera, makanan sedia untuk dimakan (*ready to eat*), *formulated food*, iaitu makanan untuk orang-orang yang mempunyai penyakit-penyakit tertentu atau tujuan-tujuan tertentu, misalnya untuk kanan-kanak yang *free meature*, kanak-kanak yang mengidap penyakit-penyakit tertentu termasuk orang dewasa. Manakala contoh *formulated food* ialah kolagen yang mengandungi kandungan protein dan kalori yang tinggi yang boleh membina semula protein-protein yang telah mengecut dan ia mirip kepada rawatan (*treatment*). Sementara *junk food* adalah makanan yang tidak mempunyai khasiat, oleh kerana sasaran utama *junk food* ialah kanak-kanak maka pihak pengilang atau pengusaha makanan tersebut telah mengeksplorasi kelemahan kanak-kanak dengan mengaitkannya dengan permainan. Ini merupakan satu penipuan justeru, menurut beliau kegiatan tersebut sepatutnya diharamkan oleh kerajaan.<sup>246</sup>

Seterusnya, menurut Ramlee Rahmat definisi dan skop makanan segera bukan hanya membabitkan makanan yang ditawarkan di rangkaian restoran berjenama popular, malah termasuk juga beberapa hidangan tradisional. Menurut beliau termasuk dalam kategori makanan segera ialah kuetiau goreng, nasi lemak dan roti canai. Secara amnya, makanan segera bermaksud makanan yang siap atau disediakan dengan cepat

---

<sup>245</sup>Temu bual dengan Dr. Ma'amor bin Osman, *op.cit.*

<sup>246</sup>*Ibid.*

kerana hendak diambil dengan segera.<sup>247</sup> Justeru, dalam konteks Malaysia, ia bukan hanya datang dari restoran-restoran makanan segera yang lazim dikenali, tetapi merangkumi makanan sejuk yang dipercayai mengandungi bahan pengawet yang berbahaya.<sup>248</sup> S.M. Mohamed Idris daripada Persatuan Pengguna Pulau Pinang (PPPP) pula mendefinisikan makanan segera sebagai ‘sampah’ kerana ia tidak berkhasiat dan boleh mendatangkan mudarat jika diambil dalam kuantiti yang banyak. Menurut beliau lagi, pada kebiasaan kanak-kanak yang mengambil makanan segera cepat kenyang dan tidak berselera untuk mengambil makanan lain seperti nasi, sayur dan buah-buahan.<sup>249</sup>

Berdasarkan pandangan Azizah Abd. Hamid<sup>250</sup> makanan segera adalah sebagai salah satu makanan mudah guna yang didefinisikan sebagai makanan sejuk atau panas. Ia hanya memerlukan masa dan usaha yang sedikit untuk menyediakannya. Makanan jenis mudah guna ini merangkumi makanan yang diklasifikasikan seperti makanan segera, makanan yang dijual digerai-gerai, makanan terproses minimum, makanan terproses separa, makanan sedia dimakan, makanan ringan atau snek (*snack food*), dan

---

<sup>247</sup> MyHEALTH Portal, Dr. Ramlee Rahmat, *Roti Canai, Nasi Lemak Dikira Makanan Segera* <http://www.my.health.gov.my/servlets/sfs?&s=Q5CTnOhk55hIB1k>. Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (kesihatan awam), 28 Februari 2007.

<sup>248</sup> S.Anand Kumar dan Nurul Anuar Kari, *bahaya makanan segera-200 produk digempari jadi punca pelbagai penyakit*, <http://www.my.health.gov.my/servlets/sfs?&s=Q5CTnOhk55hIB1k>, 21 Februari 2007.

<sup>249</sup> MyHEALTH Portal, <http://www.my.health.gov.my/servlets/sfs?&s=Q5CTnOhk55hIB1k>, 28 Ogos 2007.

<sup>250</sup> Profesor Madya dan Timbalan Dekan Penyelidikan, Inovasi dan Pengantarabangsaan, Fakulti Sains dan Teknologi Makanan, Universiti Putra Malaysia. Menurut beliau makanan segera boleh ditafsirkan mengikut keperluan sesebuah negara berpandukan kepada geografi dan sosio budaya penduduk setempat. Ini kerana Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) sendiri tidak mempunyai definisi yang tepat mengenainya. Lihat MyHEALTH Portal, 21 Februari 2007.

minuman sedia diminum.”<sup>251</sup> Jadual di bawah ini menerangkan tentang klasifikasi, definisi serta contoh makanan segera yang terdapat di Malaysia.

	KLASIFIKASI	DEFINISI	CONTOH
1	Makanan segera	Makanan yang disediakan oleh restoran makanan segera.	Ayam goreng, pizza, kentang goreng
2	Makanan gerai	Makanan yang disediakan di gerai awam	Nasi lemak, nasi ayam, kuih manis
3	Makanan terproses minimum	Makanan yang diproses secara minimum	Sayuran dan buah-buahan yang siap dipotong dan dibungkus
4	Makanan terproses separa	Makanan yang diproses secara separa dan memerlukan penyediaan lanjut.	Mi segera, bubur segera, nugget, ayam goreng.
5	Makanan sedia dimakan	Makanan terproses yang sedia dimakan yang memerlukan penyediaan minimum (pemanasan, pengukusan, penggorengan)	Makanan tin, makanan sejuk beku seperti kek, perencah sedia guna.
6	Makanan ringan / snek ( <i>snack food</i> )	Makanan yang dimakan di antara masa makan utama	Coklat, gula-gula, kacang goreng
7	Makanan ringan /snek kurang zat ( <i>junk food</i> )	Sama seperti snek tetapi mengandungi kandungan kalori, garam yang lebih tinggi seperti perisa, pengawet dan pewarna.	Makanan tersemperit berdasarkan jagung, beras, gandum.

Sumber: Fakulti Sains dan Teknologi Makanan, Universiti Putra Malaysia, Mingguan Malaysia 04 Mac 2007, h.11.

---

<sup>251</sup><http://www.mamak.co.uk/modules.php?name=News&file=article &Makanan segera>, Utusan Malaysia, 28 Ogos 2007.

Melalui perbincangan di atas didapati pakar pemakanan masih belum mendapat kata sekapat dalam memberikan definisi makanan segera secara tepat. Oleh sebab itulah didapati dalam memberikan definisi makanan segera ini mereka telah memberikan pandangan yang berbeza antara satu sama lain. Akan tetapi walaupun terdapat perbezaan dalam memberikan definisi makanan segera, namun secara umumnya definisi yang dikemukakan adalah mempunyai pengertian yang sama.

Dalam hal ini, penulis memilih pendapat yang mengatakan bahawa makanan segera bukan sahaja merujuk kepada makanan ala barat akan tetapi termasuk juga makanan tradisional yang memiliki ciri-ciri dan kriteria yang disebutkan oleh sebahagian sarjana seperti Khalif Muammar A Haris, Ramlee Rahmat, Khairul Hadzi bin Yusuf, Nik dan Shanita binti Shafii yang mengatakan bahawa makanan segera adalah makanan yang telah melalui proses-proses yang tertentu serta dapat diambil dalam masa yang singkat dan mudah diperoleh. Ini adalah kerana definisi makanan segera boleh ditafsirkan mengikut keperluan sesebuah negara berpandukan kepada geografi dan sosio budaya penduduk setempat. Seterusnya kesan terhadap tabiat pengambilan makanan segera tiada mengenal bangsa, usia, keturunan dan batasan geografi. Maklumat serta kefahaman yang betul, tepat dan bersifat kontempororer berkaitan dengan definisi, kandungan bahan dalam makanan segera dan kesan terhadap kesihatan akibat daripada pengambilan makanan segera akan dapat membantu pengguna untuk memilih diet yang betul serta tahu apa yang mereka makan.

## **2.8.2. Kaedah-kaedah Pemprosesan dan Pengawetan Makanan Dalam Makanan Segera**

Dalam era teknologi masa kini, kebanyakan makanan termasuk makanan segera tidak terkecuali daripada melalui sistem pemprosesan<sup>252</sup> dan pengawetan.<sup>253</sup> Terdapat pelbagai kaedah yang telah digunakan dalam pemprosesan dan pengawetan makanan,<sup>254</sup> antaranya penambahan bahan kimia dalam makanan (aditif), bahan awet, bahan pewarna, bahan perisa, kondisioner makanan, pengeringan, pembungkusan, pendinginan, pembekuan, penapaian dan pencukaan. Semua proses-proses ini bertujuan untuk menambah jangka hayat makanan, mengurangkan risiko jangkitan mikroorganisma (kulat dan bakteria) merbahaya, menambah daya tarikan makanan, menambah pertumbuhan industri pemakanan dan membolehkan kita merasa memakan yang berasal dari seluruh pelusuk dunia tanpa batasan geografi.

Pemprosesan dan pengawetan makanan sama ada menggunakan bahan-bahan asas atau aditif atau gabungan di antara keduanya telah menjadi sebab kepada penambahan terhadap makanan. Penambahan tersebut akan menjadi sebahagian daripada makanan, menurut ajaran Islam, penghasilan produk tersebut akan

---

<sup>252</sup>Pemprosesan makanan bertujuan untuk mengurangkan risiko jangkitan beberapa mikroorganisma makanan kerana makanan tersebut telah disterilkan. Mohd. Hamim Rajikin *et. al.* (1997), *op.cit.*, h. 199.

<sup>253</sup>Pengawetan bertujuan untuk menambah jangka hayat makanan, dapat mengelakkan pembaziran dan dapat memungkinkan manusia mendapatkan makanan yang digemari sepanjang tahun. *ibid*, h.199.Terdapat empat cara pengawetan yang boleh dilakukan iaitu melalui kaedah penyingkir wap air, pengawalan suhu, pengawetan secara kimia dan basmi kuman, lihat Phuah Kooi Ean (2006), *op.cit.*, h. 122-126.

<sup>254</sup>Makanan yang telah diproses dan diawetkan akan kehilangan nutrient tertentu, terutamanya vitamin-vitamin yang mudah rosak apabila terdedah kepada udara atau apabila dimasak, umpamanya sebiji kentang mengandungi 20mg vitamin C, tetapi setelah diproses menjadi cip kentang goring, sebiji kentang tersebut hanya mengandungi 7 mg vitamin C. Kedua-duanya mempunyai kalori yang sama, tetapi khasiatnya jauh berkurangan, Mohd. Hamim Rajikin *et. al.* (1997), *op.cit.*, h. 96. Lihat juga Phuah Kooi Ean(1984), *op.cit.*, h. 123-126.

memberikan implikasi terhadap hukum syarak yang amat menitik beratkan sumber yang digunakan. Dalam hal ini, Islam amat menitik beratkan tentang sumber bahan, kaedah dan kualiti setiap makanan yang diambil walaupun dalam kuantiti yang sedikit.

### **2.8.3. Kandungan Nutrisi Dalam Makanan Segera<sup>255</sup>**

Dalam menikmati makanan, pengguna amatlah digalakkan supaya mengetahui kandungan nutrisi<sup>256</sup> yang terdapat dalam makanan seperti kandungan kalori, gula, garam, lemak dan sebagainya. Dengan ini bagi mereka yang prihatin tentang kesihatan diri akan dapat memilih makanan yang bersesuaian dengan mereka dan seterusnya supaya mereka tahu apa yang mereka makan. Bersama-sama ini penulis sertakan maklumat-maklumat yang berkaitan dengan kandungan-kandungan yang terdapat dalam makanan segera seperti berikut:

#### **i) Kandungan Lemak**

Makanan seperti daging telur dan hasil tenua seperti mentega dan keju merupakan sumber protein, vitamin dan galian yang baik tetapi ia juga mengandungi banyak lemak dan kolesterol. Lemak boleh menyebabkan kegemukan, mendorong serangan jantung dan meningkatkan risiko serangan kanser sementara kolesterol menjadi punca utama sakit jantung. Makanan

---

<sup>255</sup>Joe Schwarcz (2004) *Food The Harm Food The Heal An A-Z Guide to Safe and Healthy Eating*. Reader's Digest, h. 153. Mohd. Hamim Rajikin, et.al. (1997), *op.cit.*, h. 103-104. Lee Yeng Foong (2003/2004), *op.cit.*, h. 104-107.

<sup>256</sup>Menurut Dr. Tee E. Siong pakar pemakanan, kefahaman dan pengetahuan kepada orang ramai terutamanya golongan kanak-kanak, dan remaja terhadap kepentingan pengambilan makanan yang mengandungi nutrisi yang baik dan lengkap adalah penting dalam menentukan diet seseorang. N14 NATION Sunday Star 16 Februari 2007.

berproses dan snek seperti kentang goreng dan kerepek juga mengandungi banyak lemak dan kolesterol begitu juga dengan makanan jualan penjaja.<sup>257</sup> Makanan segera selalunya mempunyai kandungan lemak yang tinggi. Burger daging, ‘Shakes’ coklat, kentang goreng dan pizza semuanya mengandungi lemak yang tinggi. Lemak yang tinggi akan mengakibatkan seseorang menghadapi masalah kegemukan, aras kolesterol yang tinggi, disamping meningkatkan risiko mendapat kanser kolon (barah usus besar), kanser buah dada dan beberapa masalah kesihatan yang lain.<sup>258</sup>

Jadual di bawah ini menunjukkan kandungan lemak dalam makanan segera yang terdapat dipasaran antaranya:<sup>259</sup>

Makanan	Berat (gm) dan Bilangan	Kandungan Lemak (gm)	Tenaga (kcal)
Ayam goreng	120 (1ketul)	14.9	271
Kentang goreng	90 (1bekas kecil)	16.1	290
Burger daging	125 (1 biji)	11.3	317
Makanan	Berat (gm) dan Bilangan	Kandungan Lemak (gm)	Tenaga (kcal)
Burger keju	124 (1 biji)	14.3	341
Piza dengan ayam & nenas	94 (1 potong)	14.2	261
Piza dengan pepperanio	53 (1 potong)	9.2	155
Sosej	82 (1 ketul)	11.5	225

<sup>257</sup><http://www.ehomemaker.net/my/article.php?rd=457>, *Kepentingan Pengambilan Makanan berkhasiat*, tarikh 14 June 2009.

<sup>258</sup>Mohd Hamim Rajikin *et al.* (1997), *op.cit.*, h.104. Menurut Nik Shanita Safii, kandungan lemak yang lebih akan menyebabkan makanan itu sedap dan lazat dimakan berbanding dengan sayur atau ulam yang rendah kandungan lemak dan tenaga. Ini adalah di antara sebab kenapa terdapat kecenderungan seseorang untuk mengambil makanan segera dengan berlebihan. Temu bual pada 13 Januari 2009.

<sup>259</sup>Emy Haznida Nazairul Sham, *Makanan segera sedap tetapi bahaya*. Majalah Kesihatan No.1 Di Malaysia, 15 November 2008, h. 54-55. Lihat Lee Yeng Foon (2003-2004), *op.cit.*, h.104-107, Mohd Hamim Rajikin *et. al.* (1997), *op.cit.*, h.104.

Sumber:

1. Manual Prime and Supportive Messages for Healthy Eating (1997) National Working Group on Healthy Eating, Ministry of Health Malaysia.
2. Nutrient Composition of Malaysian Foods (1997) 4th Edition, Institute for Medical Research.

### **ii) Kandungan Garam**

Makanan segera selalunya mempunyai kandungan garam yang tinggi. Kandungan garam yang berlebihan dalam tubuh akan meningkatkan risiko mendapat penyakit darah tinggi (*hypertension*).<sup>260</sup> Makanan segera, makanan dalam tin, daging yang diawet dan kentang goreng, mengandungi kandungan garam yang tinggi. Mengambil makanan yang tinggi kandungan garam boleh menyebabkan tekanan darah tinggi yang akhirnya boleh membawa kepada serangan jantung atau strok. Sesetengah orang mungkin menghadapi masalah terlalu banyak air di bawah kulit (*edema*).<sup>261</sup>

### **iii) Kandungan Gula**

Makanan segera selalunya mempunyai kandungan gula yang tinggi dan pada kebiasaannya apabila seseorang itu memesan makanan segera, seseorang itu akan turut membeli minuman berkarbonat seperti rutbir atau Coca-Cola dan aiskrim. Minuman yang kaya gula menyumbang kepada kalori yang tinggi.

---

<sup>260</sup>Mohd Hamim Rajikin *et al.* (1997), *Ibid*.

<sup>261</sup>eHome m@kers.net, <http://www.ehomemaker.net/my/article.php?rd=457>, *Kepentingan Pengambilan Makanan Berkhasiat*, 14 June 2009.

Seterusnya kalori yang tinggi boleh meningkatkan risiko menjadi gemuk.<sup>262</sup>

Kehadiran gula juga mengantikan makanan yang berkhasiat dan menyingkirkan beberapa vitamin dan galian dari tubuh. Tabiat pengambilan gula yang berlebihan akan menyebabkan seseorang itu akan menanggung risiko kerosakan gigi, kegemukan dan masalah-masalah lain yang dikaitkan dengannya seperti kencing manis, serangan jantung dan sebagainya.<sup>263</sup>

#### **iv) Kandungan Serat**

Makanan segera biasanya mengandungi kandungan serat yang rendah. Kentang goreng, burger daging, nugget ayam, semuanya kurang atau tanpa serat. Di restoran-restoran makanan segera pada kebiasaannya jarang sekali terdapat sayur-sayuran dan buah-buahan yang tinggi kandungan seratnya jika dibandingkan dengan makanan yang disajikan di rumah. Makanan berserat tinggi umumnya mempunyai kandungan lemak yang rendah contohnya makanan seperti roti gandum, kacang tanah, pisang, epal berserta kulit, timun dan sebagainya mengandungi kurang daripada 1 gram lemak untuk setiap hidangan. Maklumat tentang pengambilan serat masih belum dapat diperolehi di kalangan penduduk Malaysia.<sup>264</sup> Data tentang perkara ini di kalangan penduduk Amerika Syarikat terhad untuk orang dewasa sahaja dan jadualnya ditunjukkan dalam karya Pemakanan dan Kesihatan.<sup>265</sup>

---

<sup>262</sup> Mohd Hamim Rajikin *et al.* (1997), *op.cit.*, h. 103.

<sup>263</sup> eHome m@kers.net, *op.cit.*

<sup>264</sup> Mohd Hamim Rajikin *et al.* (1997), *op.cit.*, h. 100.

<sup>265</sup> *Ibid.*, h. 101.

Seterusnya di sini turut disenaraikan beberapa jenis makanan segera yang terdapat di pasaran berserta dengan maklumat nutrisi pemakanan antaranya:

- a) Burger daging<sup>266</sup> (1/2 paun) boleh mengandungi 2 auns lemak tulen. Ia membekalkan protein, zat besi, vitamin B12 sedikit serat tetapi banyak penambah kimia.
- b) Ayam goreng: Kaya dengan lemak (hampir 60% kalori diperoleh dari lemak) dan mempunyai kandungan garam yang tinggi. Ia membekalkan protein, niasin dan vitamin B6. Bahan yang menyalutkannya mengandungi MSG dan pewarna kimia.<sup>267</sup>
- c) Kentang goreng: Ubi kentang membekalkan protein dan vitamin. Mengandungi lemak dan kandungan garam yang tinggi dan warna keemasannya adalah disebabkan penggunaan warna tiruan.<sup>268</sup> Kentang goreng saiz sederhana membekalkan 360-450 kalori dan 17-22g lemak dan sais besar mengandungi antara 600 kalori dan 27g lemak, yang merupakan sebahagian daripada lemak trans.<sup>269</sup>

---

<sup>266</sup>Ayu Musa Kamal dan Masami Mustaza, *Fast Food Folly*, the malay mail, 22 Februari 2007. Lihat Emy Haznida Nazairul Sham, *op.cit.*, h. 55.

<sup>267</sup>Menurut Khairul Hazdi bin Yusuf, Pegawai Penyelidik Kesihatan Masyarakat, UKM., menyatakan ayam goreng semasa panas sedap dimakan dan tidak dapat dikesan rasa garam yang terkandung di dalamnya, akan tetapi apabila ia sejuk barulah dapat dikesan ketinggian kandungan garamnya. Hasil dari temu bual pada 2 Mac 2009. Lihat juga Emy Haznida Nazairul Sham, *op.cit.*, h. 55.

<sup>268</sup>Emy Haznida Nazairul Sham, *op.cit.*, h. 55.

<sup>269</sup>Joe Schwarcz (2004) *Fast Food, Eating on the Run*, Reader's Digest, h. 153. Lihat Ayu Musa Kamal dan Masami Mustaza, *Fast Food Folly*, the malay mail, 22 Febuari 2007.

Berdasarkan kepada pernyataan di atas dan hasil dari temubual yang dilakukan oleh penulis dapatlah disimpulkan bahawa para penganalisa yang terdiri daripada ahli-ahli profesional dan para akademik cenderung untuk menyimpulkan bahawa makanan segera adalah merupakan makanan yang tidak sihat<sup>270</sup> untuk dimakan dan dikategorikan sebagai makanan yang tidak seimbang disebabkan ia mengandungi kalori yang tinggi, tenaga dan lemak tetapi rendah kandungan seratnya. Perlu difahami, jika seseorang mengambil makanan segera sebagai makanan sampingan di antara sajian utama, maka nilai kalori, protein dan lemak berlebihan daripada yang diperlukan tubuh. Kesannya, seseorang akan mengalami malnutrisi<sup>271</sup> dalam dietnya. Kekerapan pengambilan makanan segera secara umumnya boleh mendatangkan kemudaratan terhadap kesihatan diri pengguna. Sikap berhati-hati dalam pemilihan makanan segera perlu diamalkan, makanan segera perlulah dijauhi, tabiat suka mengambil makanan segera haruslah dibuang. Pengguna haruslah mengutamakan kualiti makanan daripada kuantiti makanan dan perlu memilih makanan yang berkhasiat sebagai menu harian. Kesihatan fizikal dan spiritual harus diutamakan. Kesemuanya ini tidak akan terlaksana tanpa pendidikan dan kesedaran dalam diri setiap pengguna, untuk membolehkan mereka membuat pilihan yang bijak. Ini kerana semakin tinggi keilmuan dan kesedaran seseorang mengenai jenis-jenis makanan yang perlu diambil serta dihindari, maka semakin tinggi kualiti

---

<sup>270</sup> Menurut Nik Shanita Safii Pensyarah Kanan Pemakanan dan Dietitian UKM, secara umumnya makanan segera boleh dikatakan sebagai makanan yang tidak sihat jika dilihat dari sudut kandungan lemak, ini kerana kandungan lemak yang tinggi menjadikan makanan sesuatu makanan sedap dan lazat rasanya jika dibandingkan dengan sayur-sayuran dan ulam yang kandungan tenaga dan lemak yang rendah serta tidak berapa sedap untuk dimakan. Justeru, kandungan lemak yang tinggi yang terdapat dalam makanan segera merupakan bahan perangsang kepada pengguna untuk mengambilnya secara berlebihan. Temu bual dengan Nik Shanita Safii, *op.cit.*

<sup>271</sup> Malnutrisi bermaksud: Kekurangan zat yang diperlukan untuk pertumbuhan organisme seperti vitamin, mineral dan asid amino. Halimahton Zahrah Mohamed Som dan Norizzah Abd. Rashid (2004), *op.cit.*, h. 55.

hidupnya. Akibatnya, kesihatan seseorang itu semakin meningkat dan memiliki sifat-sifat budi yang mulia.<sup>272</sup>

## **2.9. KESAN PENGAMBILAN MAKANAN SEGERA TERHADAP KESIHATAN**

Di Malaysia, akibat daripada kemasukkan industri makanan segera pada awal tahun 70-an dan berikutan peningkatan rantaian restoran-restoran makanan segera pada awal tahun 80-an telah mengakibatkan berlakunya perubahan yang ketara dalam budaya makan dan amalan pemakanan di kalangan masyarakat. Menurut Utusan Malaysia, terdapat sekurang-kurangnya 200 jenis makanan segera seperti burger dan kentang goreng yang menjadi punca pelbagai penyakit kritis penduduk di negara ini.<sup>273</sup> Kecenderungan mengambil makanan segera, sama ada di restoran mahupun di rumah adalah merupakan amalan yang boleh merugikan kerana ia boleh mendatangkan kemudaratkan terhadap kesihatan.<sup>274</sup> Pakar-pakar pemakanan telah bersepakat mengatakan bahawa makanan segera mengandungi lemak, garam dan gula yang tinggi

---

<sup>272</sup>Temu bual dengan Abdul Ghani Shamsuddin, Ulama dan Pengurus Sekretariat Ulama Rantau Asia (SHURA), *op.cit.*

<sup>273</sup>MyHEALTH Portal *Semua sokong langkah haramkan iklan makanan segera galak rakyat hidup sihat* <http://www.myhealth.gov.my/serlets/sfs?&s=Q5CTnOhk55hIBIk>, 28 Ogos 2007.

<sup>274</sup>Lihat Jennifer Chiam Chew Lian, Ketua Pemakanan Hospital Pakar Ampang Putri, *Makanan Segera Jejas Kesihatan*, Harian Metro, Variasari V 11, Selasa 21 Oktober 2008 dan lihat juga Emy Haznida Nazarul Sham, *op.cit.*, h. 54-55. Seminar Potensi Pasaran Makanan Halal (2001), *Kertas kerja Seminar Potensi Pasaran Makanan Halal*. Kuala Trengganu pada 01 Julai 2001, h. 7.

sehingga boleh memudaratkan pengguna.<sup>275</sup> Malahan pakar-pakar pemakanan seluruh dunia berpendapat bahawa makanan segera memang memudaratkan.<sup>276</sup> Misalnya Big Mac produk Mc Donald's mengandungi 28gm lemak tepsu selain daripada pelbagai bahan yang memudaratkan kesihatan.<sup>277</sup>

Menurut Nik Shanita Safii Pensyarah Kanan Pemakanan dan Dietitian UKM, secara umum masyarakat sememangnya mengetahui kesan pengambilan segera terhadap kesihatan, tetapi sikap dan amalan tidak seiring dengan pengetahuan, contohnya apabila berjalan bersama keluarga, anak-anak mengajak ibubapa makan di KFC, lalu mereka menurut kemahuan anak-anak dengan alasan seminggu sekali. Ini membuktikan bahawa pengetahuan mengenai kemudaratannya pengambilan makanan segera tidak semestinya menjadikan amalan dan sikap manusia berubah.<sup>278</sup> Pelbagai pandangan dan pendapat telah dikemukakan oleh pakar pemakanan dan para sarjana mengenai kesan kemudaratannya terhadap pengambilan makanan segera antaranya:

---

<sup>275</sup>Ahmad Kamil Mohamed (2007), *Ancaman makanan segera* MyHealth Portal, <http://www.myhealth.gov./servlets/sfs?&s=Q5CTnOhk55hIBIk>, h. 1, 28 Ogos 2007. Lihat juga Shanthi A.Bowman *et. al*, *Effect of fast-food Consumption on Energy Intake and Diet Quality Among Children in a National Household Survey*, *Pediatrics* 2004;113:112-118. DOI:10..1542/peds.113.1.112, naik turun www.pediatrics.org, h. 112-114., 21 Ogos 2007. Lihat juga Dr Tee E. Siong pakar pemakanan yang menyatakan bahawa kita perlu melihat dengan lebih luas dan menyeluruh tentang makanan yang tidak sihat dengan bukan hanya melihat kepada makanan segera ala barat sahaja sedangkan makanan tempatan sendiri juga termasuk sebagai makanan yang memudaratkan. Makanan tersebut dikira sebagai 'silent killer.' N14 NATION Sunday Star 16 Februari 2007.

<sup>276</sup>Menurut Nik Shanita Shafii, Pensyarah Kanan Pemakanan dan Dietitian UKM, makanan segera tidak semestinya memudaratkan kesihatan, ia perlu merujuk kepada kes demi kes kes. Misalnya atlit mereka boleh makan *fast food* kerana kalorinya dibakar, tapi perlu diingat *fast food* kurang serat tetapi tinggi kandungan garam. Mereka perlukan lebih serat. Manakala bagi mereka yang sudah sememangnya mempunyai masalah kesihatan seperti kencing manis dan tekanan darah tinggi pengambilan makanan segera merangsangkan lagi kepada punca penyakit.

<sup>277</sup>*Ibid.*

<sup>278</sup>Temu bual dengan Nik Shanita Safii, tarikh 13 Januari 09.

### **2.9.1. Masalah Kegemukan**

Pakar Perunding Perubatan Hospital Pakar Shah Alam, Dr. Zulkarnain Ahmad Hamidy berkata, pengambilan makanan segera yang berlebihan dan keluarga yang ketagih makanan segera serta malas bersenam akan menyumbang kepada obesiti yang menjadi punca segala penyakit termasuk darah tinggi, sakit jantung, kencing manis dan kegagalan buah pinggang.<sup>279</sup> Menurut kajian yang dibuat oleh Dr. Winnie Chee, pakar pemakanan terdapat 25% rakyat Malaysia mengalami masalah kegemukan.<sup>280</sup> Di Amerika Utara lebih daripada 50% penduduknya yang terdiri dari golongan dewasa menghadapi masalah kegemukan.<sup>281</sup> Satu kajian telah dibuat untuk mengenalpasti bilangan murid-murid yang mengalami masalah kegemukan yang diambil dari sekolah rendah murid-murid darjah 1-6. Hasil kajian yang dibuat dari seramai 210 kanak-kanak yang mengalami masalah kegemukan mengikut etnik, bangsa Cina 48.6%, Melayu 36.7% dan India 12.9% dan jika mengikut jantina 66.7% adalah lelaki dan 33.3% perempuan dan kajian menunjukkan 78.5% kanak-kanak yang mengalami kegemukan adalah mereka yang datang dari keluarga yang pendapatannya RM1,000.<sup>282</sup>

---

<sup>279</sup> Zulkarnain Ahmad Hamidy, *Hentikan besarkan anak dengan makanan segera*, MyHealth Portal, <http://www.myhealth.gov./servlets/sfs?&s=Q5CTnOhk55hIBIk>. h.1, 28 Ogos 2007.

<sup>280</sup> Winnie Chee, (2008) *The Fat of the matter*, [http://www.Org.my/html/new\\_sdetails.aspx?ID=1](http://www.Org.my/html/new_sdetails.aspx?ID=1) Dietitians' Malaysian Dietitians' Association, h.1, 08 Jun 2009. Lihat juga Ismail MN *et al.* Prevalence of obesity and chronic energy deficiency (CED) in adult Malaysian, Mal J Nutr 1:1-9, 1995, h.1, 30 Disember 2008.

<sup>281</sup> Reader's Digest, Food The Harm Food The Heal, An-A-Z Guide to safe and healthy eating *Fast Food, Eating on the Run*, h. 151. lihat Cara B. Ebbeling *et al.*(2004)*Compensation For Energy Intake From Fast Food Among Overweight And Lean Adolescents*, naik turun dari [www.jama.com](http://www.jama.com) at Universiti Kebangsaan Malaysia, h. 2828, 30 Disember 2008.

<sup>282</sup> Bong ASL & Safurah Jafar (1996), *Obesity among years 1 and 6 primary school children in Selangor Darul Ehsan State Health Department*, Mal J Nutr 2: 21-27, Shah Alam, h. 1-3, Disember 2008. Lihat Sherina Mohd Sidik & Rozali Ahmad (2004), *Childhood Obesity: Contributing Factors, Consequences and Intervention*. Al J Nutr 10 (1):13-22,2004 h. 1, 2, 4&5, 30 Disember 2008. David S. Ludwig & Marion Nestle, (2008), *Can the Food Industry Play a Constructive Role in the Obesity Epidemic?*, muat turun dari [www.jama.com](http://www.jama.com) di UKM, h. 1808-1810, 30 Ogos 2008. Raihanah Abdullah, *Makanan segera antara punca kegemukan kanak-kanak*, Berita Harian 28 Mac 2003, <http://WWW.JPHPK.GOV.MY/Malay/Apr03%2028a.htm>, 31 Disember 2008., h. 1-3.

Manakala tahap kegemukan di Malaysia meningkat kepada 37% daripada 20% dalam masa satu dekad yang lalu.<sup>283</sup>

Satu kajian yang dibuat di Australia dalam tempoh lebih dari 40 tahun yang lalu menunjukkan bahawa kadar kegemukan di kalangan telah kanak-kanak meningkat dari 2-4% pada tahun 1960 kepada 10% pada tahun 1985 kepada 20% pada tahun 1995.<sup>284</sup> Di Amerika Syarikat kira-kira satu pertiga penduduknya mengalami kegemukan berbanding 20 tahun yang lalu.<sup>285</sup> Adalah dianggarkan kira-kira 130 juta rakyat Amerika mengalami masalah kegemukan dan 9 juta kanak-kanak turut mengalami kegemukan.<sup>286</sup> Sekiranya masalah kegemukan di kalangan kanak-kanak ini berterusan, kerajaan Amerika Syarikat akan membelanjakan kira-kira \$860 billion atau lebih dari 16% perbelanjaan pengurusan kesihatan menjelang 2030.<sup>287</sup> Manakala di negara China peningkatan tahap kegemukan telah meningkat dua kali ganda antara 1992-2002, dianggarkan pada 2002 kira-kira 7.1% daripada jumlah penduduk sebanyak 60 juta.<sup>288</sup>

---

<sup>283</sup>Ayu Musa Kamal dan Masami Mustaza, *Fast Food Folly*, the malay mail, Khamis 22 Februari 2007.

<sup>284</sup>Sandra Capra, *Poor eating among adolescents and young adults-what are we do?*, *Malaysia Jurnal Nutrition* 11(1): S1-S88,2005, 30 Disember 2008.

<sup>285</sup>Lynn Silver & Mary T. Bassett, *Food Safety for the 21st Century, Commentary*, muat turun dari www.jama.com di Universiti Kebangsaan Malaysia, h. 957, 30 Disember 2008. Lihat Shanty A. Bowman and Bryn T. Vinyard, *Fast Food Consumption of U.S. Adults: Impact on Energy and Nutrient Intakes an Over weight Status*, *Journal of the American College of Nutrition*, Vol. 23, No.2, 163-168 (2004), h. 163-168, 30 Disember 2008.

<sup>286</sup>*Ibid.*

<sup>287</sup>Terry T-K Huang & Thomas A. Glass (2008) *Transformation Research Strategies for Understanding and Preventing Obesity*, Naik turun dari www.jama.com di UKM, h. 1811, 30 Disember 2008.

<sup>288</sup>Shahul Ebrahim *et al.* *Globalization of Behaviortal Risks Needs Faster Diffusion of Interventions*. volume 4: No.2. April 2007, h. 3. Lihat juga www.cdc.gov/pcd/issues/2007/apr/06\_0099.htm. *Centers for Disease Control and Prevention*, 26 April 2007.

## 2.9.2. Risiko Kencing Manis

Di Malaysia, jumlah rakyat yang mengidap penyakit kencing manis yang disebabkan oleh pengambilan makanan segera telah meningkat sebanyak sembilan peratus jika dibandingkan dalam tempoh masa dua puluh tahun yang lalu di mana pengidap penyakit kencing manis adalah sebanyak enam peratus sahaja. Jika amalan pengambilan makanan segera ini berterusan, maka jumlah pesakit dijangka akan meningkat antara 12 hingga 13 peratus pada tahun 2020.<sup>289</sup> Menurut Persatuan Pulau Pinang (CAP) antara makanan segera yang dikategorikan sebagai tidak sihat ialah mi segera, burger dan coklat. Makanan tersebut merupakan penyumbang kepada penyakit kronik seperti sakit jantung, kencing manis, darah tinggi dan buah pinggang yang dihidapi kira-kira tiga juta penduduk negara ini.<sup>290</sup> Malah, dua juta rakyat negara ini iaitu 8.5 peratus daripada 26 juta penduduk, didapati menghidap penyakit diabetes, yang kebanyakannya berpunca daripada makanan.<sup>291</sup>

---

<sup>289</sup> Mohd Roji Abdullah, *Makanan Segera Lebih Bahaya Daripada Rokok* (2007), <http://www.myhealth.gov.my/servlets/sfs?&s=Q5CTnOhk.55hlB1k>. Lihat juga Chua Soi Lek(2007) *Campaign against fast food*, N6 NATION. The Star, Rabu 21 Disember 2007.

<sup>290</sup> Menurut Nik Shanita Shafii, Pensyarah Kanan Pemakanan dan Dietitian UKM, makanan segera tak semestinya dikaitkan penyakit-penyakit kronik. Ia bergantung kepada diet seseorang. Ini kerana seseorang itu tidak akan mendapat diet yang lengkap dalam setiap hidangan yang di ambil. Justeru, seseorang itu perlu menampung kekurangan diet yang diambil dalam tempoh masa satu minggu untuk mengelakkan berlakunya kemudaratan terhadap diri. Dalam hal ini kepelbagaiannya pengambilan makanan adalah diperlukan. Seterusnya, secara umumnya terdapat kebarangkalian makanan segera boleh dikaitkan dengan penyakit kronik, akan tetapi ia banyak bergantung kepada diet seseorang. Jika dilihat secara individu didapati ianya banyak bergantung kepada diet yang diambil. Justeru sikap dan tahap kefahaman pengguna terhadap kandungan zat makanan yang diambil, jumlah dan kekerapan makanan yang diambil serta tidak melakukan aktiviti yang boleh membakar kalori adalah antara punca kepada kemudaratan iaitu penyakit. Temu bual dengan Nik Shanita Safii, *op.cit*.

<sup>291</sup> Fast Food Ration on Yahoo! Health, Fast Food Ration, <http://health.yahoo.com/tips/fast-food-ration/realage--2695-print.htm>, h. 1, 16 Januari 2009.

### **2.9.3. Risiko Sakit Jantung**

Menurut laporan yang dibuat oleh *CNN.com.health* bertarikh 14 Mac 2000, makanan ringan meningkatkan risiko remaja menghadapi sakit jantung. Ia berpunca daripada lebihan lemak tepu dan kolestrol yang terdapat di dalam makanan ringan pada hari ini. Penemuan ini dibentangkan di dalam mesyuarat Kolej Kardiologi Amerika di Anaheim, California.<sup>292</sup> Setiap tahun satu pertiga penduduk dunia atau kira-kira 17 juta orang mati disebabkan penyakit jantung. Gaya hidup tidak sihat termasuk corak pemakanan tinggi kolesterol dan kurang bersenam adalah pemangkin utama selain faktor salasilah keluarga yang mempunyai penyakit jantung.<sup>293</sup>

### **2.9.4. Risiko Darah Tinggi**

Makanan ringan amat berbahaya kepada kesihatan apatah lagi apabila ia diambil selalu. Pengkaji-pengkaji dari pusat Pendidikan Pasific Health di Bakersfield California dan Prevention Concepts, Inc. di Los Angeles, pernah menjalankan suatu kajian yang melibatkan 200 pelajar sekolah dan mendapati lapan daripada sepuluh pelajar-pelajar itu mangambil lebihan lemak tepu melalui makanan ringan. Ujian makmal menunjukkan, satu pertiga daripada mereka mengandungi kadar kolestrol dalam darah yang tinggi dan 10% daripada mereka menghadapi penyakit darah tinggi. Kajian ini jelas menunjukkan lebihan lemak tepu yang terdapat di dalam makanan ringan akhirnya

---

<sup>292</sup>Danial Zainal Abidin (2003), *op.cit.*, h. 49.

<sup>293</sup>Alhaudhie (2007), *Makanan segera antara punca penyakit kronik*, <http://halaqah.Net/v10/index.php?PHPSESSID=Oa3d827996707f95555fd972db04e58d&action+p>, 31 Disember 2008.

menyempitkan pembuluh darah dan menjadi penyebab kepada penyakit darah tinggi terutamanya apabila umur seseorang sudah meningkat.<sup>294</sup>

### **2.9.5. Risiko Kanser**

Pakar kanser Mc Donald's sendiri Dr. Sydney Arnott mengakui bahawa makanan yang mengandungi lemak, garam dan gula yang tinggi tetapi kurang serat, galian dan vitamin dalam makanan segera Mc Donald's memang ada kaitan dengan kanser.<sup>295</sup> Statistik menunjukkan kanser menyerang 10 juta orang dan telah meragut 6.3 juta nyawa setahun. Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) telah menyenaraikan kanser sebagai pembunuhan kedua bagi masyarakat dunia pada hari ini.<sup>296</sup> Di Malaysia pula, kanser adalah pembunuhan kedua selepas kematian akibat kemalangan jalan raya. Setiap tahun kira-kira 300,000 kes baru yang melibatkan kanser dikesan (angka ini tidak termasuk pesakit yang mendapat rawatan secara tradisional atau di hospital dan klinik swasta).<sup>297</sup>

Berpandukan kepada maklumat-maklumat di atas, dapat dirumuskan bahawa tabiat penambilan makanan segera boleh memudaratkan kesihatan. Walau bagaimanapun, ahli-ahli profesional dan ahli akademik menghadapi masalah dalam menentukan makanan segera sebagai makanan yang tidak sihat atau sebaliknya. Dalam hal ini, terdapat dua pandangan yang berbeza mengenai pengambilan makanan segera dan kesannya terhadap kesihatan. Pihak yang tidak menyokong pengambilan makanan segera telah mendakwa bahawa makanan segera mengandungi kandungan lemak, garam

---

<sup>294</sup>Danial Zainal Abidin (2003), *op.cit.*, h. 48.

<sup>295</sup>MyHealth Portal, <http://www.myhealth.gov>. 28 Disember 2008.

<sup>296</sup>Panduan Persatuan Pengguna Pulau Pinang (2006), *op.cit.*, h. 42-43, lihat S.M. Mohamed Yusuf (2007), *Health hazard warning, (The Malay Mail)*, 22 Februari 2007, h. 3-4.

<sup>297</sup>*Ibid.*

dan gula yang tinggi manakala kandungan zat dan protein yang rendah menyebabkan keadaan ini tidak sesuai dengan diet masyarakat.<sup>298</sup> Terdapat juga pandangan daripada pakar-pakar pemakanan yang mengatakan bahawa makanan segera adalah merbahaya kepada kesihatan kanak-kanak. Oleh itu, ada pendapat yang mengatakan bahawa amalan makanan segera mungkin akan mempercepatkan kematian.

Bagi mereka yang mempertahankan amalan makanan segera pula, mereka mengatakan bahawa kandungan gula yang tinggi dalam makanan segera adalah terdiri daripada gula halus yang dikeluarkan daripada makanan tumbuh-tumbuhan dan gabungan di antara gula dan lemak pula dapat menyediakan hampir 80% daripada kalori manusia.<sup>299</sup> Malah seorang pakar pemakanan bernama Ronald M. Deutsch telah mengatakan bahawa adalah salah menganggap bahawa makanan segera mengandungi protein yang tinggi adalah baik untuk kesihatan manusia, menurut beliau umpamanya susu ibu hanya mengandungi 6% protein sahaja tetapi mengandungi 48% kalori gula dan 46% kalori lemak.<sup>300</sup> Pada April 1975 seorang pakar pemakanan Howard Appleldorf telah membuat satu kajian dalam isu yang berkaitan dengan teknologi makanan (*food technology*) dan hasil kajian beliau menunjukkan bahawa nilai nutrisi makanan segera adalah bergantung pada pemilihan yang dibuat oleh pelanggan kerana sebenarnya restoran-restoran makanan segera ada menyediakan makanan yang berkhasiat seperti “milkshake”<sup>301</sup> Needham, Harper dan Steevs dalam kajiannya yang bertajuk ‘*The Shopping Crisis*’ telah menyatakan bahawa:

---

<sup>298</sup>Fredrick, Len (1997), “Amalan Makanan Segera: Satu Kajian Kes Di Kalangan Mahasiswa-Mahasiswa Fakulti Sastera Dan Sains Sosial, Universiti Malaya”, (Latihan Ilmiah, Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya), h. 4.

<sup>299</sup>*Ibid.*, h. 5.

<sup>300</sup>*Ibid.*

<sup>301</sup>*Ibid.*, h. 71.

“...Nutrisi makanan adalah sangat penting, tetapi pengguna tidak mengetahui apakah sebenarnya nutrisi itu?, lalu dalam semua keadaan mereka tidak menghiraukan kandungan nutrisi dalam makanan. Mereka percaya nutrisi adalah protein yang sifat semulajadinya baik, tanpa aditif, bebas daripada bahaya terhadap kesihatan dan punca kepada penyakit. Sehubungan dengan itu melalui kempen perkhidmatan maklumat pemakanan dapat membantu masyarakat memahami proses pengayaan, pengolahan dan aditif dalam makanan serta keperluan-keperluan yang diperlukan oleh para petani untuk menghasilkan makanan seperti penambahan aditif yang jika di nilai dari sudut pencemaran dan risiko terhadap kesihatan sekitar 0.0001%.<sup>302</sup>

Menurut Mary Easaw John,<sup>303</sup> secara keseluruhannya makanan segera memang boleh dikatakan sihat kerana ia membekalkan pelbagai nutrien yang diperlukan jika anda bijak memilihnya. Walaupun kandungan lemak tepu, natrium dan kalori dalam makanan segera kegemaran ramai seperti burger, kentang goreng, ayam goreng, pai, biskut dan coleslaw berkrim adalah tinggi, berbanding kandungan vitamin A dan C atau kalsium yang rendah, akan tetapi perkara paling penting yang harus diingat ialah apakah anda berupaya membakar kalori berlebihan. Justeru, dalam pemilihan makanan segera beliau menyarankan agar setiap individu perlu berusaha mengawal selera dengan tidak memikirkan saiz hidangan lebih besar kerana hidangan yang lebih besar bermakna lebih kalori dan besar kemungkinan lebih lemak, lebih kolesterol dan lebih natrium. Kongsi makanan yang di pesan dengan kawan, pasangan atau anak-anak bagi mengurangkan jumlah makanan yang diambil. Mengurangkan sos istimewa dan snek seperti mayonnaise apabila mengambil makanan seperti salad, sandwic atau kentang goreng. Mengambil perhatian terhadap menu harian dengan meneliti ramuan dan kandungan sesuatu sajian, lebih-lebih lagi sajian baru dan seterusnya dalam

---

<sup>302</sup>Ibid., h. 63.

<sup>303</sup>Mary Easaw John adalah seorang pakar pemakanan yang masih bertugas di jabatan perunding diet (Diet Consultant) Institut Jantung Negara (IJN) Kuala Lumpur dan penasihat kepada KidsHealth - program pendidikan masyarakat, (2009) *Pilih makanan segera dengan betul*, Utusan Malaysia, 25 Oktober 2009. <http://www.jphpk.gov.my/Malay/Okt%202002%2025e.htm>, h. 1-2, 14 Jun 2009.

pengambilan makanan perlu dipelbagaikan dengan memasukkan semua kumpulan dalam Piramid Panduan Makanan dan jumlahnya biarlah sederhana.

Makanan segera sebenarnya boleh jadikan sebagai sebahagian daripada makanan yang sihat sekiranya pengguna bijak memilih serta menghadkan pengambilannya antara satu hingga dua kali sebulan dan seterusnya mematuhi beberapa panduan yang ditetapkan seperti berikut:<sup>304</sup>

- a) Memesan ayam panggang bagi menggantikan ayam goreng atau ikan goreng serta memesan sajian makanan segera yang bersaiz kecil.
- b) Elakkan pengambilan makanan berkalori tinggi. Kalori boleh meningkat sehingga lebih dari dua kali ganda dengan pengambilan makanan bergoreng.
- c) Elakkan mengambil hidangan pencuci mulut, manisan, milk shake dan pai bersama-sama dengan sajian makanan segera anda.

---

<sup>304</sup> My HEALTH Portal-Makanan Segera, *Pemakanan>> Makan Secara Sihat >>Makanan Segera* [http://www.jphpk.gov.my/myhealth/bm.remaja\\_content.jsp?lang=remaja&sub=O&bhs=may](http://www.jphpk.gov.my/myhealth/bm.remaja_content.jsp?lang=remaja&sub=O&bhs=may), h. 1, 15 Jun 2009. Lihat Suzanne Barston *et al. Healthy Choices at Fast-Food Restaurants*, Healty Fast-Food, [http://www.helpguide.org/life/fast\\_food\\_nutrition.htm](http://www.helpguide.org/life/fast_food_nutrition.htm), h. 1-5, 16 Januari 2009, Real Age (2004), *Fast Food May Be Fruitsless*, <http://health.yahoo.com/tips/fast-food-may-be-fruitsless/realage--2451>, h. 1, 16 Januari 2009. Karen Ansel, (2006), *Healty Fast Food*, Men's Health, <http://health.yahoo.com/nutrition-healthyhabits/healthy-fast-food/men>, h.1-3, 16 Januari 2009. Cheryl Koch (2005), *Smart Fast Food Choices*, <http://health.yahoo.com/experts/weightkoch/1360/smart-fast-food-cho>. h. 1-2, 16 Januari 2009. Cherly Koch (2006), *Fast Food Choices*, <http://health.yahoo.com/experts/weightkoch/4798/fast-food-choices/print>, dan MayoClinic.com (2008), *Fast food: 6 ways to healthier*, <http://health.yahoo.com/other/fast-food-6-ways-to-healthier-meal>. h. 1-2, 16 Januari 2009.

- d) Hadkan pengambilan sos salad, pasta salad, salad kentang, keju dan kekacang. Ambil daun salad, tomato, cendawan, lobak merah, saderi dan timun dengan banyak serta ambil sos salad yang rendah kalori.
- e) Mengetahui kandungan lemak dalam beberapa jenis makanan segera. Pilih menu yang mengandungi kurang dari 20 hingga 25g lemak. Sebagai contoh, pesan sandwich ayam panggang tanpa mayonis (mengandungi 8g lemak) dan kentang saiz sederhana (mengandungi 12g lemak) atau pilih burger keju bersaiz kecil (mengandungi 13 hingga 29g lemak) tanpa mengambil kentang goreng.
- f) Pilih kentang bakar dan tambahkan keju, sos cili atau sos tomato atau 2 sudu makan keju kisar atau krim masam pada kentang bakar. Manakala ketika memesan minuman pilih minuman gas berkalori rendah, susu rendah lemak, jus buah-buahan, teh atau air dan elakkan pengambilan minuman yang berkalori tinggi.
- g) Tidak mengambil mayonis bagi mengurangkan jumlah kalori(1sudu mayonis bersamaan100 kalori) dan tambahkan mustard, tomato, daun salad, acar atau bawang.
- h) Bawa sebiji buah-buahan segar seperti buah pisang, epal atau oren sebagai tambahan kepada menu makanan segera anda.

Perlulah difahami bahawa kandungan kalori dalam makanan segera sama ada tinggi atau rendah adalah bergantung kepada saiz makanan, penambahan bahan lain seperti sos atau serbuk-serbuk roti, kaedah memasak yang digunakan sama ada goreng atau bakar dan kandungan kalori bahan makanan mentah sebelum dimasak atau disediakan.<sup>305</sup>

## **2.10. MAKANAN DAN KESIHATAN**

Makanan dan kesihatan adalah merupakan dua elemen penting dalam kehidupan manusia untuk membolehkan manusia menjalankan aktiviti kehidupan. Jika baik makanannya maka sihatlah jasadnya begitulah sebaliknya. Kesihatan tubuh badan banyak bergantung kepada makanan dan amalan pemakanan. Ungkapan “*Anda adalah apa yang anda makan*” menggambarkan kesan yang diperoleh terhadap pengambilan makanan. Kebanyakan penyakit yang menimpa masyarakat dalam dunia moden kini adalah berpunca daripada makanan, sama ada berpunca daripada kekurangan makanan, pengambilan makanan secara berlebihan atau pengambilan makanan yang boleh memudaratkan kesihatan.

Oleh sebab itu dalam al-Quran terdapat banyak ayat-ayat yang memberikan garis panduan dalam memilih makanan serta menerangkan kelebihan-kelebihan makanan tertentu, umpamanya dengan memilih makanan yang halal lagi baik dan

---

<sup>305</sup> My HEALTH Portal-Makanan Segera, *Makan Secara Sihat*, 28 Ogos 2007.  
[http://www.jphpk.gov.my/myhealth/bm.remaja\\_content.jsp?lang=remaja&sub=O&bhs=may](http://www.jphpk.gov.my/myhealth/bm.remaja_content.jsp?lang=remaja&sub=O&bhs=may), h. 1-2, 15 Jun 2009.

kelebihan buah tamar dan buah zaitun. Begitu juga terdapat banyak terdapat hadis Rasulullah SAW yang menjelaskan lagi perkara yang sama di samping mengajar manusia berhubung dengan akhlak dalam menikmati makanan. Kesemuanya adalah bertujuan untuk memastikan agar setiap individu Muslim sentiasa berada dalam keadaan sihat. Apabila kesihatan terjamin sudah tentu beban dan tanggung jawab di dunia ini termasuk beribadat kepada Allah SWT dapat dilaksanakan dan disempurnakan dengan baik. Kesihatan adalah merupakan amanah Allah SWT oleh yang demikian adalah menjadi tanggung-jawab setiap individu Muslim untuk menjaganya dan memeliharanya dengan baik, tidak mensia-siakannya malah menggunakannya untuk berbakti dan beribadat kepada Allah SWT dan mematuhi segala suruhanNya. Kesihatan adalah merupakan sebesar-besarnya nikmat Allah SWT dan merupakan perkara yang pertama akan dipersoalkan pada hari kiamat nanti.<sup>306</sup>

#### **2.10.1 Definisi Kesihatan**

Menurut Kamus Dewan, sihat adalah bererti tidak kena atau mengidap sebarang penyakit yang bermaksud berada dalam keadaan segar dan afiat<sup>307</sup> atau keadaan kesihatan tubuh badan yang bebas dari sebarang penyakit atau berada dalam keadaan yang sihat.<sup>308</sup> Menurut kamus *Munjid* pula sihat dalam bahasa Arab adalah berasal daripada perkataan ‘*sahha*’ yang bermaksud tiada penyakit atau sejahtera dan bersih daripada

---

<sup>306</sup>Ibid., h. 99. Lihat Monika@Munirah bt. Abdul Razak (2003), *op.cit.*, h.18.

<sup>307</sup>Noresah bt. Baharom (2007), *op.cit.*, h. 1490. Lihat juga EM Zul Fajri dan Ratu Aprilla (t.t), *Kamus Lengkap Bahasa Indonesia*, Senja Difa Publisher, h. 740.

<sup>308</sup>Cambridge University Press (1995), *Cambridge International Dictionary of English*. h. 655.

segala atau lawan dari sakit. Sementara Osman Bakar<sup>309</sup> mengatakan bahawa menurut Islam kesihatan adalah merujuk kepada kesihatan spiritual, intelektual, psikologi, dan fizikal dan faktor-faktor ini saling berkait dan bersatu secara menyeluruh. Namun bagi WHO pula mendefinisikan sihat<sup>310</sup> sebagai “kesejahteraan yang sempurna serta menyeluruh dari segi fizikal, mental, emosi, sosial, dan rohani bukan hanya ketiadaan penyakit atau cacat cedera sahaja.”

### **2.10.2. Konsep Kesihatan**

Menurut ajaran Islam kesihatan bukan sahaja merujuk kepada kesihatan fizikal semata-mata seperti terhindar dari penyakit dan kecederaan, akan tetapi tetapi ianya meliputi kesihatan tempat tinggal, alam sekitaran, emosi dan spiritual. Konsep kesihatan yang diperkenalkan oleh Islam adalah bermula dari sebelum kelahiran manusia iaitu dengan menetapkan beberapa kriteria-kriteria yang harus dipatuhi dalam mendirikan rumah tangga iaitu dengan memilih isteri atau suami yang baik, dari keturunan yang terselamat daripada penyakit dan kecacatan.<sup>311</sup>

Melalui ajaranNya manusia diajar mengenai asas-asas kesihatan diri, masyarakat dan bernegara yang semuanya bertujuan untuk mendekatkan diri kepada

---

<sup>309</sup>Osman Abu Bakar (1989) “*The Psychology of Islamic Medicine And Its Relevan To The Modern World, International Seminar on Islamic Phylosophy And Science*, P. Pinang: Universiti Science Malaysia.

<sup>309</sup>Wan Jasimah (2000), *op.cit.*, h. 1.

<sup>310</sup>Robert M Kaplan, Peggy Blake, Robert Frye(1982), *Understanding Health*, New York: Ramelon Housil School Division, h. 4. W. B. Saunders, (1974) *Medical Dictionary*. Tokyo: Igaku Shoin, h. 683, William C.Cockerham (1992), *Medical Sociology*, c. 5, New Jersey: Prentice Hall, h. 2.

<sup>311</sup>Ahmad Taha (1992), *Kedoktoran Islam*. Ismail Ibrahim (terj.), c.1. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 106.

Allah SWT seperti ibadat-ibadat sembahyang, zakat dan haji.<sup>312</sup> Seterusnya, pengurusan kesihatan umum adalah merupakan langkah-langkah untuk merealisasikan konsep kesihatan yang merupakan matlamat syariat Islam yang ditegakkan di atas dasar mencapai kebaikan dan menjauhkan keburukan atau mengawal lebih baik daripada merawat. Islam menutup semua pintu yang boleh membawa kepada kepincangan kesihatan orang Islam secara zahir dan batin.

Pada asalnya, konsep ‘kesihatan’ merujuk kepada keadaan seseorang yang hidup dalam keadaan sihat, selamat, dan bebas dari kecederaan, kecacatan dan penyakit.<sup>313</sup> Pada tahun 1948, dalam Persidangan Kesihatan Sedunia kali pertama anjuran Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) kesemua 54 orang wakil negara sebulat suara menerima usul bahawa ‘kesihatan’ bermakna sihat dari aspek fizikal, mental dan sosial dan bukan sekadar bebas daripada penyakit, kecacatan dan kecederaan sahaja.<sup>314</sup> Menurut konsep ini ketiga-tiga komponen iaitu mental, fizikal dan sosial adalah bersepada dan saling bertindak antara satu sama lain, sebarang perubahan sama ada buruk atau baik yang berlaku pada salah satu komponen itu tentu mengganggu dua komponen yang lain. Terdapat dua lagi komponen penting dalam kesihatan, iaitu komponen emosi dan rohani. Hoyman (1962) menafsirkan kesihatan sebagai keadaan sihat yang optimum bagi kehidupan yang sempurna, produktif dan kreatif, ini ditujukan dalam satu hierarki yang bermula dengan kesihatan optimum dan berakhir dengan kematian.<sup>315</sup>

---

<sup>312</sup>*Ibid.*, h. 107.

<sup>313</sup><http://www.geoties.com/alhikmah2000/kesihatan.htm#konsep> 04 Jun 09. Lihat juga Lee Yeng Foon (2003-2004) *op.cit.*, h. 24. Lihat Monika@Munirah bt. Abdul Razak, (2003), *op.cit.*, h. 36.

<sup>314</sup>*Ibid.*, lihat juga <http://www.geoties.com/alhikmah2000/kesihatan.htm#konsep> 04 Jun 2009.

<sup>315</sup>*Ibid.*, h. 24.

Menurut Osman Bakar,<sup>316</sup> Konsep kesihatan dalam Islam adalah amat berbeza sekali daripada konsep tersebut. Islam memberi pengertian yang suci kepada kesihatan dan kesakitan. Kesihatan adalah merangkumi kesihatan dunia dan akhirat. Sihat dalam kehidupan dunia ialah bersih dari segala penyakit dunia yang ada hubungan dengan hati dan badan. Sihat di akhirat pula ialah terselamat dari seksaan di akhirat. Justeru, konsep kesihatan dalam Islam adalah merangkumi kesihatan badan dan kesihatan hati.<sup>317</sup>

---

<sup>316</sup>Osman Bakar (1989) *The Philiosophy of Islam Medicine and its relevance to the modern world: International seminar on Islamic Philiosophy and science*, Pulau Pinang: USM, h. 36.

<sup>317</sup>Ahmad Taha (1992), *op.cit.*, h. 88.